

SUMBANGAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM
DALAM PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN: KAJIAN
TERHADAP KARYA **EXPLORING THE QUR'AN:**
CONTEXT AND IMPACT

RADEN QURRATU'AINI BT MUHAMMAD MUN'IM

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2023

**SUMBANGAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM
DALAM PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN: KAJIAN
TERHADAP KARYA *EXPLORING THE QUR'AN:
CONTEXT AND IMPACT***

RADEN QURRATU'AINI BT MUHAMMAD MUN'IM

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN KEPERLUAN IJAZAH
SARJANA USULUDDIN
(AL-QURAN DAN AL-HADITH)**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2023

**UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Nama: Raden Qurratu'Aini bt
Muhammad Mun'im

No. Matrik: 17035981/1

Nama Ijazah: Sarjana Usuluddin (Mod Campuran)

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

SUMBANGAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM DALAM PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN: KAJIAN
TERHADAP KARYA EXPLORING THE QUR'AN: CONTEXT AND IMPACT
(THE CONTRIBUTIONS OF MUHAMMAD ABDEL HALEEM IN THE STUDY OF EXEGESIS OF AL-QURAN:
A STUDY ON EXPLORING THE QUR'AN: CONTEXT AND IMPACT)

Bidang Penyelidikan: Quranic Studies (221: Religion)

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 11 Julai 2023

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 11 Julai 2023

Nama:

Jawatan

**SUMBANGAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM
DALAM PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN: KAJIAN TERHADAP
KARYA *EXPLORING THE QUR'AN: CONTEXT AND IMPACT***

ABSTRAK

Salah tafsir teks al-Quran adalah antara isu penting yang dibincangkan dalam pengajian tafsir al-Quran. Sesuai dengan perkembangan zaman yang turut menyaksikan kompleksnya taakulan manusia, rekonstruksi pemahaman al-Quran berlangsung khususnya dalam bidang pentafsiran al-Quran yang dipengaruhi oleh ideologi tertentu dan mengutamakan pertimbangan akal semata-mata akibat meninggalkan peranan wahyu itu sendiri. Kajian ini dikemukakan bertujuan untuk mengedepankan penghujahan Muhammad Abdel Haleem bagi menjawab sebilangan salah tafsir ayat al-Quran oleh segelintir pihak seperti Orientalis dan ahli akademik Barat. Kewajaran kajian ini signifikan apabila hasrat Barat dalam mengadukkan kebenaran dan kebatilan dalam urusan agama Islam dapat dilihat melalui wacana pentafsiran al-Quran sehingga wujudnya salah faham daripada salah tafsir teks al-Quran itu sendiri. Justeru, Muhammad Abdel Haleem sebagai salah seorang ilmuwan Islam dari dunia Barat tampil melawan ancaman dan pengaruh yang berbentuk penyelewengan terhadap tafsiran teks al-Quran. Maka, pengkaji menganalisis karya beliau berjudul *Exploring the Qur'an: Context and Impact* tampil dengan hujahan-hujahan ampuh tersebut dengan menggunakan kaedah pengumpulan data merangkumi penentuan subjek, penyelidikan perpustakaan, metode dokumentasi dan metode historis, serta menggunakan kaedah menganalisis data meliputi metode induktif, deduktif, komparatif dan analisis teks. Hasil dapatan menunjukkan bahawa penghujahan Muhammad Abdel Haleem dalam menjawab salah tafsir ayat al-Quran adalah cenderung menerusi pemahaman nas al-Quran melalui hujah akal (logik), sumber ilmu bahasa dan latar belakang sejarah.

Kata kunci: Tafsir, Muhammad Abdel Haleem, al-Quran, pemahaman nas, ideologi.

**THE CONTRIBUTIONS OF MUHAMMAD ABDEL HALEEM
IN THE STUDY OF EXEGESIS OF AL-QURAN: A STUDY
ON *EXPLORING THE QUR'AN: CONTEXT AND IMPACT***

ABSTRACT

Misinterpretation of the text of the Qur'an is one of the important issues discussed in the study of the interpretation of the Qur'an. In accordance with the development of the times that also witnessed the complexity of human reasoning, the reconstruction of the understanding of the Qur'an took place especially in the field of interpretation of the Qur'an which was influenced by certain ideologies and prioritized the consideration of reason alone as a result of abandoning the role of revelation itself. This study is presented in order to put forward the arguments of Muhammad Abdel Haleem to answer a number of misinterpretations of the Qur'anic verses by a few parties such as Orientalists and Western academics. The validity of this study is significant as the desire of the West in mixing truth and falsehood in Islamic religious affairs can be seen through the discourse of interpretation of the Qur'an so that there is a misunderstanding from the misinterpretation of the text of the Qur'an itself. Therefore, Muhammad Abdel Haleem as one of the Islamic figures from the Western world came forward against the threat and influence in the form of distortions towards the interpretation of the text of the Qur'an. Hence, the researcher analyzed his work entitled *Exploring the Qur'an: Context and Impact* came up with these powerful arguments by using data collection methods which include subject determination, library research, documentation and historical methods, as well as using data analysis methods including inductives method, deductive method, comparative method and text analysis. Findings show that Muhammad Abdel Haleem's argumentation in answering the misinterpretation of the Qur'anic verse tends to be through logical arguments, source of language and the background of history.

Keyword: Exegesis, Muhammad Abdel Haleem, al-Quran, text understanding, ideology.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang Maha Pengasih, Maha Tinggi, Maha Berkuasa kerana dengan izin-Nya dan rahmat-Nya perjalanan kajian ini dapat dimulakan dan diselesaikan walau mengambil masa yang tidak singkat. Sungguh segalanya dipermudahkan dalam cara yang tidak tersangkakan. Tidak tergambar syukur yang dipanjatkan atas nikmat melewati tahun-tahun pengajian ini. Selawat dan salam ke atas junjungan Baginda, Nabi Muhammad SAW dan ahli keluarga Baginda dalam jejak masa yang meninggalkan teladan dan cinta buat umat.

Setinggi-tinggi terima kasih buat para penyelia yang dihormati dan disegani, Profesor Dr. Mustafa bin Abdullah dan Dr. Selamat bin Amir yang sentiasa menyuluh jalan dalam pengajian sarjana ini. Kepercayaan para penyelia ini membuatkan diri ini tidak hilang percaya pada diri sendiri untuk meneruskan apa yang telah dimulakan. Terima kasih tidak terhingga buat para penilai disertasi Prof. Madya Dr. Sedek bin Ariffin dan Dr. Ahmad Najib bin Abdullah, seluruh warga pensyarah dan staf JQH dan APIUM khususnya Bahagian Ijazah Tinggi serta pihak penaja Skim Pembiayaan Hafiz (SPH) JAKIM, semoga Allah membalas segala jasa dan budi dengan kebaikan.

Penghargaan istimewa buat suami tercinta, Abdul Jabbar bin Md Salleh, yang sentiasa menjadi cahaya matahari dan bulan, menemani saban waktu tanpa jemu. Penghargaan buat Abah, Mama, Ayah dan Mak yang sentiasa menitip doa dan semangat tiap ketika. Buat kedua-dua anakanda penyinar hidup, Sulaiman dan Sumayyah, didoakan agar sentiasa hidup dengan lentera ilmu yang terang dalam menyuluhkan perjalanan kehidupan kedua-duanya. Buat adik-beradik, ipar duai, anak saudara: Mu'az, Aisyah Nasyeethah, Laila Shifa', Salma Humaira', Yusra, Salam, Islam, Ara, Azzam, Ghafur, Muhaimin, Qayyum, Siti

Hajar, Hadi dan Ash Shakur; terasa hidup ini lebih meriah dan bermakna dalam kasih sayang yang tersulam antara kita semua. Terima kasih dari relung sanubari ini.

Buat Along Syuhada Subri dan Ezzati Shuaimi, sahabat sepengajian dari titik mula di daerah asing ini, tidak terbalas jasa, budi, kebaikan kalian buat seorang Raden Qurratu‘Aini. Moga setiap saat kita bersama mengirim semangat dan doa dihitung Allah sebagai kebaikan dan pahala yang membawa ke syurga. Buat Ateh Shofiyyah Aiza, Lina, Haziyah, Adilah Bahari, Neyli, Naimah, Farhah, Amira Hannan, Aimann, Falihah, Iffah, Era dan Azra, jiwa-jiwa istimewa yang membuatkan diri tersenyum dalam diam. Sedemikian juga buat seluruh sahabat-sahabat sarjana dan sarjana muda di APIUM yang sesekali ada dalam perjalanan ini serta setiap satu jiwa yang telah menitip semangat, kebaikan dan doa buat seorang Qurratu‘Aini, *jazakumullahu khayran jazaa’*.

Tidak terungkap setiap penghargaan dan terima kasih hanya dengan bait kata dan tulisan. Hanya Allah yang Maha Kaya dan Maha Luas dapat melimpahkan kebaikan buat semua hamba-Nya. Hanya dengan izin-Nya, diri ini melangkah, jatuh, bangun semula. Hanya dengan kasih sayang-Nya, segalanya bisa. Terima kasih, Tuhan.

“Dan kerana Tuhan-Mu, maka bersabarlah.” (Al-Muddaththir 74:7)

Raden Qurratu‘Aini bt Muhammad Mun‘im

17035981/1 / IOG170003

radenqurratuaini@gmail.com

DAFTAR KANDUNGAN

Abstrak	iii
Abstract	iv
Penghargaan	v
Daftar Kandungan	vii
Panduan Transliterasi	xi
Senarai Singkatan	xiii
Senarai Jadual	xiv
Senarai Lampiran	xv

BAB PENDAHULUAN

1	Pengenalan	1
2	Latar Belakang Kajian	5
3	Penyataan Masalah	7
4	Persoalan Kajian	13
5	Objektif Kajian	14
6	Kepentingan Kajian	14
7	Justifikasi Pemilihan Tajuk Kajian	16
8	Skop dan Batasan Kajian	18
9	Definisi Tajuk Kajian	18
10	Ulasan Sorotan Literatur	19
11	Metodologi Kajian	23
12	Sistematika Kajian	27

BAB 1: PENGENALAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM DAN KARYA-KARYANYA

1.0	PENGENALAN	29
1.1	BIOGRAFI MUHAMMAD ABDEL HALEEM	29
	1.1.1 Latar Belakang Kelahiran	29
	1.1.2 Pekerjaan dan Penglibatan dalam Masyarakat	30
	1.1.3 Kecenderungan Penulisan	32
	1.1.4 Karya-karya	32
1.2	SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN	36

1.2.1	Sumbangan dan Pencapaian dalam Lapangan Akademik	36
1.2.2	Sumbangan dan Pencapaian dalam Lapangan Kemasyarakatan	37
1.2.3	Pemikiran Muhammad Abdel Haleem dalam Pengajian Islam dan al-Quran	38
1.3	Pengenalan Karya EXPLORING THE QUR'AN: CONTEXT AND IMPACT	40
1.3.1	Pengenalan Karya	40
1.3.2	Tujuan dan Objektif Penulisan	41
1.3.3	Rujukan dan Sumber	42
1.3.4	Keistimewaan Karya	43
1.3.5	Pujian dan Kritikan Ulama dan Sarjana Terhadap Karya	44
1.4	KESIMPULAN	45

BAB 2: KARYA EXPLORING THE QUR'AN: CONTEXT AND IMPACT

2.0	Pengenalan	46
2.1	TAFSIR 'AQLI KONTEMPORARI	48
2.1.1	Konsep dan Definisi	49
2.1.2	Pembahagian Tafsir 'Aqli	53
2.1.3	Elemen Pendekatan Tafsir 'Aqli	60
2.1.4	Karya Tafsir 'Aqli	64
2.2	BENTUK TAFSIR 'AQLI KONTEMPORARI	67
2.2.1	Agama	67
2.2.2	Politik	70
2.2.3	Sosial dan Muamalat	71
2.3	GOLONGAN YANG TERLIBAT DALAM SALAH TAFSIR TEKS AL-QURAN	74
2.3.1	<i>Anti-Islam Propagandist</i>	74
2.3.2	Ekstremis Islam dan <i>Islamic Terrorist</i>	75
2.3.3	Ahli Akademik Moden	77
2.4	KESIMPULAN	83

**BAB 3: PENTAFSIRAN AL-QURAN DAN METODE PENGHUJAHAN
MUHAMMAD ABDEL HALEEM DALAM *EXPLORING THE QURAN:*
*CONTEXT AND IMPACT***

3.0	PENGENALAN	84
3.1	PENTAFSIRAN AL-QURAN DARI SISI MUHAMMAD ABDEL HALEEM	84
3.2	METODE PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM TERHADAP ISU-ISU SALAH TAFSIR TEKS AL-QURAN	86
	3.2.1 Pemahaman Nas Berdasarkan Hujah Akal (Logik)	86
	3.2.2 Pemahaman Nas Menggunakan Sumber Ilmu Bahasa	104
	3.2.3 Pemahaman Nas Menggunakan Latar Belakang Sejarah	115
3.3	SIGNIFIKAN METODE PENGHUJAHAN DAN PENULISAN KARYA <i>EXPLORING THE QUR'AN: CONTEXT AND IMPACT</i>	119
	3.3.1 Signifikan Metode Penghujahan Muhammad Abdel Haleem daripada Aspek Penyusunan	117
	3.3.2 Signifikan Metode Penghujahan Muhammad Abdel Haleem daripada Aspek Penulisan	119
3.4	KESIMPULAN	121

**BAB 4: ANALISIS SUMBANGAN PENTAFSIRAN AL-QURAN DAN METODE PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM DALAM KARYA
*EXPLORING THE QURAN: CONTEXT AND IMPACT***

4.0	PENGENALAN	122
4.1	ANALISIS SUMBANGAN PENTAFSIRAN AL-QURAN DARI SISI MUHAMMAD ABDEL HALEEM MENERUSI PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM TERHADAP ISU-ISU SALAH TAFSIR TEKS AL-QURAN DALAM <i>EXPLORING THE QUR'AN: CONTEXT AND IMPACT</i>	122
	4.1.1 Analisis Penghujahan Muhammad Abdel Haleem Terhadap Isu-Isu Salah Tafsir Teks Al-Quran Dari Sudut Pemahaman	

	Nas Berdasarkan Hujah Akal (Logik)	123
4.1.2	Analisis Penghujahan Muhammad Abdel Haleem Terhadap Isu-Isu Salah Tafsir Teks Al-Quran Dari Sudut Pemahaman Nas Menggunakan Ilmu Bahasa	131
4.1.3	Analisis Penghujahan Muhammad Abdel Haleem Terhadap Isu-Isu Salah Tafsir Teks Al-Quran Dari Sudut Pemahaman Nas Menggunakan Latar Belakang Sejarah	143
4.2	SUMBANGAN PEMIKIRAN MELALUI RESPON PENTAFSIRAN AL-QURAN MENURUT MUHAMMAD ABDEL HALEEM	149
4.2.1	Korelasi Pentafsiran Al-Quran Dan Sumbangan Muhammad Abdel Haleem Dalam Pengajian Islam Dan Al-Quran	151
4.2.2	Implementasi Tasfir ‘Aqli Kontemporari Dalam Pentafsiran Al-Quran	154
4.3	KESIMPULAN	156
BAB 5: KESIMPULAN		
5.0	PENGENALAN	157
5.1	RUMUSAN DAN KESIMPULAN	158
5.2	SARANAN DAN CADANGAN	159
	5.2.1. Saranan kepada Penyelidik dan Institusi Keilmuan	159
	5.2.2 Saranan kepada Masyarakat	160
5.3	PENUTUP	161
	BIBLIOGRAFI	162
	LAMPIRAN	172

PANDUAN TRANSLITERASI

Kajian ini menggunakan kaedah transliterasi huruf Arab ke huruf Rumi dalam menulis perkataan-perkataan berbahasa Arab. Ini adalah kerana tidak semua huruf Arab dapat dipadankan dengan huruf Rumi. Kaedahnya sebagaimana berikut:

a. Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman	Arab	Roman
ء أ	a, ‘	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	هـ	h
خ	kh	ظ	ẓ	و	w
د	d	ع	‘	ي	y
ذ	dh	غ	gh	ة	h, t
ر	r	ف	f		

b. Vokal

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَ	a	تَرَنُّمٌ	Tarannum
اِ	i	سَلِيمٌ	Salima
اُ	u	جُمْلَةٌ	Jumlah

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اى	ā	إِحْيَاء	Iḥyā'
ي	ī	تَفْسِير	Tafsīr
و	ū	مُفَسِّرُونَ	Mufasssirūn

c. Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوْ	aw	قَوْلٌ	Qawl
اَيُّ	ay	خَيْرٌ	Khayr
اَوْو	uww	قُوَّةٌ	Quwwah
اَيِّ	ay, ī	عَرَبِيٌّ	'Arabiy

d. Tā' Marbūṭah

Contoh	Transliterasi
مكتبة	Maktabah
التربية	Al-Tarbiyyah
مقدمة	Muqaddimah

Catatan:

Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan bahasa Melayu dieja mengikut perkataan bahasa Melayu seperti perkataan ulama, ilmiah, hadith, sahih dan lain-lain.

SENARAI SINGKATAN

No.	Kependekan	Kepanjangan
1	SWT	<i>Subhanah Wa Ta'āla</i>
2	SAW	<i>Ṣallallah 'alayh wasallam</i>
3	AS	<i>'Alayh/'alayhim as-Salām</i>
4	RA	<i>Raḍiy Allāh 'anh/'anhā/'anhum</i>
5	Terj.	Terjemahan
6	t.t	Tanpa Tarikh
7	t.p	Tanpa penerbit
8	APIUM	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

SENARAI JADUAL

	Senarai Jadual	Halaman
Jadual 1.1	Senarai Penglibatan Muhammad Abdel Haleem dalam program <i>The Building Bridges Seminar</i>	30
Jadual 1.2	Senarai Karya Muhammad Abdel Haleem dalam Bentuk Buku	32
Jadual 1.3	Senarai Karya Muhammad Abdel Haleem dalam Bentuk Artikel	33
Jadual 1.4	Senarai Karya Muhammad Abdel Haleem dalam Bentuk Buku dan Jurnal yang Disunting	34
Jadual 1.5	Senarai Karya Muhammad Abdel Haleem dalam Bentuk Bab dalam Buku	34
Jadual 2.1	Interaksi dengan al-Quran menurut Yūsuf al-Qaradawī	48
Jadual 2.2	Kecenderungan Mufassir dalam Pentafsiran al-Quran	66
Jadual 2.3	Pembahagian Islam Liberal	80
Jadual 3.1	Perbezaan Jizyah dan Cukai Undian	95
Jadual 4.1	Perbezaan Zakat dan Jizyah	141

SENARAI LAMPIRAN

	Senarai Lampiran	Halaman
Lampiran A	E-mail Temu Bual Bersama Profesor Muhammad Abdel Haleem	172
Lampiran B	Gambar Kulit Hadapan Karya <i>Exploring the Qur'an: Context and Impact</i>	176
Lampiran C	Gambar Profesor Muhammad Abdel Haleem Menerima Anugerah OBE daripada Queen Elizabeth	177

Universiti Malaya

BAB PENDAHULUAN

1. PENGENALAN

Dalam menanggapi peranan al-Quran dalam Islam, tidak dapat diragui bahawa isi kandungannya menjadi panduan kehidupan dan rujukan dalam Islam. Sebagai sumber pensyariat pertama, keperluan bagi mentafsir al-Quran menjadi tuntutan masa kini agar mesej sebenar al-Quran yang tulen dapat disampaikan dan dihayati dalam bentuk aplikasi yang jelas dalam masyarakat dengan sebaiknya. Mengakui perkembangan zaman yang sentiasa membuahakan kepelbagaian dari segala sudut, perihal pentafsiran al-Quran juga mengalami perkembangannya hasil daripada penilaian para sarjana Islam dalam memperkaya khazanah keilmuan Islam. Setiap pentafsiran daripada *mufassirīn* wujud perbezaan dan skop perbincangan kaedah tafsirnya yang tersendiri.¹ Perkembangan tafsir yang sentiasa berjalan ini sentiasa diteliti dan dikaji oleh para sarjana Islam, lantas membuka kepada pelbagai pintu kelimuan lain secara meluas tanpa meninggalkan korelasinya dengan al-Quran sebagai sumber utama.

Konsep metodologi pentafsiran al-Quran diklasifikasikan secara umumnya sama ada mengaplikasikan *tafsīr bi al-ma'thūr* atau *tafsīr bi al-ra'y*. Pendapat ulama lain menambah adanya juga *tafsīr bi al-ishāri*. Tafsir pada takrifan para sarjana Islam membawa maksud penjelasan dan klarifikasi. Malah tafsir menerangkan makna zahir bagi al-Quran sedang *ta'wīl* pula adalah makna tersiratnya.² *Tafsīr bi al-ma'thūr* atau *bi al-riwāyah* lahir dengan cara penjelasan al-Quran diambil berpandukan al-Quran itu sendiri, penjelasan daripada

¹ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Abdul Hanis Embong, "Pendekatan Tafsir al-Quran" dalam *Sejarah Tafsir Al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 42.

² Ahmad Von Denffer, *'Ulum al-Qur'an: An Introduction to The Sciences of The Quran* (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1991), 123-132.

Rasulullah SAW dan penjelasan daripada para Sahabat RA. Sedang fokus dalam *tafsīr bi al-ra'y* adalah berpandukan *ijtihād*. Yang paling penting perlu diberi penekanan adalah bagaimana *tafsīr bi al-ra'y* terbahagi kepada *mamdūh* (terpuji) dan *madhmūm* (tercela).³ Al-Zurqani telah memasukkan tafsir yang disampaikan oleh para tabi'in sebagai *tafsīr bi al-ra'y* kerana banyaknya pengaruh riwayat *Isrā'iliyyat*.⁴ Hal yang perlu diambil maklum adalah seiring kemunculan ulama *muta'akhirīn*, pelbagai corak *tafsīr bi al-ra'y* muncul sehingga muncul tafsir dari perspektif tinjauan sosiologis dan sastera arab seperti *Tafsīr al-Mannār*, aspek sains melalui *Tafsīr al-Jawāhir*. Perbandingan metodologi ini akan melihat sekaligus kepada persamaan juga perbezaan yang wujud.

Walau bagaimanapun, perkembangan zaman yang menggalakkan rasionaliti dalam setiap perkara telah menjadi faktor dalam rekonstruksi pemahaman al-Quran yang dipengaruhi oleh ideologi tertentu yang jauh dari landasan Islam yang mengutamakan wahyu bukannya bergantung kepada akal semata-mata. Ditambah pula dengan hasrat Barat dalam memburuk-burukkan Islam dan pejuangnya secara halus, maka idea pemikiran sekularisme dari Barat dicerap ke dalam pemikiran umat Islam secara halus, sehingga menjadi satu ketetapan minda (*mindset*) bahawa pemikiran yang memisahkan agama (wahyu) dan dunia (akal) adalah maju dan selaras dengan kemanusiaan.⁵ Seiring dengan serangan berbentuk sedemikian, ulama Islam dari seluruh pelosok dunia yang mahir dalam al-Quran sentiasa berusaha menangkis ancaman dan cabaran berbentuk penyelewengan sedemikian demi mempertahankan al-Quran. Benarlah firman Allah:

³ *Ibid.*, 133.

⁴ Nashruddin Baidan, *Metode Penafsiran al-Qur'an: Kajian Kritis Terhadap Ayat-ayat Yang Beredaksi Mirip* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2002) 42.

⁵ Ramli Awang, *Pemikiran Islam: Aliran & Gagasan* (Johor: Penerbit UTM Press, 2012), 6.

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

Al-Hijr 15: 9

Terjemahan: *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*

Unsur penyelewengan ini bukan hanya datang daripada golongan bukan Islam, bahkan juga datang daripada kalangan sarjana Islam dengan kerangka pemahaman yang berbeza daripada *mufassirīn* klasik. Al-Quran sebagai kitab yang sentiasa dikaji ini diberi perhatian dalam kajian yang berobjektifkan sama ada mengambil pelajaran untuk dijadikan panduan hidup, atau sebagai objek kajian pemikiran mahupun sebagai kajian daripada pihak yang ingin menghancurkan Islam dengan cara menyeleweng dan mengelirukan daripada ajaran sebenar dalam al-Quran.⁶ Hal ini juga memberi kesan kepada golongan intelektual Islam yang tergolong sebagai modenisme Islam ini, yang mana mereka mempunyai latar belakang pendidikan atau pengetahuan dari Barat. Mereka mengagungkan tamadun Barat sehingga merasa ianya sebagai kerugian jika tidak menerapkan tamadun Islam dengan tamadun Barat tanpa menyedari bahawa modenisme Barat digerakkan oleh falsafah yang berasaskan kerasionalan akal semata-mata.⁷ Hal ini pastinya bertentangan dengan Islam yang berpaksikan keutamaannya kepada wahyu dan bukan semata-mata tergantung pada akal manusia yang terbatas, sekaligus memperlihatkan usaha menzalimi ketidakmampuan akal manusia.⁸ Akal mempunyai ikhtisas, lapangan dan kemampuannya yang tersendiri yang

⁶ Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, "Sejarah Penyelewengan dalam Ilmu Tafsir" dalam *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 18.

⁷ Mazlan Ibrahim et al., "Metodologi Modenis dalam Memahami Nas al-Qur'an al-Karim" dalam *Modenis Melayu dan Tafsiran al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 15.

⁸ Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, "Dakwaan dan Kritikan Terhadap al-Quran dan Ilmu Tafsir" dalam *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 64.

mana sekiranya diberatkan lebih daripada kemampuannya akan menonjolkan kelemahannya.⁹

Oleh itu, usaha mengembalikan kefahaman umat Islam kepada fahaman yang benar adalah usaha dalam membuktikan al-Quran sebagai panduan sebenar dan menyelamatkan pemikiran dan pegangan agama bagi umat Islam dari tergoncang dan digoyahkan oleh anasir yang berbahaya. Kita dapat lihat peranan ulama Islam seperti Yūsuf al-Qaradāwī¹⁰, Muḥammad al-Ghazālī, Muḥammad Ḥusain al-Dhahabī, Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī, Shauqī Abū Khalīl, Muḥammad Mustafā al-A‘zami¹¹ dan lain-lain dalam menyanggah metode yang diketengahkan oleh golongan Intelektual Islam yang mencabar pentafsiran terdahulu dengan menggantikannya kepada tafsir metode kontekstual mahu pun tafsir hermeneutik. Contoh metode yang diangkat oleh golongan Intelektual Islam yang dipengaruhi ideologi Liberal dan Modenisme itu hakikatnya adalah diambil daripada metode yang digunakan oleh sarjana Barat dan pemikir Kristian sewaktu proses menganalisis kandungan dan tafsiran Bible yang telah menatijahkan timbulnya masalah dalam mentafsirkannya.¹²

Ancaman penyelewengan itu bukan hanya menjejaskan pentafsiran yang sebenar bagi al-Quran untuk difahami kerana tujuannya berpunca daripada hasrat merendahkan al-Quran sebagai kalam Allah SWT, bahkan ianya juga mengancam pegangan akidah umat Islam lantaran ianya menimbulkan kekeliruan dan pertikaian daripada sudut-sudut tertentu. Bahkan permasalahan penyelewengan yang memberi pengaruh ini bukan sahaja terhadap al-Quran

⁹ ‘Umar Sulaimān ‘Abd Allah al-Ashqar, “Hājah al-Bashariyyah ila al-Rusul wa al-Risālāt” dalam *al-Rusul wa al-Risālāt* (Kuwait: Dār al-Nafā’is, 1989), 38.

¹⁰ Yūsuf al-Qaradāwī membawa pemahaman sebenar menerusi karyanya *Kayf Nata’āmal Ma’a al-Qur’ān al-‘Azīm*. Antara contohnya mengenai petunjuk dalam al-Quran mengenai perihal sosial (jihad, akhlak, ayat hukum) secara tidak langsung. Lihat Yūsuf al-Qaradāwī, *Kayf Nata’āmal Ma’a al-Qur’ān al-‘Azīm* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2000), 451-452.

¹¹ Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, “Dakwaan dan Kritikan Terhadap Al-Quran dan Ilmu Tafsir” dalam *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 59.

¹² Mazlan Ibrahim et al., “Metodologi Modenis dalam Memahami Nas al-Qur’an al-Karim” dalam *Modenis Melayu dan Tafsiran al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 10.

malah terhadap ilmu yang berkaitan seperti tafsir dan lain-lain. Oleh itu, kajian demi kajian dan jawapan demi jawapan bagi menafikan tuduhan memburukkan Islam daripada aspek pentafsiran al-Quran ini dikukuhkan oleh ulama dan sarjana Islam yang tekad mengembalikan fahaman yang benar kepada umat Islam agar selamat daripada sebarang penyelewengan dalam pentafsiran al-Quran atau salah tafsir al-Quran yang besar implikasinya dalam segenap bidang dalam kehidupan.

2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Rentetan daripada ancaman dan tuduhan yang ditujukan kepada Islam daripada arah yang penuh pengkajian dan berunsur nilai akademik, jawapan yang ampuh adalah menjadi kemestian untuk dibentangkan bagi mengukuhkan kedudukan Islam sebagai agama yang sewajarnya tidak akan mampu digoyahkan oleh unsur apa pun. Ideologi sekularisme yang telah menekan kemanusiaan dalam pelbagai sudut akhirnya menampilkan sosok-sosok seperti golongan *anti-Islamic propagandist*, *Islamic extremist* dan *terrorist* serta golongan akademik moden.¹³ Golongan-golongan inilah yang telah menekan-nekan media sehingga memaparkan imej buruk Islam sehingga akhirnya mempengaruhi masyarakat lalu mewujudkan jurang manusiawi sesama manusia. Jurang yang semakin jauh sebelumnya dipengaruhi oleh perbezaan bangsa dan kulit, menjadi semakin jauh akibat penyelewengan mengenai imej Islam yang asing sekali daripada keharmonian dan keamanan walhal hakikatnya Islam tidak wajar terpalit dengan tuduhan sedemikian.

Meskipun zaman beralih dan beransur maju ke hadapan, hal ini tidak menjanjikan perubahan yang lebih baik dalam segenap aspek ketamadunan manusia. Malah dakwaan terhadap Islam sebagai agama yang ekstrem menjadi tekanan kepada masyarakat saban masa.

¹³ Muhammad Abdel Haleem, "The 'Sword Verse' Myth" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 7.

Pertembungan yang tidak harmoni antara dunia Islam dan dunia Barat dimomokkan sehingga tercetusnya tajuk berita dengan judul seperti “*Jihad in America*”, “*A Holy War*”, “*I Believe in Islamophobia*” dan lain-lain.¹⁴ Perihal yang diwujudkan dalam memburuk-burukkan hakikatnya tercetus daripada ideologi berunsur dikotomi terhadap agama, lalu ditujukan kepada Islam, memperlihatkan Islam sebagai agama yang tidak sesuai dalam menuruti arus semasa lantas membuatkan masyarakat yang tidak tahu apa-apa menjadi takut dan salah faham terhadap agama Islam tanpa usul periksa.

Pengkaji melihat kepada keperluan secara kritikal untuk meneliti bagaimana para ilmuwan Islam mahu pun agamawan membina kerangka dan metodologi khusus dalam menjawab tuduhan yang berbentuk salah faham mahupun penyelewengan terhadap nas-nas dalam agama Islam. Begitu banyak kajian yang dijalankan terhadap kemajuan tokoh-tokoh Islam dalam pelbagai bidang dari pelbagai negara di seluruh pelosok dunia namun masih belum wujud kajian khusus terhadap Muhammad Abdel Haleem yang tampil dengan unik dan berdiri dengan kepakaran tersendiri dan kebolehannya dalam berhadapan dengan isu umat di Barat dengan penguasaan bahasa Arab dan bahasa Inggeris yang dimanfaatkan dalam kajian-kajiannya terhadap al-Quran. Pengkaji akan mengkhususkan kajian secara selektif untuk melihat sumbangan beliau dalam mengaplikasikan metodologinya yang tersendiri dalam karyanya *Exploring the Qur'an: Context and Impact*, khususnya dalam menampilkan *tafsīr ‘aqlī* kontemporari, sekaligus menampilkan kaedah yang diserapkan dalam penulisan dan pentafsiran beliau terhadap ayat-ayat terpilih yang mampu membawa manusia kepada pencerahan isu-isu yang masih belum padam dalam masyarakat secara global kini, khususnya di Barat.

¹⁴ John L. Esposito, *Ancaman Islam: Mitos atau Realiti: The Islamic Threat: Myth or Reality*, terj. Nor Azita Omar (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2004), 307.

3. PENYATAAN MASALAH

Menghadapi tuduhan demi tuduhan hasil daripada salah tafsir nas-nas agama daripada sisi golongan Orientalis daripada kalangan sarjana Barat seperti Arthur J. Arberry, Michael Cook dan lain-lain, juga golongan Intelektual Islam seperti Ḥassan Ḥanafī, Naṣr Ḥāmid Abū Zayd, Muḥammad Arkoun, Fazlur Rahman, Jamāl al-Bannā, Qāsim Amīn, Fatima Mernissi dan sebilangan lagi nama lain,¹⁵ hal ini dilihat sebagai ancaman yang membarah dalam masyarakat secara global dan memerlukan kepada solusi yang jelas dan praktikal. Bahkan golongan Islam Liberal dari Alam Melayu seperti Abdulrahman Wahid, Nurcholish Madjid dan selainnya juga menyebarkan ideologi dengan pengaruh Liberal dalam pentafsiran al-Quran.¹⁶ Ancaman daripada pendedahan pemikiran yang bercambah dengan kewujudan *Sister in Islam (SIS)*, *Islamic Renaissance Front (IRF)*, G25, Institut Kajian Dasar (IKD), *Institute for Democracy and Economic Affairs (Ideas)* dan lain-lain entiti adalah ancaman berbentuk ilmiah dan intelektual bertujuan mencabar isi kandungan al-Quran dan praktikalitinya dalam kehidupan manusia masa kini dalam apa sahaja bidang kehidupan manusia.¹⁷

Fokus permasalahan kajian berpaksikan kepada menetengahkan pemikiran Muhammad Abdel Haleem dalam menjawab salah faham terhadap tafsiran teks al-Quran menerusi penulisan Muhammad Abdel Haleem yang berupaya memberikan pencerahan dalam aspek pensyariat al-Quran. Sesungguhnya ianya merupakan kerugian besar sekiranya lapangan kajian tidak menampilkan sekaligus mengiktiraf kedibiliti beliau lantaran

¹⁵ Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, "Dakwaan dan Kritikan Terhadap Al-Quran dan Ilmu Tafsir" dalam *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 34-48.

¹⁶ Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, "Dakwaan dan Kritikan Terhadap Al-Quran dan Ilmu Tafsir" dalam *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 49-52.

¹⁷ Wan Adli Wan Ramli, "Liberalisme di Malaysia: Kesesatan Doktrin Liberalisme dan Respons Ahli Sunnah wal Jama'ah" (makalah, Wacana Pemiiran dan Peradaban Ummah ke-9, Putrajaya, 2017), 1.

hal ini melibatkan beberapa isu penting yang menjadi perbincangan dan perbahasan ketika mana manusia telah memasuki era moden dalam ketamadunannya. Ideologi yang wujud menjadi siri serangan saraf untuk menggoyahkan pegangan umat Islam kepada pensyariaan yang digariskan dalam al-Quran, sehinggakan hal ini memandu manusia kepada memperjuangkan hak asasi manusia yang tidak selari dengan syariat yang sebenar. Apa yang lebih mengusarkan adalah pemikiran umat Islam yang kian terbelenggu kepada pemikiran kontemporari yang menyalahi tuntutan agama ini mengakibatkan kepada kesan pengabaian terhadap syariat Islam seperti menolak penguatkuasaan undang-undang jenayah dan moral yang berteraskan agama kerana undang-undang tersebut melanggar hak asasi manusia pada pandangan mereka.¹⁸ Sebagai usaha mengetengahkan pendekatan yang terbaik dalam memahami isu-isu berfokuskan kepada pensyariaan dalam nuansa kontemporari dunia masa kini, tampilnya Muhammad Abdel Haleem sebagai sosok pencerah Islam di dunia Barat yang mana Islam diburu oleh para orientalis yang membenci al-Quran dan al-Quran dikritik pula oleh golongan moden Islam yang menghargai metodologi sejarah sekaligus menolak sumber daripada al-Quran.¹⁹ Kemunculan Muhammad Abdel Haleem dengan karya berbentuk pentafsiran ayat al-Quran terpilih dalam bentuk tematik berjudul *Exploring the Qur'an: Context and Impact*²⁰ adalah salah satu daripada sumbangan besar tokoh ini dalam memberikan penjelasan isu-isu terpilih berdasarkan ayat al-Quran yang dibahagikan secara tematik dan dijalankan analisis linguistik terhadapnya, sebagai usaha membetulkan penulisan daripada penulis-penulis lain khususnya ekstremis moden, ketika mana imej al-Quran yang dipaparkan adalah pada isu yang sangat terpilih, dibuat dengan keharusan yang mendesak

¹⁸ Muhammad Alihanafiah bin Norasid, "Konsep Modal Insan Rabbani Menurut al-Quran: Analisis Pemikiran Sa'id Hawwa dalam *al-Asās Fī Al-Tafsīr*" (tesis kedoktoran, Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2016), 7-8.

¹⁹ Ahmad Sahidah Rahem, "Kajian al-Qur'an Menurut Pentafsir Muslim dan Pengkaji Orientalis" dalam *Tuhan Manusia & Alam dalam al-Quran: Pandangan Toshihiko Izutsu* (Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2014), 87.

²⁰ Karya Muhammad Abdel Haleem yang diterbitkan pada 2017.

dan sebenarnya mengabaikan bahagian-bahagian penting daripada teks bahasa Arab daripada al-Quran.²¹

Selain itu, fokus permasalahan kajian juga terletak pada usaha untuk menonjolkan metode Muhammad Abdel Haleem dalam menangkis hujah golongan-golongan yang menentang agama Islam daripada apa yang beliau khususkan iaitu *anti-Islamic propagandists*, *Islamic extremists* dan *terrorists*. Hal ini sangat mustahak untuk diketengahkan melihatkan kepada kesan yang berlaku akibat daripada krisis dan konflik yang ditimbulkan oleh golongan-golongan yang dikhususkan tersebut lantaran memberi pukulan hebat kepada masyarakat dalam melihat agama Islam sebagai agama yang syumul. Memperakui keserjanaan Muhammad Abdel Haleem dalam pengajian al-Quran dan pemahamannya, Muhammad Adnan Zarzour dalam karyanya *The Qur'an and Its Study* ada menjelaskan tentang keunggulan Muhammad Abdel Haleem dalam menterjemah al-Quran ke dalam bahasa Inggeris dengan menggunakan bahasa Inggeris yang baik dan menepati makna yang dikehendaki al-Quran, di samping dapat mengelakkan daripada menggunakan bahasa Inggeris yang sukar difahami atau klasik, seterusnya memudahkan pemahaman yang ringkas tetapi mencukupi terjemahan hasil daripada pentafsiran al-Quran kepada masyarakat.²² Hal ini membuktikan hasil karya beliau yang menjadi perhatian pengkaji untuk kajian kali ini iaitu *Exploring the Qur'an: Context and Impact* mempunyai signifikannya dalam memberi sumbangan kepada pencerahan isu dalam Islam yang berkaitan sosial secara global. Malah, Andrew Rippin, seorang sarjana dari Kanada yang mengkaji tentang Islam, dalam tulisannya turut pernah memperakui usaha penterjemahan al-Quran oleh Muhammad Abdel Haleem, malah memuji beliau kerana tradisi dalam interpretasi ayat yang digunapakai

²¹ Muhammad Abdel Haleem, "Introduction" dalam *Exploring The Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 1.

²² Adnan M. Zarzour, *The Quran and Its Study* (Kuala Lumpur: Centre of Qur'anic Research, 2015), 355.

oleh Muhammad Abdel Haleem dikekalkan tetapi diperbaiki dengan pendekatan tradisi interpretasi sebagai pendekatan yang berulang dengan membebaskan latar belakang dalam pentafsiran itu daripada konstruksi ayat al-Quran.²³

Di samping itu, fokus permasalahan bagi kajian ini adalah bagi menampilkan sosok peribadi Muhammad Abdel Haleem yang begitu teguh dengan sumbangan dan pengaruh dalam mendepani cabaran modeniti melalui pemahaman dalam al-Quran yang beliau bawakan menerusi karya beliau *Exploring the Qur'an: Context and Impact*. Sumbangan beliau dilihat jelas pada dua sudut iaitu pertama, menyatakan pendapat baharu dalam isu tertentu dan yang kedua, mengumpulkan pentarjihan *qawl* atau pendapat yang jelas dalam isu tertentu. Bertepatan dengan tiadanya lagi kajian khusus yang mengkaji sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam pengajian al-Quran dan pemikiran beliau secara khusus menerusi karya beliau *Exploring the Qur'an: Context and Impact*, kajian dengan judul khusus “Sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam Pengajian Tafsir al-Quran: Kajian Terhadap Karya *Exploring The Qur'an: Context And Impact*” adalah kajian yang wajar diketengahkan dalam lapangan akademik dan kepada masyarakat umum. Berdasarkan penelitian pengkaji, ketokohan dan kredibiliti yang diungguli oleh Muhammad Abdel Haleem dalam mempertahankan Islam dengan hujah dan ilmu daripada sudut bahasa Arab terutamanya telah melayakkan beliau dihormati dan disegani dalam bidang keilmuan sehingga diberi pengiktirafan di peringkat negara.²⁴ Dengan adanya pendedahan khusus tentang pendekatan yang beliau gunakan beserta kajian mendalam dalam memberi kefahaman Islam kepada khalayak secara jelas dan tuntas, ianya dapat diketengahkan sebagai

²³ Gabriel Said Reynolds, *The Qur'an and Its Biblical Subtext* (United Kingdom: Routledge, 2010) 238.

²⁴ Mengakui kepekarannya dalam bidang al-Quran juga bahasa Arab, beliau dianugerahkan gelaran *Office of Order British Empire (OBE)* oleh Queen Elizabeth pada 14 Jun 2014 sempena ulangtahun kelahiran baginda, sebagai mengiktiraf sumbangan beliau dalam sastera dan kebudayaan Arab secara mumnya dan bidang Islam secara khususnya. Lihat juga SOAS UK, “SOAS academic awarded an OBE in Queen’s Birthday Honours,” laman sesawang SOAS UK, dicapai pada 5 Mei 2018, <https://web.archive.org/web/20080621004211/http://www.soas.ac.uk/news/newsitem44235>.

manhaj bersepadu dan diintegrasikan dengan praktikal di Malaysia secara khususnya dan Nusantara secara umumnya dalam konteks masyarakat berbilang bangsa.

Mengukuhkan keperluan kepada menghubungkan kajian terhadap karya Muhammad Abdel Haleem dengan isu terpilih yang malar segar serta perlu ditangani dengan kebijaksanaan, pengkaji mengambil contoh seperti yang dinyatakan sendiri oleh Muhammad Abdel Haleem dalam bab pertama “*The ‘Sword Verse’ Myth*” dalam *Exploring The al-Quran: Context and Impact*, apabila salah faham pada pentafsiran ayat ke-5 surah al-Tawbah yang dikenali sebagai ‘*Sword Verse*’ oleh Ibn Salama yang telah menyandarkan konsep *naskh* dan *mansūkh* dengan tidak tepat dan telah mengakibatkan salah faham yang dahsyat dan mengakibatkan penyelewengan apabila beliau menyatakan bahawa semua ayat yang tidak menyokong untuk membunuh mereka yang tidak beriman (dikhususkan kepada golongan musyrik) adalah dimansuhkan dan tiada siapa berautoriti dalam hal tersebut.

Malah, dengan prinsip sedemikian, ianya telah mempengaruhi golongan ekstremis dalam Islam yang memegang metodologi yang sama dalam memahami ‘*Sword Verse*’ seperti Sheikh Abdullah al-Faisal atau nama asalnya Trevor William Forest yang telah menyebut berkali-kali mengenai ‘*Sword Verse*’ dalam ceramah-ceramahnya sehingga akhirnya tertangkap dan dikenakan tindakan undang-undang lantas dipenjarakan 7 tahun. Hal ini adalah kesan daripada pengaruh yang cuba disembarkannya iaitu menghilangkan sebahagian ayat daripada ayat tersebut yang bermaksud: “*apabila empat bulan telah berakhir*” dan hanya menyebut: “*bunuhlah mereka di mana sahaja kamu menjumpainya.*”²⁵ Salah faham yang mempunyai kesan skala besar dan berbahaya seperti ini pastinya telah membesarkan lagi isu imej yang buruk mengenai Islam lantaran digambarkan sebagai agama yang tidak manusiawi. Hal ini bagaimanapun memburukkan fenomena *Islamophobia* yang memberi kesan

²⁵ Muhammad Abdel Haleem, “The ‘Sword Verse’ Myth” dalam *Exploring The Qur’an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 25.

bukan hanya di sudut tertentu dunia seperti di Eropah malah juga di Australia, Jepun dan lain-lain.

Maka hadirnya penyelesaian daripada pentafsiran Muhammad Abdel Haleem apabila beliau menjelaskan dalam konteks yang lebih tepat apabila ayat ke-5 daripada surah al-Tawbah tersebut hakikatnya keizinan kepada orang Islam yang dinyatakan dalam ayat tersebut untuk menentang pergerakan musuh adalah terhadap musyrik yang melanggar perjanjian Hudaibiyah sahaja dan bukannya melulu terhadap mana-mana individu dalam golongan Musyrikin. Malah beliau turut menjelaskan bahawa dalam berlawan dengan musuh, orang Islam mempunyai syarat tertentu dan haruslah bertujuan untuk mempertahankan diri serta mempertahankan kawasan daripada dicerobohi.²⁶ Dari sudut tersebut dapat dilihat bagaimana wujudnya signifikan hikmah memahami perintah Allah dalam berinteraksi dengan mereka yang Musyrikin yang melanggar perjanjian dengan orang Islam.

Meneliti perlunya kepada pemahaman yang jitu dalam nas-nas agama daripada sumber al-Quran dan hadith, sekaligus menghayati metodologi dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran secara terpilih, pengkaji mendapati penekanan *Tauhidic Quotient* atau Kecerdasan Tauhid (TQ) yang didedahkan oleh Mohd Yusof Hj Othman dalam karyanya *Sains, Masyarakat dan Agama*, adalah satu aspek penting dalam menyelaraskan keseimbangan dan menumbuhkan kecerdasan tauhid secara bersepadu dengan aspek kecerdasan sudut lain iaitu intelek, emosi dan rohani.

Kecerdasan Tauhid (TQ) yang difahami sebagai kecerdasan manusia dalam berinteraksi dengan alam yang didominasi oleh kesedaran dirinya tentang Tuhannya. Mereka yang membangunkan TQ dalam dirinya, akan bergerak dalam memakmurkan alam hasil

²⁶ *Ibid.*, 26.

daripada kesedarannya terhadap tanggungjawab tersebut.²⁷ Hal ini pastinya bertitik tolak daripada pemahaman yang jelas terhadap nas agama khususnya al-Quran dan hadith. Malah hakikat kesepaduan keempat-empat kecerdasan daripada intelek, emosi, rohani dan tauhid ini akan menghasilkan individu yang mencerna fenomena yang berlaku dengan kekuatan intelek ke arah rasionaliti, kekuatan emosi ke arah kebaikan atau kejahatan, kekuatan rohani ke arah memaknainya dan kekuatan tauhid dalam menghubungkan kesemuanya kepada keredaan Allah SWT.²⁸ Lantas dengan adanya pendekatan kecerdasan tauhid yang ampuh dalam diri, setiap individu dalam umat Islam dapat menghayati kemukjizatan al-Quran yang hadir dalam pelbagai sudut. Pengkaji melihat dengan wujudnya kajian khusus mengenai sumbangan Muhammad Abdel Haleem menerusi karyanya *Exploring The Qur'an: Context and Impact*, akan dapat meneliti sisi-sisi yang khusus dalam pentafsiran al-Quran masa kini itu sendiri lantas menjadi satu usaha kepada integrasi aplikasi dalam dunia Islam di Barat juga di Nusantara dalam mendepani isu-isu umat Islam yang semakin analitikal dan kritikal dalam setiap keadaan dan situasi.

4. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini berpaksikan kepada himpunan persoalan berikut:

- a. Siapakah Muhammad Abdel Haleem sebagai tokoh dalam bidang al-Quran dan pendedahan karya beliau yang menjawab salah tafsir teks al-Quran?
- b. Bagaimanakah penulisan karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* beserta metode dan pendekatan yang berkaitan?

²⁷ Mohd Yusoff Hj. Othman, *Sains Masyarakat dan Agama* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2009), 207-208.

²⁸ *Ibid.*, 224.

- c. Bagaimana konsep pemikiran Muhammad Abdel Haleem dari sudut tafsir ‘aqlī kontemporari menerusi respons beliau terhadap salah tafsir teks al-Quran yang berlaku?
- d. Apakah sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam pentafsiran al-Quran dan penghujahan beliau terhadap salah tafsir teks al-Quran?

5. OBJEKTIF KAJIAN

Setiap kajian yang dijalankan menjurus dan berfokuskan kepada objektif tertentu untuk dicapai, sekaligus merungkai permasalahan yang ditimbulkan dari awal kajian. Berikut adalah objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini:

- a. Memperkenalkan Muhammad Abdel Haleem sebagai tokoh dalam bidang al-Quran dan mendedahkan karya beliau yang menjawab salah tafsir teks al-Quran.
- b. Memperkenalkan karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* beserta metode dan pendekatan yang berkaitan dengan karya.
- c. Menghuraikan hujah-hujah yang dikemukakan oleh Muhammad Abdel Haleem bagi menjawab salah tafsir teks al-Quran dan penjelasan terhadap metodologi penghujahan tersebut.
- d. Menganalisis sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam pentafsiran al-Quran dan penghujahan beliau terhadap salah tafsir teks al-Quran.

6. KEPENTINGAN KAJIAN

Diakui sebagai tokoh Islam yang begitu menyerlah di dunia Barat, suara Muhammad Abdel Haleem begitu diambil perhatian dalam bidang pengkhususan al-Quran juga dalam isu berkaitan Islam sehingga pernah diambil pandangannya oleh *BBC News* dalam isu

perundangan di UK dan bagaimana interaksi Muslim di UK dengan hal ehwal perundangan negara tersebut.²⁹ Maka, melihatkan kepada keperibadian beliau yang terserlah dan berpengaruh ini, maka pengkaji melihat beberapa kepentingan kajian ini dijalankan adalah:

- a. Mengetengahkan kredibiliti dan pemikiran Muhammad Abdel Haleem sebagai tokoh sarjana Islam yang terbukti membawa sumbangan besar dalam konteks kekinian dan konteks masyarakat berbilang bangsa khususnya di Barat, sekaligus menjadi rujukan penting dalam mendepani globalisasi dunia zaman sekarang khususnya di Malaysia dan seluruh dunia amnya.
- b. Merungkai pendekatan *tafsīr ‘aqlī* kontemporari yang diaplikasikan oleh Muhammad Abdel Haleem dalam karya beliau yang terpilih iaitu *Exploring The Qur’an: Context and Impact* didasari kefahaman kontekstual yang jelas.
- c. Mengetengahkan aliran-aliran pemikiran yang telah mengakibatkan salah tafsir teks al-Quran dalam kalangan pemikir Islam pada masa kini dan meneliti latar belakang sejarah.
- d. Menganalisis secara mendalam dari sudut intelektual dan kepakaran Muhammad Abdel Haleem dalam menangani tantangan yang mengkritik isu pentafsiran ayat al-Quran dengan meneliti manhaj beliau dalam *tafsīr ‘aqlī* kontemporari dapat menghubungkaitkan penguasaan bahasa Arab dan isu semasa dengan jelas dan saksama.
- e. Memperkasa pengkajian al-Quran khususnya mengenai tafsir ‘aqlī kontemporari walaupun telah ada pengkajian lain sebelumnya namun belum wujudnya pendedahan meluas seperti pengkajian dari sudut yang komprehensif seperti Muhammad A. S. Abdel Haleem.

²⁹ “War View: UK Muslims Must Obey UK Law,” dikemaskini 4 November 2001, dicapai pada 10 Jun 2018, http://news.bbc.co.uk/2/hi/uk_news/1634517.stm

7. JUSTIFIKASI PEMILIHAN TAJUK KAJIAN

Tajuk kajian adalah “Sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam Tafsir al-Quran: Kajian Terhadap Karya *Exploring the Qur’an: Context and Impact*.”

- a) Fokus kajian terhadap sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam pentafsiran al-Quran adalah disebabkan oleh perlunya pemahaman yang jelas terhadap al-Quran khususnya penterjemahan dan pentafsiran al-Quran setelah dicabar oleh rekonstruksi dan pentafsiran semula al-Quran oleh golongan ekstremis dalam agama termasuklah daripada golongan Liberal, Modenis dan Orientalis.
- b) Penentuan Muhammad Abdel Haleem sebagai subjek kajian atas justifikasi penguasaan dan kedalaman ilmu beliau dalam pemahaman kontekstual dan penterjemahan al-Quran menepati keperluan pemahaman nas dalam kajian yang dijalankan. Beliau merupakan ilmuwan Islam yang berasal dari Mesir tetapi begitu arif dan mahir dengan persoalan yang dibangkitkan oleh musuh Islam terhadap agama Islam di Barat, sekaligus menujah isu-isu tertentu terhadap masyarakat Islam. Kemahiran beliau jelas seiring dengan usaha-usaha yang turut giat digerakkan oleh golongan sarjana Islam lain seperti Muḥammad Muṣṭafā al-A‘ẓamī, Adian Husaini, Henri Salehudin, Dr. Anas Malik Taha, Dr. Ugi Suharto dan ramai lagi yang mana idea mereka dijana seiring pemikiran mereka bagi mengkritik sekaligus membetulkan pemahaman pemikiran Islam liberal yang kesannya sangat besar terhadap pentafsiran al-Quran secara menyeluruh.
- c) Muhammad Abdel Haleem menulis *Exploring the Qur’an: Context and Impact* dengan fokus analisis yang bertepatan dengan huraian dan penjelasan beliau dalam kategori pertama dalam karya beliau tersebut iaitu “*Context*” yang mana ayat-ayat berkaitan pensyariatian dalam Islam yang mengalami gangguan dalam

mengaplikasikan metode kontekstual dan penyelewengan tafsir daripada sudut tertentu oleh sarjana-sarjana yang telah menulis mengenainya sebelumnya. Hal ini dilihat mampu merungkai masalah dalam pemahaman isu sosial yang diambil berdasarkan ayat al-Quran yang menjadi pemahaman yang tersebar dan meluas dalam masyarakat secara global. Perkara ini juga mengambil sisi pandang lain sebagai satu persediaan yang wajar dan relevan daripada konteks Barat lalu disesuaikan kepada konteks Malaysia dalam pemahaman al-Quran secara jelas. Hal ini mencontohi usaha para tokoh ilmuwan Islam di Indonesia antaranya Adian Husaini, Henri Salehudin, Dr. Anas Malik Taha, Dr. Ugi Suharto yang menjana idea dan pemikiran mereka bagi mengkritik sekaligus membetulkan pemahaman pemikiran Islam Liberal yang wujud di Indonesia.³⁰

- d) Karya yang dipilih adalah karya yang ditulis oleh Muhammad Abdel Haleem iaitu *Exploring The Qur'an: Context and Impact* yang memfokuskan salah tafsir pada ayat dengan tema memerangi orang kafir (*Sword Verse*), jihad dan Jizyah yang mana telah digambarkan dan disalahtafsirkan dengan melampaui makna daripada konteks sebenar.³¹ Salah tafsir yang berlaku dicabar oleh Muhammad Abdel Haleem dengan pemahaman kontekstual secara jelas tetapi menepati sisi kemodenan dan jelas kepada masyarakat.
- e) Pemilihan fokus pada sumbangan tokoh iaitu sumbangan Muhammad Abdel Haleem adalah berdasarkan pencapaian beliau sebagai *Officer of Order British Empire* (OBE) pada tahun 2008 atas penguasaan dan sumbangan beliau dalam akademik dan

³⁰ Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, "Dakwaan dan Kritikan Terhadap al-Quran dan Ilmu Tafsir" dalam *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 58.

³¹ "Exploring the Qur'an: Context and Impact," laman sesawang I.B Tauris Publishers, dicapai pada 1 Mei 2018 <http://www.ibtauris.com/Books/Humanities/Religion--beliefs/Islam/The-Koran/Exploring-the-Quran-Context-and-Impact>.

masyarakat menerusi budaya Arab, sastera dan pemahaman secara *interfaith*.³² Kemampuan beliau dalam mewujudkan integrasi yang cemerlang menjadi aspek penting bagi pengkaji dalam memajukan kajian ini.

8. SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian akan dilakukan terhadap karya Muhammad Abdel Haleem yang terpilih iaitu karya yang berjudul *Exploring the Qur'an: Context and Style* dengan memfokuskan kepada pemikiran Muhammad Abdel Haleem pada ketiga-tiga kategori bab yang disusun dalam karya tersebut iaitu *Teachings*, *Style* dan *Impact*. Ada pun begitu penilaian implementasi pemikiran akan difokuskan pada kategori bab yang pertama iaitu *Teaching*³³ atau Prinsip pada ayat-ayat al-Quran terpilih bersesuai dengan kajian yang dijalankan iaitu surah al-Tawbah ayat 5 menerusi tema “*Sword Verse*” dan surah yang sama pada ayat 29 menerusi tema Jizyah serta surah al-Furqan ayat 52 menerusi tema Jihad.

9. DEFINISI TAJUK KAJIAN

Dalam menjalankan kajian, istilah dan subjek yang digunakan harus dijelaskan bagi menjadikan hala tuju kajian tetap pada sasarannya.

a) Tafsir al-Quran

Kajian ini dikhususkan kepada jawapan yang diutarakan oleh Muhammad Abdel Haleem dalam karya beliau iaitu *Exploring the Qur'an: Context and Impact* dengan pendekatan beliau dalam pentafsiran al-Quran khususnya tafsir ‘aqli.

³² “Trustees”, laman sesawang Cambridge Muslim College, dicapai pada 26 April 2018.
<http://www.cambridgemuslimcollege.org/about/trustees/>.

³³ *Teaching* yang dimaksudkan di sini merujuk kepada idea atau prinsip.

b) Muhammad Abdel Haleem, OBE

Beliau sebagai tokoh besar yang menjadi latar subjek dalam kajian ini, kini merupakan seorang Professor di SOAS, University of London. Beroleh gelaran Officer of Order British Empire (OBE) pada tahun 2008 yang mana ianya bukan sesuatu yang calang-calang untuk diiktiraf dan menunjukkan kebolehan beliau yang luar biasa dalam bidangnya yang tersendiri.

c) Salah Tafsir Teks

Menerusi kajian ini, salah tafsir teks yang diketengahkan adalah salah tafsir daripada teks al-Quran. Salah tafsir juga bermaksud tidak betul atau silap tafsirannya, atau juga bermaksud salah mengerti.³⁴ Dalam kajian ini, salah tafsir berlaku terhadap teks al-Quran dan ianya adalah masalah yang berlaku apabila golongan pemikir Islam yang mempunyai ideologi tidak menepati landas agama.

10. ULASAN SOROTAN LITERATUR DAN KAJIAN LEPAS

Bagi memperakui kajian yang relevan untuk dijalankan, pengkaji meneliti kajian terdahulu yang telah dilakukan mengenai pemikiran dalam menjawab salah tafsir teks al-Quran dan isu-isu dalam agama serta bagaimana korelasinya dengan sistem sosial manusia bagi mengukuhkan kewajaran kajian ini dijalankan. Pengkaji membahagikan sorotan literatur yang diteliti daripada tesis kedoktoran, disertasi sarjana, artikel, jurnal dan buku ilmiah kepada 2 pembahagian utama:

³⁴ *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1373, entri “salah tafsir.”

- a. Kajian mengenai Muhammad Abdel Haleem
- b. Kajian mengenai sumbangan dan karya Muhammad Abdel Haleem

Hasil penelitian sorotan literatur bagi kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Kajian mengenai Muhammad Abdel Haleem

Melihat kepada kajian atau ulasan yang pernah menyentuh tentang sumbangan beliau, terjemahan al-Quran yang dihasilkan oleh Muhammad A.S Abdel Haleem iaitu *The Qur'an: A New Translation* disentuh oleh Adnan M. Zarzour dalam bukunya.³⁵ Dinyatakan bahawa terjemahan yang dilakukan ternyata mengelakkan kesukaran dalam memahami terjemahan seperti mana terjemahan yang telah ditulis sebelumnya oleh sarjana Islam yang lain. Di samping itu beliau juga menguasai bahasa Inggeris dengan sangat baik sehingga mampu menghasilkan penterjemahan yang bermanfaat. Hal ini membuktikan keserjanaan dan kepakaran Muhammad A.S Abdel Haleem dalam bidang al-Quran seterusnya mengukuhkan keperluan bagi kajian mengenai karya-karya beliau yang lain untuk dilakukan. Terjemahan tersebut telah membantu banyak pihak dan khalayak masyarakat dalam memperkaya kefahaman terhadap al-Quran.

- b. Kajian mengenai sumbangan dan karya Muhammad Abdel Haleem

³⁵ Adnan M. Zarzour, *The Qur'an and Its Study*, (Kuala Lumpur: Centre of Qur'anic Research, 2015).

Menelaah karya yang dihasilkan dan penglibatan Muhammad Abdel Haleem dalam bidang al-Quran, Hanif Mudhofar (2016)³⁶ melalui disertasi sarjananya “Epistemologi Tafsir Abdel Haleem (Studi Kitab *Understanding The Qur’an: Themes and Style*)” merungkai metode yang digunakan oleh Muhammad Abdel Haleem dalam pentafsiran al-Quran adalah berbentuk tematik, statistik dan komparatif menerusi karya tersebut sekaligus menekankan pengkajian daripada perihal epistemologi melalui karya tersebut. Berdasarkan analisis pengkaji, tidak banyak kajian ditulis tentang pemikiran dan sumbangan beliau dalam tesis kedoktoran, disertasi sarjana, jurnal mahu pun artikel. Oleh itu, disertasi sarjana ini dilihat sebagai pengkajian yang teliti dalam menyelidik pemikiran Muhammad Abdel Haleem.

Seterusnya, dalam makalah persidangan berjudul “Penggunaan Hadith Nabi dalam Pentafsiran al-Quran: Tinjauan Terhadap Manhaj Abdel Haleem dalam Karya *Understanding The Qur’an: Themes and Style*,”³⁷ Hanif Mudhofar Abdul Jalil menjelaskan manhaj Muhammad Abdel Haleem dalam mengimplementasikan hadith dalam pentafsiran al-Quran melalui karya beliau *Understanding The Qur’an: Themes and Style*. Pengkaji mendapati karya ini begitu berkesan dalam memberi gambaran mengenai al-Quran secara tematik lantas menjadi satu sebab yang kukuh bagi kajian berkaitan karya *Exploring the Qur’an: Context and Impact* untuk dijalankan.

Artikel dalam jurnal yang ditulis oleh Muhammad Sultan Shah “*A Critical Study of Abdel Haleem’s New Translation of The Holy Qur’an*” pula adalah perbandingan khusus yang dijelaskan untuk menilai terjemahan al-Quran yang ditulis oleh Abdel Haleem dengan

³⁶ Hanif Mudhofar, “Epistemologi Tafsir Abdel Haleem (Studi Kitab *Understanding The Qur’an : Themes and Style*,” (disertasi sarjana, UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2016)

³⁷ Hanif Mudhofar Abdul Jalil, “Penggunaan Hadith Nabi dalam Pentafsiran al-Qur’an: Tinjauan Terhadap Manhaj Abdel Haleem dalam Karya *Understanding The Qur’an: Themes and Style*” (makalah, International Conference on Sunnah Nabawiah IV (MUSNAD), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10-11 Oktober 2017).

terjemahan-terjemahan lain yang telah wujud sebelumnya.³⁸ Malah artikel dalam laman sesawang Middle East Forum dengan judul “*Assesing English Translations of the Qur’an*”³⁹ oleh Khaleel Mohammed memperlihatkan sisi-sisi penterjemahan al-Quran daripada bahasa Arab kepada bahasa Inggeris. Muhammad A.S Abdel Haleem dinilai sebagai seorang yang begitu berhati-hati dalam meletakkan makna kalimah al-Quran bahkan juga dalam menganalisis konteks ayat tertentu daripada ayat-ayat al-Quran. Lantas, pengkaji melihat wajarnya untuk menjalankan kajian khusus mengenai karya *Exploring the Qur’an: Context and Impact* bagi mendalami sudut lain penulisan beliau dalam penulisannya yang terkini, mengulas isu-isu polemik dalam Islam dan penerimaan Barat mengenainya.

Malah, dalam artikel jurnal tulisan Lamy Sidky dalam mengulas karya Muhammad Abdel Haleem yang berjudul *Exploring the Qur’an: Context and Impact*, Lamy Sidky memperlihatkan bagaimana Muhammad A. S Abdel Haleem begitu menekankan kepada salah faham yang berlaku dalam penilaian aspek linguitik.⁴⁰ Beliau terus tepat menuju kepada salah tafsiran yang dikenalpasti kemudian mendatangkan pencerahan kepada pentafsiran yang lebih tepat dan benar. Malah, karya itu juga diulas dengan terdapatnya bahagian yang menjelaskan mengenai kesan dan impak tertentu yang berlaku ke atas umat Islam juga bagaimana terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris telah memberi kesan yang signifikan dalam masyarakat Islam di Barat khususnya, serta hubungkait terjemahan al-Quran dengan *interfaith relations*, namun dicadangkan untuk dasingkan dalam satu karya yang berlainan lantaran terdapatnya perbezaan sedikit sebanyak dengan himpunan makalah pada bahagian sebelumnya. Lamy melihat usaha Muhammad Abdel Haleem sebagai usaha

³⁸ Muhammad Sultan Shah, “A Critical Study of Abdel Haleem’s New Translation of the Holy Qur’an,” *Journal al-Qalam University of The Punjab* (Disember 2010).

³⁹ Khaleel Mohammed, “Assesing English Translations of The Qur’an,” laman sesawang Middle East Forum, dicapai pada 13 Mei 2018, <https://www.meforum.org/articles/2005/assesing-english-translations-of-the-qur-an>.

⁴⁰ Lamy Sidky, “Book Review: Exploring the Qur’an: Context and Impact”, *American Journal of Islamic Social Sciences* 35, no.2 (2018), 95-99.

pemahaman kontekstual al-Quran yang berjaya membawa pencerahan kepada al-Quran yang sebenar.

Dalam artikel lain oleh Mohamed el-Tahir el-Mesawi, professor di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dengan judul *Istikshāf al-Qur'an: al-Siyāq wa al-Ta'thīr Ta'līf Muhammad Abdel Haleem* (*Exploring the Quran: Context and Impact* Karangan Muhammad Abdel Haleem).⁴¹ Artikel ini menukilkan pendedahan secara padat dan umum bagaimana penulisan Muhammad Abdel Haleem membawakan isu penterjemahan al-Quran yang dikaitkan dengan tema-tema tertentu. Tulisan ini amat penting untuk melihat penilaian umum bagi karya *Exploring the Quran: Context and Impact* yang menjadi subjek utama kajian ini.

Berdasarkan pengamatan pengkaji daripada sorotan literatur yang dilakukan, pengkaji mendapati tidak banyak kajian ditulis tentang sumbangan dan karya beliau dalam kajian kedoktoran, kesarjanaan, jurnal dan artikel. Namun begitu, ulasan-ulasan berautoriti daripada laman web ada mengupas mengenai sumbangan beliau meskipun tidak banyak dan begitu selektif paparannya.

11. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah penting dalam mana-mana kajian kerana dengan metodologi kajian, pengkaji dapat mengenal pasti dan meneliti jawapan daripada persoalan dalam kajian pengkaji itu sendiri yang merangkumi kaedah pengumpulan data yang dilakukan oleh pengkaji dalam kajian yang dijalankan dan kaedah penganalisan data yang dijalankan.

⁴¹ Mohamed el-Tahir el-Mesawi, "Exploring the Quran: Context and Impact Muhammad Abdel Haleem", *Majallah Kulliyah al-Sharī'ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* 36, no.2 (2019), 149-150.

a. Kaedah Pengumpulan Data

Jenis data dalam kajian ini menjurus kepada kualitatif yang mana data kualitatif diperolehi menerusi pendapat atau pandangan seseorang mengenai sesuatu perkara.⁴² Pengkaji memilih kaedah-kaedah tertentu dalam pengumpulan data sebagai jalan mencari penyelesaian kepada kajian yang dilaksanakan. Dalam proses pengumpulan data ini, pengkaji mengaplikasikan kaedah yang berikut:

1. Penentuan Subjek

Dalam kajian ini, pengkaji memilih karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* dalam usaha menganalisis penghujahan berdasarkan pemikiran yang terkandung dalam pentafsiran dan terhasil daripada pemikiran Muhammad Abdel Haleem.

2. Penyelidikan Perpustakaan

Pengkaji yang melakukan kajian kualitatif bergantung kepada beberapa metode pengumpulan data yang melibatkan pengkaji berada di tempat kejadian. Antara metodenya adalah pemerhatian secara langsung, analisis dokumen dan budaya.⁴³ Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan penyelidikan perpustakaan. Dalam hal ini, sumber untuk kajian ini lebih banyak diperolehi daripada bahan-bahan yang didapati di perpustakaan. Pengkaji memfokuskan kepada Perpustakaan Utama Universiti Malaya dan Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya serta perpustakaan-perpustakaan di universiti-universiti serata tanah air.

⁴² Syed Arabi Idadi, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*, cet. ke-3 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1998), 32.

⁴³ Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metod* (Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005), 105.

3. Metode Dokumentasi

Metode ini merupakan pengumpulan data dengan cara melakukan kajian terhadap dokumen yang mempunyai perkaitan dengan masalah kajian yang ingin dirungkaikan. Pengumpulan data dalam kajian ini menjurus kepada bahan-bahan bertulis antaranya buku-buku, koleksi tesis kedoktoran dan disertasi sarjana, jurnal, kertas kerja persidangan dan laman web yang berkaitan dengan kajian. Pengkaji menggunakan metode ini dengan menganalisis dokumen, bahan bacaan di perpustakaan atau gedung bacaan lain termasuklah capaian daripada internet bagi mendapatkan maklumat dan bahan kajian.

4. Metode Historis

Metode ini adalah proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai apa yang telah berlaku. Hal ini kerana metode ini khusus dalam mengenal pasti pensejarahan sesuatu isu lalu berpeluang dalam memberikan ruang-ruang untuk menyediakan cadangan awal dalam menghadapi masalah.⁴⁴ Metode ini berfungsi bagi mendapatkan data yang mempunyai kaitan dengan nilai sejarah seperti latar belakang tokoh yang dipilih dalam kajian, riwayat hidup serta sumbangannya. Metode ini menjadi tumpuan dalam bab pertama dan kedua.

b. Kaedah Analisis Data

Daripada pengumpulan data yang dilakukan, pengkaji seterusnya menganalisis data yang diperolehi bagi melengkapkan maklumat kajian yang diperlukan. Metode ini khusus digunakan untuk bab keempat dalam kajian yang dijalankan.

1. Metode Induktif

⁴⁴ Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 21.

Metode induktif merupakan proses logik yang memberikan penjelasan umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik.⁴⁵ Metode ini digunakan oleh pengkaji dengan menganalisis data yang diperoleh dan kemudiannya membuat kesimpulan. Daripada hal ini, kesimpulan umum dapat dilakukan. Maklumat yang dianalisis adalah bagi mencari penyelesaian terhadap masalah yang dikaji yang mana dikhususkan mengenai isu-isu yang ditimbulkan oleh golongan pemikir Islam yang ingin disimpulkan daripada pendekatan Muhammad Abdel Haleem dalam karyanya yang diterbitkan pada tahun 2017, berjudul *Exploring the Qur'an: Context and Impact*.

2. Metode Deduktif

Dalam pendekatan deduktif, penyelidik memulakan kajiannya dengan sesuatu teori untuk menjelaskan sesuatu pemerhatian. Ianya bermula daripada persoalan yang umum kepada pernyataan yang khusus.⁴⁶ Metode ini digunakan dengan menganalisis pentafsiran ayat al-Quran yang dilakukan oleh Muhammad Abdel Haleem melalui penelitian, penilaian, perbandingan dan membuat rumusan terhadap penemuan pengkaji daripada data yang diperoleh. Metode perbandingan melibatkan pemilihan unit analisis supaya perbandingan antara unit analisis boleh menggesa pengaruh sesuatu perubahan atau kejadian, lalu mengelakkan faktor atau *variable* yang mengelirukan. Maka daripada hal ini, kesimpulan khusus dapat dilakukan.

3. Metode Komparatif

Metode ini digunakan untuk menilai perbandingan antara data-data yang diperoleh. Penelitian komparatif melibatkan perbandingan. Sisi komparatif pada kajian dapat dilihat

⁴⁵ Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial* (Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2005), 18.

⁴⁶ *Ibid.*, 19.

daripada aspek idea, teori, pendekatan, metodologi, teknik dan lain-lain.⁴⁷ Perbandingan yang dijalankan akan menatijahkan hasil dapatan berbentuk persamaan atau perbezaan dalam kajian yang dijalankan kepada objek yang diteliti berdasarkan kerangka pemikiran tertentu. Kajian ini memfokuskan perbandingan melalui landasan teori yangtelah diwujudkan bagi meneliti karya dalam kajian yang dijalankan. Seterusnya, metode ini juga penting bagi melihat kesan dan kepentingan pengharmonian dalam berhujah diterapkan dalam pentafsiran al-Quran yang dapat menjadi rujukan umum masyarakat sama ada yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut mahu pun bagi yang hanya mempunyai asas tertentu dalam bidang tersebut.

4. Metode Analisis Teks

Bagi melengkapkan kajian, pengkaji melakukan analisis teks terhadap karya teks *Exploring the Qur'an: Context and Impact* untuk menganalisis dari sudut pentafsiran dan pemikiran Muhammad Abdel Haleem.

12. SISTEMATIKA KAJIAN

Kajian ini dimulakan dengan bab pendahuluan kemudian disusuli dengan lima bab yang seterusnya. Bab pendahuluan berperanan untuk menjelaskan mengenai maklumat asas utama dalam kajian yang dilakukan. Bab pendahuluan menyentuh latar belakang dan permasalahan kajian, persoalan dan objektif kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, sorotan literatur yang menyingkap landasan teori untuk kajian dilakukakan serta metodologi kajian yang digunakan.

⁴⁷ Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam* (Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011), 54.

Bab satu memperkenalkan ketokohan Muhammad Abdel Haleem dalam sumbangannya terhadap agama Islam dan keharmonian global khususnya, serta penelitian terhadap karya-karya beliau.

Bab kedua memfokuskan karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* yang dikarang oleh Muhammad Abdel Haleem beserta metode dan pendekatan yang berkaitan dengan karya beliau.

Bab ketiga dituruti dengan respons oleh Muhammad Abdel Haleem dalam menjawab beberapa isu salah tafsir teks al-Quran yang disebut dan dijelaskan dalam karya beliau, *Exploring the Qur'an: Context and Impact*. Seterusnya, metodologi beliau dalam respons tersebut turut diteliti,

Bab keempat melibatkan penghuraian dan penjelasan menerusi analisis terhadap implementasi pemikiran Muhammad Abdel Haleem menerusi respons beliau terhadap isu-isu salah tafsir teks al-Quran yang telah disebutkan dalam bab ketiga.

Bab lima menyusul bagi menyimpulkan dan merumuskan perbincangan daripada bab-bab sebelumnya. Pengkaji menyenaraikan beberapa cadangan dan saranan yang dilihat munasabah dan mempunyai hubungan kait dengan masyarakat khususnya dan kajian yang dilakukan umumnya.

BAB 1

PENGENALAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM DAN KARYA-KARYANYA

1.0 PENGENALAN

Dalam meneliti justifikasi pemilihan Muhammad Abdel Haleem dalam pengkajian pentafsiran secara *'aqlī* ini, keistimewaan latar belakang dan pencapaian beliau dalam segenap bidang menjadi kayu ukur penting. Karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* yang dipilih sebagai subjek kajian adalah karya beliau yang vokal dalam menyentuh perdebatan isu tertentu terhadap ayat-ayat al-Quran yang selektif, berlaku dalam lapangan keilmuan berkaitan al-Quran yang diluaskan oleh sarjana Muslim juga sarjana Barat.

1.1 BIOGRAFI MUHAMMAD ABDEL HALEEM DAN KARYA-KARYANYA

1.1.1 LATAR BELAKANG KELAHIRAN DAN PENDIDIKAN

Muhammad Abdel Haleem dilahirkan di Sharqiyya, Mesir pada tahun 1930 dan dididik dalam lingkungan kampungnya yang banyak mengajarkannya al-Quran. Beliau mempelajari al-Quran dengan hati yang bersungguh-sungguh dan kemudiannya melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah al-Azhar.⁴⁸ Seterusnya menyambung pengajian dalam bidang Bahasa Arab dan Pengajian Islam di Dar al-'Ulūm, Cairo University. Pengajian ijazah kedoktoran beliau dalam bidang Kesusasteraan Arab Moden pula disempurnakan di Cambridge University, United Kingdom.⁴⁹ Beliau telah berkahwin dan kini bertugas di SOAS, University of London.⁵⁰

⁴⁸ Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019. Lihat juga 'Professor Mohammad Abdel Haleem,' laman sesawang *The King Fahad Academy*, dicapai 8 Oktober 2019. <http://www.thekfa.org.uk/wp/about/board-of-trustees/professor-mohammad-abdel-haleem/>.

⁴⁹ Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019. Lihat juga "Muhammad A.S Abdel Haleem," laman sesawang *Berkley Centre for Peace, Religion and World Affairs*, dicapai 7 Oktober 2019, <https://berkeleycenter.georgetown.edu/people/muhammad-a-s-abdel-haleem>.

⁵⁰ Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

1.1.2 PEKERJAAN DAN PENGLIBATAN DALAM AKADEMIK DAN MASYARAKAT

Meneliti sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam pelbagai lapangan terutamanya dalam hal ehwal akademik dan masyarakat, hal ini memperlihatkan usaha beliau dalam membangunkan keilmuan dalam kepakaran beliau yang tersendiri.

Muhammad Abdel Haleem memaklumkan sejarah beliau dalam bidang akademik yang memperlihatkan penglibatan sebagai *Lector* yang mengajar bahasa Arab di Cambridge University selama 5 tahun. Beliau kemudiannya berpindah ke SOAS, University of London dan berkhidmat sebagai pensyarah dan pensyarah kanan dalam bidang bahasa Arab. Beliau juga merupakan *King Fahd Professor of Islamic Studies* di University of London sejak 1995.⁵¹

Antara penglibatan beliau yang dapat diteliti adalah penglibatan beliau dalam program-program dengan kerjasama *Berkley Centre for Peace, Religion and World Affairs, Georgetown University*. Antara program tersebut adalah *The Building Bridges Seminar* yang diadakan secara tahunan dengan pembawaan tema yang berbeza. Penglibatan Muhammad Abdel Haleem sebagai peserta dalam seminar tersebut dirumuskan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1. Senarai Penglibatan Muhammad Abdel Haleem dalam program *The Building Bridges Seminar*

No.	Program	Tarikh dan Tempat	Penglibatan
1	Second Building Bridges Seminar: Scriptures in Dialogue	7-9 April 2003 di Doha, Qatar	Peserta
2	Third Building Bridges Seminar: Bearing the Word	2-28 Mac 2004 di Georgetown University, Amerika Syarikat	Peserta
3	Sixth Building Bridges Seminar: Humanity: Texts and Contexts	3-7 Disember 2007 di Singapura	Peserta

⁵¹ Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

Jadual 1.1. sambungan

4	Seventh Building Bridges Seminar: Communicating the Word	5-8 Mei 2008 di Villa Palazzola, Rome	Peserta
5	Eighth Building Bridges Seminar: Science and Religion	16-18 Jun 2009 di Bahcesehir University, Istanbul, Turki.	Peserta
6	Tenth Building Bridges Seminar: Prayer: Christian and Muslim Perspectives	17-19 Mei 2011 di Doha, Qatar	Peserta
7	Eleventh Building Bridges Seminar: Death, Resurrection and Human Destiny in Christian and Muslim Perspectives	23-25 April 2012 di King's College, London dan Canterbury	Peserta

Sumber: Laman sesawang *Berkley Centre for Peace, Religion and World Affairs*, dicapai 7 Oktober 2019, <https://berkeleycenter.georgetown.edu/events>.

Selain penglibatan beliau dalam program *The Building Bridges*, beliau juga mempunyai kredibiliti yang tersendiri apabila diiktiraf sebagai salah seorang daripada 500 Muslim Paling Berpengaruh di Dunia atau *The World's 500 Most Influential Muslims* pada tahun 2019 dan 2020.⁵² Pengiktirafan beliau adalah berdasarkan pencapaian beliau sebagai seorang Professor dalam pengajian Islam di *School of Oriental and African Studies* atau lebih dikenali sebagai SOAS, University of London. Pengiktirafan beliau turut disebabkan oleh penganugerahan beliau sebagai *Officer of the Order of the British Empire* (OBE) pada tahun 2008 dalam *the Queen's 2008 Birthday Honours* atas khidmat dan sumbangan beliau dalam bahasa Arab dan pemahaman antara-agama (*inter-faith*).⁵³ Beberapa penerbitan beliau turut menjadi faktor penyumbang dalam pengiktirafan ini, terutamanya terjemahan al-Quran yang diusahakan oleh beliau.⁵⁴

⁵² "Persons of the Year: The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims 2020," laman sesawang *The Muslim 500*, dicapai 7 Oktober 2019, <https://www.themuslim500.com/wp-content/uploads/2019/10/TheMuslim500-2020-low.pdf>.

⁵³ "SOAS Academic Awarded an OBE in Queen's Birthday Honours," laman sesawang *SOAS University of London*, dikemaskini 19 Jun 2008, dicapai 7 Oktober 2019, <https://web.archive.org/web/20080621004211/http://www.soas.ac.uk/news/sitem44235>

⁵⁴ "Persons of the Year: The Muslim 500: The World's 500 Most Influential Muslims 2020," laman sesawang *The Muslim 500*, dicapai 7 Oktober 2019, <https://www.themuslim500.com/wp-content/uploads/2019/10/TheMuslim500-2020-low.pdf>.

1.1.3 KECENDERUNGAN PENULISAN

Meninjau kecenderungan kajian dan penulisan Muhammad Abdel Haleem, penulisan beliau melingkari perbincangan al-Quran tentang bahasa, gaya bahasa dan terjemahan al-Quran itu sendiri. Selain itu, perbincangan beliau juga adalah mengenai perundangan keluarga dalam Islam.⁵⁵ Muhammad Abdel Haleem sendiri mengakui bahawa penulisan beliau sejak akhir 1980-an memfokuskan kepada pengajian Islam, khususnya pengajian al-Quran.⁵⁶

Dalam menjelaskan kecenderungan penulisan beliau, beliau menjelaskan bahawa hasil kerja atau penulisan beliau yang paling penting pada waktu ini adalah:

- a. *Understanding the Qur'an: Themes and Style*, IB Tauris, 2010.
- b. *Exploring the Qur'an: Context and Impact*, IB Tauris, 2017.
- c. *The Qur'an: a New Translation OUP* 2004/10/16, Oxford World Classics.
- d. *An Arabic-English Dictionary of Qur'anic Usage*, penulisan bersama Elsaid Badawi, Brill, 2007.

1.1.4 KARYA-KARYA

Muhammad Abdel Haleem mempunyai sebilangan karya beliau yang cenderung kepada bidang akademik. Karya beliau terbahagi kepada buku, artikel, jurnal dan bab dalam buku.

Berikut dalam Jadual 1.2, 1.3, 1.4 dan 1.5 dinyatakan senarai karya beliau.

Jadual 1.2. Senarai Karya Muhammad Abdel Haleem dalam Bentuk Buku

No	Judul	Tahun	Terbitan
1	<i>Exploring the Qur'an: Context and Impact</i>	2017	I.B. Taurus, London
2	<i>The Qur'an: English translation with parallel Arabic text</i>	2010	Oxford University Press, Oxford
3	<i>Dictionary of Qur'anic Usage</i>	2005	E.J Brill

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

Jadual 1.2. sambungan

4	<i>The Qur'an: a New Translation</i>	2004	Oxford University Press, Oxford
5	<i>Understanding the Qur'an: Themes and Style</i>	1999	I.B. Tauris, London
6	<i>Chance or Creation? God's Design in the Universe, attributed to Jahiz, translated and introduced.</i>	1995	Reading, Berkshire: Garnet
7	<i>English-Arabic Business Dictionary</i>	1984	Graham & Trotman, London
8	<i>The Creed of Islam</i>	1978	World of Islam Festival Trust, London
9	<i>The Superiority of Dogs over Many of Those Who Wear Clothes</i>	1978	Aris & Phillips, Warminster

Sumber: Laman sesawang SOAS, University of London.⁵⁷

Jadual 1.3. Senarai Karya Muhammad Abdel Haleem dalam Bentuk Artikel

No	Judul Artikel	Tahun	Jurnal
1	<i>The Role of Context in Interpreting and Translating the Qur'an</i>	2018	Journal of Qur'anic Studies
2	<i>Sūrat al-Fajr (Q. 89): A Study of Structure, Meaning, and the Value of Analysis</i>	2017	Journal of Qur'anic Studies
3	<i>The Qur'anic Employment of the Story of Noah</i>	2006	Journal of Qur'anic Studies
4	<i>The Prophet Muhammad as a Teacher: Implications for Hadith Literature</i>	2002	Islamic Quarterly
5	<i>Adam and Eve in the Bible and the Qur'an</i>	1997	Islamic Quarterly
6	<i>Qur'anic Orthography: the written presentation of the recited text of the Qur'an</i>	1994	Islamic Quarterly
7	<i>Grammatical Shift for Rhetorical Purposes: Iltifāt and Related Features in the Qur'an</i>	1992	Bulletin of the School of Oriental and African Studies
8	<i>Early Islamic Theological and Juristic Terminology: "Kitāb al-Hudūd fī 'I-uṣūl" by Ibn Fūrak</i>	1991	Bulletin of the School of Oriental and African Studies
9	<i>The Story of Joseph in the Qur'an and the Old Testament</i>	1990	Islam and Christian-Muslim Relations

⁵⁷ 'Professor Muhammad A S Abdel Haleem, OBE,' laman sesawang SOAS, University of London, dikemaskini 7 Oktober 2019, dicapai 8 Oktober 2019, <https://www.soas.ac.uk/staff/staff30518.php>.

Jadual 1.3. sambungan

10	<i>The Face in the Qur'an: Divine and Human</i>	1990	Islamic Quarterly
11	<i>Water in the Qur'an</i>	1989	Islamic Quarterly
12	<i>The Hereafter and the Here-and-Now in the Qur'an</i>	1989	Islamic Quarterly

Sumber: Laman sesawang SOAS, University of London.⁵⁸

Jadual 1.4. Senarai Karya Muhammad Abdel Haleem dalam Bentuk Buku dan Jurnal yang Disunting

No	Judul	Tahun	Terbitan
1	<i>The Moral World of the Qur'an</i>	2006	I.B Tauris, London
2	<i>Criminal Justice in Islam: Judicial Procedure in the Shari'a</i>	2003	I.B Tauris, London

Sumber: Laman sesawang SOAS, University of London.⁵⁹

Jadual 1.5. Senarai Karya Muhammad Abdel Haleem dalam Bentuk Bab dalam Buku

No	Judul Bab dan Judul Buku	Tahun	Terbitan
1	' <i>Structural Coherence in the Qur'an: How to See the Connections' dalam Structural Dividers in the Qur'an</i>	2018	Routledge, United Kingdom
2	' <i>The Qur'an and Arabic Poetry' dalam The Oxford Handbook of Qur'anic Studies</i>	2018	Oxford University Press, Oxford
3	' <i>Qur'anic Paradise: How to Get to Paradise and What to Expect There' dalam Roads to Paradise: Eschatology and Concepts of the Hereafter in Islam.</i>	2016	Brill, Netherlands
4	' <i>Qur'anic Arabic: its characteristics and its impact on Arabic language and literature, and the languages and literatures of other Islamic peoples' dalam The Harper Collins Study Qur'an</i>	2015	Harper Collins, London
5	' <i>Qur'an' dalam Encyclopedia of Arabic language and Linguistics</i>	2009	Brill, Leiden
6	' <i>The Politics of Peace in Islam' dalam Religions and the Politics of Peace and Conflict</i>	2009	Pickwick Publications, Eugene Oregon

⁵⁸ 'Professor Muhammad A S Abdel Haleem, OBE,' laman sesawang SOAS, University of London, dikemaskini 7 Oktober 2019, dicapai 8 Oktober 2019, <https://www.soas.ac.uk/staff/staff30518.php>.

⁵⁹ 'Professor Muhammad A S Abdel Haleem, OBE,' laman sesawang SOAS, University of London, dikemaskini 7 Oktober 2019, dicapai 8 Oktober 2019, <https://www.soas.ac.uk/staff/staff30518.php>.

Jadual 1.5. sambungan

7	<i>'Qur'an and Hadith' dalam The Cambridge Companion to Classical Islamic Theology</i>	2008	Cambridge University Press, Cambridge
8	<i>'The Sword Verse Myth' dalam The Quran Yesterday and Today</i>	2008	Berenice, Cordoba
9	<i>'Islam, Religion of the Environment' dalam Yearbook of Islamic and Middle Eastern Law</i>	2006	E.J Brill, Netherlands
10	<i>'Arabic and Islam' dalam Encyclopedia of Language and Linguistics</i>	2006	Elsevier, Oxford
11	<i>'Islam, Religion of the Environment: the Need for the Re-education and Retraining' dalam The Environment and Judiciaries of the Arab World: Proceedings of the Arab Chief Justices.</i>	2004	Supreme Constitutional Court of Egypt, Cairo
12	<i>'Compensation for Homicide in Islamic Shari'a, in Criminal Justice in Islam: Judicial Procedure in the Shari'a' dalam The Crescent and the Cross: Muslim and Christian Approaches to War and Peace</i>	2003	I.B Tauris, London
13	<i>'Human Rights in Islam and the United Nations Instrument' dalam Democracy the Rule of law and Islam</i>	1999	Kluwer Law International, London
14	<i>'Early Kalam' in The Routledge History of Islamic Philosophy</i>	1995	Routledge
15	<i>'Life and Beyond in the Qur'an' dalam Beyond Death</i>	1995	Macmillan Publishing, London
16	<i>'Context and Internal Relationships: Key to Qur'anic Exegesis' dalam Approaches to the Qur'an</i>	1993	Routledge, London
17	<i>'Medical Ethics in Islam' dalam Choices and Decisions in Health Care</i>	1993	John Wiley and Sons, Chichester
18	<i>'The Qur'an' dalam Sacred Writings in Oriental and African Religions</i>	1986	SOAS, London
19	<i>'Al-Sayyab; a Study of His Poetry' dalam Studies in Modern Arabic Literature</i>	1975	Arris & Phillips

Sumber: Laman sesawang SOAS, University of London.⁶⁰

⁶⁰ 'Professor Muhammad A S Abdel Haleem, OBE,' laman sesawang SOAS, University of London, dikemaskini 7 Oktober 2019, dicapai 8 Oktober 2019, <https://www.soas.ac.uk/staff/staff30518.php>.

1.2 SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM

1.2.1 SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN DALAM LAPANGAN

AKADEMIK

Muhammad Abdel Haleem memperlihatkan sumbangan yang begitu menyerlah dalam bidang akademik apabila beliau dilantik sebagai felo dalam *The Chartered Institute of Linguists*. Beliau juga menyumbang idea dan tenaga beliau sebagai *Editor in Chief* dalam *The Journal of Qur'anic Studies* yang diterbitkan oleh *Edinburgh University Press*. Beliau juga peserta yang aktif dalam *Building Bridges Programme* juga ahli dalam *The Scientific Committee of the Foundation for Inter-Religious/Inter-Cultural/Dialogue, University of Geneva*.⁶¹

Sebelum menjadi *Founding Director* dan *Director* bagi The Centre of Islamic Studies di SOAS, University London dan pensyarah kanan bahasa Arab di SOAS, beliau merupakan pensyarah bahasa Arab di *Faculty of Oriental Studies, Cambridge University*.⁶²

Penulisan beliau dalam lapangan akademik begitu berpengaruh khususnya terjemahan al-Quran yang diusahakan oleh beliau, *the Qur'an: a New Translation*. Andrew Rippin, seorang sarjana terkemuka dalam bidang al-Quran dari Kanada turut memberikan pandangan beliau mengenai terjemahan al-Quran ini.⁶³ Beliau menyatakan pujian terhadap Muhammad Abdel Haleem yang telah meletakkan nama pada terjemahan al-Quran beliau dengan terjemahan langsung iaitu "*the Qur'an: A New Translation*" dan tidak mengikut jejak sarjana lain yang cuba menamakan terjemahan al-Quran tanpa meletakkan kalimah *translation* itu sendiri. Hal ini menunjukkan ketelusan Muhammad Abdel Haleem dalam

⁶¹ 'Professor Mohammad Abdel Haleem,' laman sesawang *The King Fahad Academy*, dicapai 21 Jun 2019. <http://www.thekfa.org.uk/wp/about/board-of-trustees/professor-mohammad-abdel-haleem/>. Lihat juga temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

⁶² *Ibid.*

⁶³ Abdullah Saeed, "Foreword" dalam *Interpreting the Qur'an: towards a contemporary approach* (New York: Routledge, 2006), x.

menyatakan bahawa ianya adalah terjemahan al-Quran tanpa perlu meragukan mana-mana pihak. Malah, Andrew Rippin juga meneliti Muhammad Abdel Haleem sentiasa memfokuskan kepada penjelasan beliau dengan tatabahasa dan struktur bahasa serta mengambil pendapat-pendapat mufassir Fakhr al-Dīn al-Rāzī sebagai sokongan bagi penjelasan beliau dalam terjemahan al-Quran yang diusahakannya.⁶⁴ Oleh yang demikian, hal ini menjelaskan kelebihan dan kekuatan yang dimiliki oleh Muhammad Abdel Haleem dalam kajian-kajian berbentuk akademik khususnya dalam bidang al-Quran.

1.2.2 SUMBANGAN DAN PENCAPAIAN DALAM LAPANGAN

KEMASYARAKATAN

Penganugerahan beliau sebagai *Officer of the Order of the British Empire* (OBE) pada tahun 2008 dalam *the Queen's 2008 Birthday Honours* atas khidmat dan sumbangan beliau dalam bahasa Arab dan pemahaman antara-agama (*inter-faith*) telah melakar sejarah penting dalam rekod pencapaian beliau sepanjang beliau berada di United Kingdom.⁶⁵ Penganugerahan *Officer of the Order of the British Empire* (OBE) adalah terkandung di bawah *the Most Excellent Order of the British Empire* yang mana mempunyai 5 kelas di bawahnya iaitu:⁶⁶

- a) *Knights or Dames Grand Cross*, (G.B.E.)
- b) *Knights or Dames Commanders*, (K, or D.B.E.)
- c) *Commanders*, (C.B.E.)
- d) *Officers*, (O.B.E.)

⁶⁴ Andrew Rippin, "Two New Translations of the Quran laman sesawang *Humanities and Social Sciences Online: H-Net Reviews*, dikemaskini Disember 2004, dicapai 7 Oktober 2019, <https://www.h-net.org/reviews/showrev.php?id=10080>.

⁶⁵ "SOAS Academic Awarded an OBE in Queen's Birthday Honours," laman sesawang *SOAS University of London*, dikemaskini 19 Jun 2008, dicapai 7 Oktober 2019, <https://web.archive.org/web/20080621004211/http://www.soas.ac.uk/news/newsitem44235>.

⁶⁶ Donald Hall, *British Orders, Decorations and Medals* (Britain: Balfour Publications, 1973), 28. Lihat juga "How to Get an OBE," laman sesawang *Award Intelligence*, dicapai 27 Oktober 2019, <https://www.awardsintelligence.co.uk/find-out-how-to-get-a-queens-honour/how-to-get-an-obe/>.

e) *Members*, (M.B.E.)

Penganugerahan ini membawa signifikansi sumbangan individu yang mana pencalonan anugerah ini hanya dapat dilakukan oleh individu lain terhadap individu yang layak atas sumbangan yang luar biasa dalam pelbagai bidang. Khusus bagi penganugerahan OBE, ianya dikurniakan hanya kepada 500 orang setiap tahun dalam kalangan 2200 orang yang menerima penganugerahan daripada Queen of England.⁶⁷ Penganugerahan OBE juga dikurniakan dua kali setahun iaitu dalam *Queen's Birthday Honours List* pada pertengahan bulan Jun dan *New Year's Honours List* pada 1 Januari setiap tahun.⁶⁸

Sumbangan beliau juga dapat dilihat dalam penglibatan beliau sendiri dalam komuniti Muslim dengan memberikan ceramah. Beliau juga memberikan *expert legal help* dalam kes-kes melibatkan Islam dan Muslim serta dalam diskusi-diskusi antara-agama (*interfaith*), umumnya dalam seminar-seminar the Building Bridges. Selain itu beliau juga terlibat dalam *interfaith programme* di University of Geneva yang mana ianya telah ditamatkan dan tidak lagi diadakan.⁶⁹

1.2.3 PEMIKIRAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM DALAM PENGAJIAN ISLAM DAN AL-QURAN

Karya-karya yang diusahakan oleh Muhammad Abdel Haleem mencetus kepada kesan pengaruh dan pemikiran yang tersendiri dalam lapangan pengajian Islam dan al-Quran. Menurut Muhammad Abdel Haleem, beliau dimaklumkan oleh Oxford University Press

⁶⁷ Donald Hall, *British Orders, Decorations and Medals* (Britain: Balfour Publications, 1973), 28.

⁶⁸ Penerima anugerah OBE kemudiannya dijemput untuk menghadiri majlis berupa *investiture ceremony* sama ada di *Buckingham Palace* atau salah satu penempatan Diraja, bagi menerima pingat OBE mereka daripada Queen, Prince Charles atau ahli keluarga Diraja yang lain.

⁶⁹ Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

bahawa terjemahan al-Quran yang diusahakan beliau, *the Qur'an: a New Translation*, telah menjadi buku laris (*bestseller*) yang konsisten sejak ianya diterbitkan.⁷⁰

Muhammad Abdel Haleem juga telah memperkenalkan pengajian sarjana dalam Pengajian Islam, khusus dalam ruang lingkup *The Qur'an: Language, Style and Translation* yang mana ianya telah memberi manfaat kepada ramai pelajar sarjana dan ijazah kedoktoran. Mereka mengadakan persidangan al-Quran pada peringkat antarabangsa bagi setiap dua tahun. Dalam persidangan ini, berlakunya pertukaran pendapat dan idea. Selain persidangan al-Quran tersebut, bengkel-bengkel mengenai al-Quran juga diwujudkan. Bengkel terkini yang diadakan adalah mengenai *Structural Dividers in the Qur'an* dan yang lainnya adalah mengenai *Balaghah in the Qur'an*. Kertas-kertas kerja persidangan bagi bengkel yang pertama akan muncul pada tahun 2020 dengan salah satu artikel oleh Muhammad Abdel Haleem sendiri yang berkisar mengenai *Structural Cohesion in the Qur'an: How to see the Connections*.

Apa yang lebih mustahak adalah kertas-kertas kerja bagi persidangan-persidangan ini diterbitkan dalam *Journal of Qur'anic Studies*. Salah satu artikel Muhammad Abdel Haleem yang berjudul '*the Role of Context in the Translation and Interpretation of the Qur'an*' telah direkodkan dengan muat turun sebanyak 1500 kali dalam tempoh 7 bulan. Kertas kerja ini pada asalnya adalah kertas kerja dalam sebuah persidangan di Doha, Qatar. Atas dasar kekaguman terhadap kertas kerja ini, mereka membuat keputusan untuk memasukkan *the study of context (siyāq)* di sekolah-sekolah dan universiti-universiti.⁷¹

Oleh hal yang demikian, penelitian ini menyimpulkan bahawa pengaruh dan pemikiran Muhammad Abdel Haleem secara ilmiahnya bukan sahaja memberi kesan terhadap mereka yang berada di tempat beliau sahaja, malahan kesannya meliputi secara

⁷⁰ Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

⁷¹ Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

global. Justeru hal ini menguatkan lagi impak penganugerahan beliau dengan gelaran *Order of British Empire* oleh *Her Majesty the Queen of the United Kingdom* dalam memberi pengiktirafan khidmat beliau merangkumi bidang kesusasteraan bahasa Arab dan pemahaman antara-agama (*interfaith*).⁷²

Selain itu, menurut Nouredin dalam kajian beliau, karya terjemahan al-Quran oleh Muhammad Abdel Haleem dinilai oleh para pengkritik sebagai salah satu terjemahan terbaik. Terjemahan beliau yang mengambil masa tujuh tahun untuk disiapkan dan kemudian dikeluarkan semula pada tahun 2005 dan 2008. Terjemahan beliau tidak dinafikan memiliki ciri yang istimewa iaitu ringkas dan padat.⁷³

1.3 PENGENALAN KARYA EXPLORING THE QURAN: CONTEXT AND IMPACT

1.3.1 PENGENALAN KARYA

Karya ini berperanan sebagai karya yang melibatkan penulisan dan kajian daripada para sarjana Barat tentang al-Quran serta diperlihatkan usaha Muhammad Abdel Haleem sendiri untuk memperbetulkan sebahagian daripadanya. Usaha sedemikian terhasil dengan penguasaan ilmu pengetahuan beliau tentang al-Quran yang beliau pelajari dengan hati dan baca setiap hari, sekaligus ilmu pengetahuan beliau dalam bahasa Arab dan linguistik.⁷⁴

Karya ini diterbitkan oleh I.B. Tauris & Co.Ltd serta juga dicetak oleh I.B. Tauris (*imprint*). Penerbitannya adalah bertarikh pada 30 Jun 2017. Dengan format *hardback*, ianya

⁷² Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

⁷³ Nouredin Mohamed Abdelaal, *Grammatical and Semantic Losses in Abdel Haleem's English Translation of the Holy Quran*, tesis kedoktoran, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Univeristi Putra Malaysia, 2017, 5.

⁷⁴ *Ibid.*

mengandungi 360 mukasurat dengan berat 650g. Karya ini ditulis dalam bahasa Inggeris. Ianya menduduki carta buku lari Book Depository pada tangga 336,597.⁷⁵

Meneliti ketekunan beliau dalam mengangkat kefahaman yang jelas tentang pentafsiran al-Quran khususnya dengan menggunakan pendekatan linguistik bahasa Arab dalam al-Quran, salah satu penjelasan beliau yang dikhususkan dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* adalah mengenai nasakh (*abrogation*). Ilmu mengenai *nasakh* adalah sangat penting dalam menghubungkan ajaran al-Quran dengan keperluan dan keadaan yang berbeza-beza.⁷⁶

1.3.2 TUJUAN DAN OBJEKTIF PENULISAN

Penulisan karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* membawa tujuan yang besar dalam khazanah keilmuan Islam khususnya dalam bidang al-Quran. Muhammad Abdel Haleem menggiatkan usaha beliau dengan tujuan untuk menjawab tuduhan dan dakwaan mengenai Islam yang digagaskan oleh sarjana Barat yang terdiri daripada pelbagai golongan, antaranya orientalis, *anti-Islam propagandist* dan lain-lain.⁷⁷

Selain itu, Muhammad Abdel Haleem turut menyatakan bahawa penulisan *Exploring the Qur'an: Context and Impact* ini adalah bagi membuka lebih luas imej al-Quran selain daripada yang dikemukakan oleh para pengarang klasik dan moden dari Barat bahkan para pengarang Muslim itu sendiri. Hal ini kerana pada sebahagian tempat, para pengarang mengabaikan aspek konteks, gaya bahasa dan retorik yang terdapat dalam al-Quran. Ketiga-tiga aspek ini adalah asas penting dalam menentukan makna yang tepat. Apa yang menjadi

⁷⁵ "Exploring the Quran: Context and Impact," dicapai 14 Oktober 2019, https://www.bookdepository.com/Exploring-Quran-Muhammad-Abdel-Haleem/9781780763651?ref=pd_detail_1_sims_b_p2p_1.

⁷⁶ Abdullah Saeed, "Abrogation and Reinterpretation," dalam *Interpreting the Qur'ān* (New York: Routledge, 2006), 89.

⁷⁷ Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

masalah adalah apabila tatabahasa bahasa Arab dan retorikalnya dipaksakan agar menepati bahasa Inggeris (dalam penterjemahan dan pentafsiran). Oleh itu, Muhammad Abdel Haleem hadir dengan karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* ini sebagai usaha murni bagi membangunkan penterjemahan dan pentafsiran al-Quran yang tepat dan wajar.⁷⁸

Malah, karya ini juga tampil dengan tujuan memfokuskan analisis linguistik bagi teks bahasa Arab dalam al-Quran pada ayat-ayat tertentu. Analisis linguistik berupaya menghasilkan penterjemahan hasil daripada penelitian konteks, gaya bahasa dan cara bagaimana mesej dalam al-Quran dikemukakan. Muhammad Abdel Haleem menegaskan bahawa usaha ini untuk memberikan pencerahan terhadap kontradiksi yang berlaku terhadap mesej al-Quran tersebut. Namun beliau juga tidak berhasrat untuk mengkritik seluruh pengarang Muslim dan Barat yang mana telah banyak menyumbang kepada khazanah kelimuan mengenai al-Quran dan melengkapkan keserjanaan para pengarang Muslim dengan usaha mereka yang berhasil dalam memantapkan kefahaman terhadap teks al-Quran dalam kerangka objektif akademik.⁷⁹

1.3.3 RUJUKAN DAN SUMBER

Sumber dan rujukan yang digunakan oleh Muhammad Abdel Haleem dalam menyempurnakan karya beliau *Exploring the Qur'an: Context and Impact* ini terdiri daripada sumber dalam bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Keupayaan beliau yang luar biasa dalam kedua-dua bahasa ini tidak menjadikan kajian beliau sukar sekaligus menampilkan hasil kajian analisis linguistik terhadap terjemahan al-Quran dengan tepat dan saksama.

Kitab-kitab dan buku-buku yang dijadikan rujukan juga merangkumi karangan klasik dan moden. Antara rujukan kitab klasik adalah *Dalā'il al-I'jāz* oleh 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī,

⁷⁸ Muhammad Abdel Haleem, *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B. Tauris, 2017), 1.

⁷⁹ *Ibid.*, 1-2.

al-Burhān oleh al-Zarkashī, *al-Itqān* oleh al-Suyūṭī, *Tafsīr al-Kabīr* oleh al-Rāzī dan banyak lagi. Sementara rujukan daripada zaman moden adalah hasil daripada sarjana Barat dan Muslim antaranya oleh Richard Bell, Jane Dammen McAuliffe, Toshihiko Izutsu, Maḥmūd Shaltūt dan ramai lagi.⁸⁰

Daripada penelitian ini dapat disimpulkan bahawa kesarjanaan Muhammad Abdel Haleem dan kepakaran beliau menatijahkan kajian yang teliti dan menyeluruh daripada sumber dan rujukan yang autentik dan berkelayakan.

1.3.4 KEISTIMEWAAN KARYA

Karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* memberi satu tanggapan yang segar terhadap penulisan mengenai pentafsiran al-Quran dengan keistimewaannya yang tersendiri bagi mereka yang membaca dan menelitinya. Sebahagian daripada kandungan karya ini merupakan makalah-makalah Muhammad Abdel Haleem yang telah diterbitkan, di mana semuanya digabungkan dalam satu buku dengan mempunyai pembahagian yang jelas dan teratur dalam menjawab dakwaan dan tuduhan sarjana Barat dan anti-Islam terhadap agama Islam itu sendiri.⁸¹

Malah, menurut satu ulasan yang dinukilkan oleh seorang pembaca dan peneliti karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* ini, karya ini menimbulkan rasa ingin tahu yang tinggi melihat kepada topik-topik perbincangan dalam isi kandungan karya ini. Ianya juga diakui sebagai karya pembuka mata (*eye opener*) sekaligus menjadi bacaan yang sesuai bukan sahaja kepada golongan Muslim, bahkan juga kepada non-Muslim. Muhammad Abdel Haleem diakui mampu mendedahkan mitos-mitos yang batil tentang Islam dan bagaimana

⁸⁰ Muhammad Abdel Haleem, *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B. Tauris, 2017), 337-344.

⁸¹ Muhammad Abdel Haleem, *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B. Tauris, 2017), vii.

perkara-perkara tertentu diperbincangkan keluar daripada konteks sebenar akibat pemahaman yang tidak menyeluruh.⁸²

1.3.5 PUJIAN DAN KRITIKAN ULAMA DAN SARJANA TERHADAP

KARYA

Karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* ini mendapat perhatian sebilangan sarjana antaranya Seyyed Hossein Nasr, Mustansir Mir dan Asma Asfaruddin. Seyyed Hossein Nasr mengakui karya yang menyentuh tentang al-Quran ini menjadi satu tambahan besar terhadap korpus Muhammad Abdel Haleem juga menjadi nilai tambah kesarjanaan dalam bidang al-Quran secara umumnya. Seyyed Hossein Nasr turut menambah bahawa karya ini memperlihatkan penguasaan serta pemahaman yang mendalam yang terdapat pada Muhammad Abdel Haleem dalam bidang al-Quran.⁸³

Mustansir Mir, profesor dalam bidang pengajian al-Quran di Youngstown State University pula berpandangan bahawa sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* ini menampilkan penggabungan kritikan yang bijaksana dari sudut kajian al-Quran oleh Barat dan dari sudut tradisi pentafsiran al-Quran. Kritikan ini dipersembahkan dengan analisis yang terperinci dan perspektif yang tepat dalam pengkajian bahasa dan intipati al-Quran itu sendiri. Manakala Asma Asfaruddin, professor dalam bidang pengajian Islam di Indiana University, Bloomington, menyatakan bahawa karya ini berupaya menjelaskan kritikan balas (counter-arguments) terhadap retorik yang sering diperdebatkan dalam Islam. Karya ini juga hadir dengan usaha Muhammad Abdel

⁸² "Exploring the Qur'an: Context and Impact," dicapai 30 Oktober 2019, <https://www.amazon.com/Exploring-Quran-Muhammad-Abdel-Haleem/dp/1780763654>.

⁸³ Muhammad Abdel Haleem, *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B. Tauris, 2017), ii.

Haleem menampilkan kewaspadaan dan ketelitian beliau dalam membincangkan ayat-ayat al-Quran yang disalahtafsirkan secara sengaja pada zaman ini.⁸⁴

Dalam sejarah penerbitan karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* sehingga pada Oktober 2019 sejak penerbitannya pada tahun 2017, tiada kritikan yang diterima oleh Muhammad Abdel Halem berikutan penulisan beliau dalam karya tersebut.⁸⁵

1.4 KESIMPULAN

Setelah meneliti secara keseluruhan dan seimbang mengenai peribadi pengarang dan pengenalan karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* ini, sumbangan Muhammad Abdel Haleem sebagai pengarang tunggal karya ini jelas membawakan kelainan yang begitu unik dan tersendiri. Hal ini kerana beliau berprinsip dengan pemahaman al-Quran hendaklah dilaksanakan secara menyeluruh termasuklah mengambil kira analisis linguistik yang terperinci terhadap konteks, gaya bahasa, cara penyampaian mesej al-Quran tanpa mengabaikan tradisi pentafsiran yang tepat dan wajar. Penulisan beliau menerusi karya ini dalam bahasa Inggeris sememangnya memberikan nilai tambah yang besar dan meluas dalam khazanah keilmuan secara global yang secara umumnya menerima bahasa Inggeris sebagai antara bahasa utama yang digunakan dalam pengkajian segenap bidang keilmuan.

⁸⁴ Muhammad Abdel Haleem, *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B. Tauris, 2017), ii.

⁸⁵ Profesor Muhammad Abdel Haleem (*King Fahd Professor of Islamic Studies, Near and Middle East Section Department, School of Oriental and African Studies (SOAS), Universiti London*), dalam temubual secara e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

BAB 2

KARYA EXPLORING THE QUR'AN: CONTEXT AND IMPACT

2.0 PENGENALAN

Al-Quran sebagai manual utama dalam kehidupan manusia sejagat adalah perihal yang tidak dapat dinafikan meski begitu giat tuduhan dan dakwaan ditujukan kepada al-Quran dan pentafsirannya. Pentafsiran al-Quran yang tidak tertakluk kepada satu kaedah sahaja telah memperluaskan lagi cakupan pemahaman terhadap al-Quran dalam kalangan umat Islam secara khususnya dan masyarakat dunia secara umumnya. Pendedahan dan pendekatan ilmu tafsir pada zaman kontemporari kini memerlukan usaha yang lebih ampuh dan jitu bersesuaian dengan tingkatan taakul manusia yang semakin berkembang sesuai dengan kemajuan ketamadunan manusia. Hal ini merangkumi bagaimana pendekatan tafsir itu bukan sahaja difahami, malah praktikal secara kefahamannya untuk diamalkan.

Dalam memahami al-Quran, ianya tidak lari daripada memperbaiki kaedah berinteraksi dengan al-Quran, termasuklah tadabbur al-Quran yang mana menambahkan keagungan dalam makna, dalil dan galakannya.⁸⁶ Dalam membahaskan persoalan interaksi dengan al-Quran, ianya membawa maksud satu hubungan yang kuat antara al-Quran dengan pembacanya lantas melaluinya, pembaca tidak terhad kepada membaca al-Quran semata-mata, malah sekaligus menghafaz, memahami, mentadabbur, mengkaji serta mempraktikkan isi kandungannya. Oleh kerana itu wujudnya kepelbagaian dalam pentafsiran al-Quran sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa agar kelangsungan interaksi dengan al-Quran dapat diteruskan dengan sebaiknya, bertepatan dengan interaksi turut merujuk

⁸⁶ Ṣalāḥ ‘Abd al-Fattāḥ al-Khālidi, *Mafātīḥ Li al-Ta‘āmul Ma‘a al-Qur’ān* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2013), 13.

kepada satu hubungan secara aktif dengan melalui pelbagai cara.⁸⁷ Hal ini membentuk bukan sahaja metodologi pentafsiran yang pelbagai, malah lahirnya pelbagai aliran dalam pentafsiran yang dipengaruhi oleh keadaan semasa sesuatu zaman.⁸⁸ Interaksi atau *al-Ta'āmul* yang dimaksudkan dalam konteks memahami al-Quran ini adalah berurusan dengan tanggungjawab dan kesedaran minda terhadap sumber yang dibaca.⁸⁹ Dalam hal ini ianya melibatkan interaksi dengan al-Quran. Al-Khālidī menyebutkan dalam karya beliau *Mafātiḥ li al-Ta'āmul Ma' al-Qur'ān* bahawa terdapat empat langkah dalam berinteraksi dengan al-Quran.⁹⁰ Pertama, mestilah menghadirkan suasana keimanan dalam persiapan bagi tadabbur dan memahami al-Quran dengan memelihara adab tilawah al-Quran. Kedua, kesungguhan terhadap al-Quran dalam menelitinya. Ketiga merujuk tafsir yang ringkas untuk memperjelas *kalimah gharībah*, menetapkan asbāb al nuzūl atau memahami pada makna yang tidak dapat dirungkai. Keempat, merujuk tafsir terperinci yang mana penulisnya memperluas perbahasannya dan mengaitkan antara satu sama lain.

Justeru, bagi mencapai interaksi dengan al-Quran sebagai perkara yang merangkumi pelbagai skop dan sudut, al-Khālidī menyebut dalam karyanya *Mafātiḥ li al-Ta'āmul Ma' al-Qur'ān* dengan tujuh langkah yang perlu diperhatikan dalam mengamalkan interaksi dengan al-Quran.⁹¹ Malah, Yūsuf al-Qarāḍawī turut menukikan dari sudut pandang beliau dalam karya beliau *Kayf Nata'āmal Ma' al-Qur'ān* dengan sistematik melalui tiga pembahagian utama yang dapat disimpulkan dalam rajah berikut:

⁸⁷ Mazlan Ibrahim, et al, "Maqasid al-Quran: Satu Analisis dari Sudut Berinteraksi dan Membudayakannya," dalam *Maqasid al-Quran: Peranan & Pembudayaan*, ed. Mazlan Ibrahim et al (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 43-44.

⁸⁸ Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *Mafātiḥ Li al-Ta'āmul Ma'a al-Qur'ān* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2013), 90.

⁸⁹ Zahiruddin Zabidi, *Hamka, Surah Yusuf & Sastera* (Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre, 2018), 12.

⁹⁰ Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *Mafātiḥ li al-Ta'āmul Ma' al-Qur'an* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2013), 162-163.

⁹¹ Ṣalāḥ 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidī, *Mafātiḥ Li al-Ta'āmul Ma'a al-Qur'ān* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2013), 13. Lihat juga Mazlan Ibrahim, et al, "Maqasid al-Quran: Satu Analisis dari Sudut Berinteraksi dan Membudayakannya," dalam *Maqasid al-Quran: Peranan & Pembudayaan*, ed. Mazlan Ibrahim et al (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 43-44..

Jadual 2.1: Interaksi dengan al-Quran menurut Yūsuf al-Qaraḍawī.

Interaksi dengan al-Quran Menurut Yūsuf al-Qaraḍawī			
3 Cara Interaksi	Menghafal, membaca dan mendengar	Memahami dan mentafsir	Mengikuti, mengamalkan dan berdakwah
Kaedah Pelaksanaan	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Menghafal al-Quran ▪ Membaca al-Quran ▪ Mentadabbur al-Quran ▪ Memberi respon terhadap al-Quran ▪ Mendengar al-Quran 	Memahami dan mentafsir al-Quran dengan menguasai kesemua cabang ilmu <i>Uṣūl al-Tafsīr</i> merangkumi <i>al-Tafsīr bi al-Ma'thūr</i> , <i>al-Tafsīr bi al-Ra'y</i> , <i>al-Amthāl</i> dalam al-Quran, <i>Muḥkam</i> , <i>Mutashābih</i> , <i>Asbāb al-Nuzūl</i> dan selainnya.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengikuti isi kandungan al-Quran ▪ Menjadikan al-Quran sebagai cara hidup ▪ Al-Quran sebagai panduan penentuan hukum ▪ Al-Quran sebagai panduan berdakwah ▪ Keperluan beriman dengan al-Quran secara keseluruhannya

Sumber: Mazlan Ibrahim, et al, *Maqasid al-Quran: Peranan & Pembudayaan*.⁹²

Oleh itu, jelas dapat disimpulkan bahawa dalam langkah-langkah yang dinyatakan bagi mengimplementasi interaksi dengan al-Quran dalam kehidupan tidak lari daripada proses membaca, memahami, mentadabbur, menghafal, mengkaji dan mengamalkannya.⁹³

2.1 TAFSIR 'AQLĪ KONTEMPORARI

Pemilihan tujahan terhadap *tafsīr 'aqlī* kontemporari dalam kajian ini adalah seiring dengan pendekatan yang digunakan oleh Muhammad Abdel Haleem dalam menangani isu salah

⁹² Mazlan Ibrahim, et al, "Maqasid al-Quran: Satu Analisis dari Sudut Berinteraksi dan Membudayakannya," dalam *Maqasid al-Quran: Peranan & Pembudayaan*, ed. Mazlan Ibrahim et al (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 44.

⁹³ *Ibid.*, 47.

tafsir teks al-Quran seperti yang beliau kemukakan dalam karya beliau *Exploring the Qur'an: Context and Impact*. Penegasan beliau dalam membawakan pentafsiran secara tematik dan unik menjadikan karya ini sesuai dengan masyarakat masa kini untuk ditelaah dengan sebaiknya.

2.1.1 KONSEP DAN DEFINISI

Kepentingan tafsir adalah begitu besar maknanya lantaran al-Quran hanya dapat ditafsirkan oleh mereka yang selayaknya dan bukanlah ditafsirkan oleh sembarangan individu dan mengikuti kepentingan tersendiri. Daripada karya tafsir yang berkualiti dan ditekuni oleh masyarakat tersebut, ianya melahirkan pemahaman seterusnya pengamalan hasil daripada kefahaman terhadap tafsir tersebut. Kita dapat lihat dalam ketamadunan manusia yang semakin terdedah dengan logik dan rasional, pelbagai hasil pemikiran muncul dan memberi pengaruh besar dalam segenap sudut kehidupan manusia termasuklah keagamaan. Antara kesan daripada pengaruh besar ini dapat dilihat menerusi pentafsiran al-Quran yang menyeleweng daripada golongan yang mempunyai pemikiran yang tidak selari dengan objektif para ilmuwan Islam untuk mengangkat al-Quran sebagai panduan dan manual kehidupan. Golongan yang mencemarkan pentafsiran yang sebenar terhadap al-Quran ini dipengaruhi oleh objektif dan matlamat yang berbeza.⁹⁴

Meneliti tafsir kontemporari kini menjelang abad ke-21 Masihi, terdapat variasi elemen yang baharu dimasukkan sebagai membuktikan analisis yang penuh kemodenan.⁹⁵ Antara contoh elemen yang semakin luas didedahkan dalam pengkajian adalah elemen

⁹⁴ Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, *Dakwaan dan kritikan Terhadap al-Quran dan Ilmu Tafsir dalam Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 54.

⁹⁵ Saifuddin dan Habib, "Kritik Epistemologi Tafsir Kontemporer: Studi Atas Kritik Jamal al-Banna Terhadap Beberapa Pemikir al-Qur'an Kontemporer," *Jurnal Analisis* 16, no.1 (2016), 104.

hermeneutika dalam pentafsiran, menunjukkan betapa meluasnya kajian mengenai pentafsiran al-Quran dan pengkajian dapat menjadi kesinambungan dalam kelangsungan kelimuan Islam. Sebelum mengenali bentuk pentafsiran serta pendekatannya, perlunya bagi memahami perihal tafsir itu sendiri. Tafsir hadir dengan pelbagai kaedah, pendekatan dan melalui peringkat yang tidak sedikit demi menyampaikan kehendak dan mesej daripada firman Allah dalam al-Quran itu sendiri. Kaedah-kaedah yang wujud dalam pentafsiran al-Quran dicipta oleh mereka yang mahir tentang ilmu-ilmu Islam lantas menjadi fokus para ahli tafsir dan para pengkaji al-Quran dalam mengembangkannya. Wujud perbezaan pandangan para pengkaji tafsir al-Quran dalam membincangkan kaedah tafsir, namun kesemua perbezaan kaedah tersebut dikembalikan kepada asas-asas kaedah tersebut yang telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW.⁹⁶

Tafsir dari segi bahasa adalah *al-Īdāh* dan *al-Tabyīm* yang membawa erti penjelasan dan penerangan.⁹⁷ Malah, firman Allah SWT yang menyebut kalimah tafsir ini hanya terdapat sekali sahaja dalam al-Quran:

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا ﴿٣٣﴾

Al-Furqan 19:33

Terjemahan: Dan mereka tidak membawa kepadamu sesuatu kata-kata yang ganjil (untuk menentangmu) melainkan Kami bawakan kepadamu kebenaran dan penjelasan yang sebaik-baiknya (untuk menangkis segala yang mereka katakan itu).

⁹⁶ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Abdul Hanis Embong, Pendekatan Tafsir al-Quran dalam *Sejarah Tafsir al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 41-42. Lihat juga Mannā' Khaliil al-Qaṭṭān, *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Beyrut: Mu'assasah al-Risālah Nāshirūn, 2006/1973), 20.

⁹⁷ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabi, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2005), 1:17.

Secara istilahnya, terdapat banyak pandangan yang berbeza daripada ulama mengenai takrifan tafsir secara istilahnya. Dari sisi Abū Ḥayyān al-Andalusī dalam kitab tafsir karangan beliau al-Baḥr al-Muḥīṭ, beliau menyebut tafsir sebagai ilmu yang membahaskan tentang cara sebutan lafaz al-Quran, pendalilannya, hukum-hakamnya secara *al-Ifrādiyah* dan *al-Tarkībīyah*, serta maknanya yang membawa kepada keadaan susunan dan penyempurnaan sedemikian.⁹⁸ Apa yang dipersetujui oleh al-Dhahabī adalah tafsir merupakan ilmu yang membahaskan tentang kehendak Allah pada kadar kemampuan manusia, sempurna padanya bagi memahami makna dan penjelasan tentang kehendak Allah itu.⁹⁹ Al-Zarqānī pula menyebut bahawa tafsir pada istilah adalah ilmu yang membahaskan tentang al-Quran dari sudut dilālahnya terhadap kehendak Allah SWT mengikut kadar kemampuan manusia.¹⁰⁰

Justeru dalam meneliti pendekatan dan kaedah tafsir, para sarjana Islam menyatakan bahawa terdapat tiga pendekatan berbeza dalam pentafsiran al-Quran iaitu *tafsīr bi al-Ma'thūr*, *tafsīr bi al-Ra'y* dan *tafsīr al-Ishāri*.¹⁰¹ Ketiga-tiga pendekatan ini mempunyai bentuknya yang tersendiri. Khusus bagi mendalami perbahasan mengenai pentafsiran al-Quran yang menggunakan akal, kajian ini mencerap khusus dalam perbahasan *Tafsīr 'Aqlī* atau juga dikenali sebagai *Tafsīr bi al-Ra'y* yang mana merupakan salah satu pendekatan dalam pentafsiran al-Quran. Penggunaan nama lain bagi *Tafsīr bi al-Ra'y* adalah *Tafsīr bi al-Dirāyāh* atau *Tafsīr bi al-Ma'qūl* kerana tafsirannya digarap melalui pemikiran dan ijtihad.¹⁰²

⁹⁸ Abū Ḥayyān al-Andalusī, *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, ed. Shaykh 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd (Beyrut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993), 10.

⁹⁹ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2012), 1: 128.

¹⁰⁰ Hikmah 'Ābid al-Khafājī, *al-Tafsīr al-Mawḍū'ī li al-Qur'ān al-Karīm wa Mawḍū'ātihi* ('Ammān: Dār al-Riḍwan, 2012), 19. Lihat juga al-Zarqānī, *Manāhil al-'Irfān* (Kaherah: Maṭba'ah 'Īsā al-Bābī al-Ḥalabī, t.t). 1: 471.

¹⁰¹ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Abdul Hanis Embong, Pendekatan Tafsir al-Quran dalam *Sejarah Tafsir al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 41-42

¹⁰² Ṣalāh 'Abd al-Fattāḥ al-Khālidi, *Ta'rīf al-Dārisīm Bi Manāhij al-Mufasssīrīm* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2012), 413. Lihat juga Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Abdul Hanis Embong, Pendekatan Tafsir al-Quran dalam *Sejarah Tafsir al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 63.

Al-Ra'y dari sudut bahasa berasal daripada *ra'a*, *yara*, *ra'yan* yang bererti penglihatan, pandangan dan penyaksian.¹⁰³ Al-Zarqānī dan al-Dhahabī menyatakan *al-Ra'y* bererti *ijtihād* (kesungguhan) dan *qiyās* (ukuran).¹⁰⁴

Manakala dari sudut istilah, *al-Ra'y* bermaksud ijtihad, maka *tafsīr bi al-Ra'y* bermaksud mentafsirkan al-Quran dengan panduan ijtihad.¹⁰⁵ Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan tafsir ini adalah pendekatan yang memberikan penjelasan tafsir al-Quran dengan jalan ijtihad yang memerlukan ahli tafsir tersebut berijtihad dengan panduan al-Quran dan Sunnah serta menuruti kaedah yang selamat untuk diikuti.¹⁰⁶ Al-Ṣābūnī dalam karyanya menukilkan daripada al-Qurṭubī: “Sesiapa yang mengatakan sesuatu tentang al-Quran mengikut sangkaannya tanpa berasaskan dalil-dalil yang sah, ia adalah satu kesalahan lagi dicela.”¹⁰⁷ Hal ini membuktikan kepentingan sikap berwaspada dan berhati-hati yang diamalkan oleh ulama dalam mentafsirkan al-Quran, khususnya dalam pada ayat-ayat *mutashābihāt* kerana khuatir berdosa akibat silap mentafsirkan al-Quran.¹⁰⁸ Takrifan lain bagi *tafsīr bi al-Ra'y* sebagaimana yang dikemukakan pula oleh Khālid ‘Abd al-Rahmān al-‘Akk adalah pendirian para ahli tafsir dalam menjelaskan makna al-Quran secara khusus tanpa adanya dalil yang lengkap daripada al-Quran dan Sunnah malah lebih banyak tertumpu kepada akal fikiran sahaja.¹⁰⁹ *Tafsīr bi al-Ra'y* di sisi al-Dhahabī pula adalah pentafsiran al-Quran dengan menggunakan kaedah ijtihad selepas seseorang ahli tafsir itu mengetahui

¹⁰³ Ṣalāh ‘Abd al-Fattāh al-Khālīdī, *Madkhal ilā Zilāl al-Qur’ān* (‘Ammān: Dār ‘Ammār, 2000), 413.

¹⁰⁴ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Abdul Hanis Embong, *Pendekatan Tafsir al-Quran dalam Sejarah Tafsir al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 62.

¹⁰⁵ Faḍl Ḥassān ‘Abbās, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn: Asāsiyyatuhu wa Ittijāhātuhu wa Manāhijuhu fi ‘Asr al-Hadīth* (‘Ammān: Dār al-Nafā’is, 2016), 196. Lihat juga Thameem Ushama, *Methodologies of the Qur’anic Exegesis* (Kuala Lumpur: AS Noordeen, 1995), 29.

¹⁰⁶ Norasyigim binti Mohammad, “*Tafsīr Bi al-Ra'y*: Kajian Terhadap Pemikiran al-Bayḍāwī dalam Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta’wīl” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2007), 32.

¹⁰⁷ Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī, *al-Tibyān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Beyrut: ‘Ālim al-Kutub, 1985)

¹⁰⁸ Norasyigim binti Mohammad, “*Tafsīr Bi al-Ra'y*: Kajian Terhadap Pemikiran al-Bayḍāwī dalam Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta’wīl” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2007), 32.

¹⁰⁹ Khālid ‘Abd al-Rahmān al-‘Akk, *Uṣūl al-Tafsīr wa Qawā'iduhu* (Beyrut: Dār al-Nafā’is, 1986), 167.

bahasa Arab dari sudut dalilnya, percakapan dan kata-kata orang Arab yang dibantu oleh syair-syair jahliyyah, *Asbāb al-Nuzūl* ayat dan pengetahuan tentang ayat-ayat *nasakh* dan *mansūkh* serta segala perkara yang perlu diketahui oleh ahli tafsir.¹¹⁰ Al-Qaṭṭān juga menyatakan bahawa pendekatan tafsir ini berupa tafsiran daripada para ahli tafsir yang diambil daripada kefahamannya yang khas dan ijtihad daripada akalunya.¹¹¹

Dalam menanggapi istilah *Tafsīr ‘aqlī* kontemporari berkesinambungan daripada yang diteliti menerusi pendefinisian *Tafsīr bi al-Ra’y*, ianya adalah corak pendekatan dalam mentafsirkan al-Quran yang bertujuan menerangkan kandungan ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan ijtihad serta berpandukan kepada garis panduan tertentu yang perlu dipatuhi oleh ahli tafsir yang memfokuskan kepada pentafsiran menerusi pendekatan ini. *Tafsīr ‘aqlī* yang berlandaskan kepada pendapat dan hawa nafsu semata-mata tanpa ilmu yang mendalam dan khusus akan menyebabkan pentafsiran tersebut ditolak dan dilarang oleh para ulama.¹¹²

2.1.2 PEMBAHAGIAN *TAFSĪR ‘AQLĪ*

Perselisihan antara ulama timbul apabila ada sebahagian ulama yang membenarkannya dan sebahagian yang lainnya tidak membenarkan *pendekatan Tafsīr bi al-Ra’y* ini. Justeru perselisihan ini menatijahkan tafsīr ini terbahagi kepada dua bahagian.

i) *Tafsīr bi al-Ra’y al-Maḥmūd*

Juga dikenali sebagai *tafsīr bi al-Ra’y al-Jā’iz*, tafsir dengan pendekatan ini terhasil melalui kefahaman dan ketelitian ke atas ayat-ayat al-Quran yang

¹¹⁰ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* (Kaheerah: Dār al-Hadīth, 2012), 1: 170

¹¹¹ Mannā’ Khaliil al-Qaṭṭān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Beyrut: Mu’assasah al-Risālah Nāshirūn, 1998), 321.

¹¹² Norasyigim binti Mohammad, “*Tafsīr Bi al-Ra’y*: Kajian Terhadap Pemikiran al-Bayḍāwī dalam Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta’wīl” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2007), 34.

tidak bercanggah dengan al-Quran dan Sunnah. Tafsir yang menggunakan ijihad atau pendapat begini terbahagi kepada empat pecahan:¹¹³

- a) Pendapat yang dikeluarkan oleh para Sahabat RA tentang al-Quran. Hal ini kerana mereka memperoleh didikan langsung daripada Rasulullah SAW dan mereka menyaksikan penurunan al-Quran.
- b) Pendapat yang disertakan bukti-bukti pendalilan dan cara pengeluaran hukum yang tepat.
- c) Pendapat sepakat umat Islam yang diambil daripada ulama terdahulu yang menatijahkan mustahil untuk bersepakat dalam berbohong.
- d) Pandangan yang dikeluarkan hasil pembelajaran ilmu daripada al-Quran, Sunnah dan para Sahabat RA.

ii) *Tafsīr bi al-Ra'y al-Madhmūm*

Pendekatan *tafsīr bi al-Ra'y al-Madhmūm* (tercela) adalah pendekatan yang bersandarkan kepada akal dan ijihad tanpa berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah. Terdapat lima pecahan dalam bahagian pendekatan ini:¹¹⁴

- a) Pandangan yang bertentangan dengan nas-nas al-Quran dan Sunnah.
- b) Pandangan tentang agama secara keterlaluan dalam sesuatu perkara atau berbentuk andaian.

¹¹³ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Abdul Hanis Embong, Pendekatan Tafsir al-Quran dalam *Sejarah Tafsir al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 63. Lihat juga Khālid ibn Uthmān al-Sabt, *Qawā'id al-Tafsīr Jam'an wa Dirāsah* (Beyrut: Dār Ibn 'Affān, 2001), 242.

¹¹⁴ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Abdul Hanis Embong, Pendekatan Tafsir al-Quran dalam *Sejarah Tafsir al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 63. Lihat juga Ṭāhir Maḥmūd Muḥammad Ya'qūb, *Asbāb Khata' fi al-Tafsīr: Dirāsāt Ta'sīliyyat* (Kaheerah: Dār Ibn al-Jauzī, 2005), 69-70.

- c) Pandangan yang salah faham terhadap nama-nama Allah SWT juga sifat-sifat-Nya dan nama-nama-Nya seperti yang dilakukan oleh golongan al-Qadariyyah, al-Jahmiyyah dan al-Mu'tazilah.
- d) Pandangan yang direka-reka atau mengubah Sunnah Nabi Muhammad SAW.
- e) Pandangan dalam syariat Islam dengan andaian dan akal tanpa bersandarkan kepada asas yang kukuh.

Ulama juga berbeza pandangan dari sudut penerimaan terhadap *tafsīr 'aqlī* ini. Terdapat ulama yang menerima dan terdapat ulama yang menolak. Setiap penerimaan dan penentangan terhadap pendekatan ini desandarkan kepada penghujahan yang tersendiri.

1. Ulama yang mengharuskan¹¹⁵

Mereka berhujah dengan dalil-dalil naqli yang menyeru manusia terhadap pemahaman intipati al-Quran.

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴿٢٩﴾

Şad 38: 29

Terjemahan: (Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), -Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.

¹¹⁵ Norasyigim binti Mohammad, "Tafsīr Bi al-Ra'y: Kajian Terhadap Pemikiran al-Bayḍāwī dalam Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2007), 66-71.

﴿٢٤﴾ أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا

Muhammad 47: 24

Terjemahan: (Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?

Oleh itu, penghujahan mereka dapat dirumuskan sebagai penumpuan terhadap seruan al-Quran kepada umat Islam untuk menggerakkan tadabbur dan memerhatikan intipati al-Quran. Bagi memahami al-Quran, al-Quran hendaklah ditafsirkan. Lantaran Rasulullah SAW tidak mentafsirkan al-Quran secara kesleuruhan, ianya memerlukan kepada ijtihad daripada generasi seterusnya.

2. Ulama yang menentang

Penghujahan ulama yang berpendirian menentang *tafsīr bi al-Ra'y* adalah menerusi firman Allah SWT:

﴿٣٦﴾ وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۚ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا

Al-Isrā' 17:36

Terjemahan: Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.

Ulama dalam kelompok ini juga mendatangkan hujah dengan merujuk hadith yang melarang bentuk pentafsiran al-Quran secara al-Ra'y.

a) Hadith riwayat Abū Dāwūd daripada Jundub bahawa Nabi Muhammad

SAW bersabda:

مَنْ قَالَ فِي الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَأَصَابَ فَقَدْ أخطأ

Terjemahan: Sesiapa yang mentafsirkan al-Quran dengan fikirannya kemudian menepati kebenaran maka sebenarnya di telah melakukan kesilapan.

Perawi hadith ini adalah Suhayl Ibn Abi Ḥazm yang disebutkan oleh al-Bukhārī dan al-Nasa’ī bahawa ia bukanlah seorang yang kuat hafalannya. Imam Aḥmad turut menyebut bahawa hadith ini adalah hadith *Munkar*.¹¹⁶

b) Hadith seterusnya riwayat oleh al-Tirmidhī daripada Ibn ‘Abbās, Nabi Muhammad SAW bersabda

اتَّقُوا الْحَدِيثَ عَنِّي إِلَّا مَا عَلِمْتُمْ فَمَنْ كَذَبَ عَلَيَّ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ وَمَنْ قَالَ فِي

الْقُرْآنِ بِرَأْيِهِ فَلْيَتَّبِعُوا مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ

Terjemahan: Takutlah kamu untuk memperkatakan sesuatu terhadapku melainkan apa yang kamu ketahui. Sesiapa yang mendustakan terhadapku dengan sengaja makan ia menyediakan tempatnya dalam api neraka. Sesiapa yang memperkatakan dalam al-Quran dengan menggunakan pendapat sendiri maka da menyediakan tempatnya daripada api neraka.¹¹⁷

¹¹⁶ Abī ‘Īsā Muḥammad ibn ‘Īsā ibn Sūrah ibn Mūsā al-Tirmidhī, “Jāmi‘ al-Tirmidhī” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Šāliḥ ibn ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 1948 (Kitāb Tafsīr al-Qur’ān, Bāb Mā Jā’a fi Alladhī Yufassir al-Qur’ān bira’yihī, no. hadith 2952). Lihat juga Abī Dāwūd Sulaymān ibn al-Ash’ath ibn Ishāq al-Azdī al-Sijistānī, “Sunan Abī Dāwūd” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Šāliḥ ibn ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 1494. (Kitāb al-‘Ilm, Bāb al-Kalām fi Kitāb Allah bilā ‘Īlm, no. hadith 3652).

¹¹⁷ Abī ‘Īsā Muḥammad ibn ‘Īsā ibn Sūrah ibn Mūsā al-Tirmidhī, “Jāmi‘ al-Tirmidhī” dalam *Mawsū‘ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Šāliḥ ibn ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008), 1948 (Kitāb Tafsīr al-Qur’ān, Bāb Mā Jā’a fi Alladhī Yufassir al-Qur’ān bira’yihī, no. hadith 2951).

Larangan yang terdapat dalam kedua-dua hadith tersebut ditujukan kepada seseorang yang mengatakan dengan pendapatnya tentang ayat-ayat mushkīl dalam al-Quran.¹¹⁸ Perkara ini hanya dapat diketahui menerusi Nabi Muhammad SAW dan para Sahabat RA. Perkataan *al-Ra'y* dalam hadith tersebut merujuk kepada *al-Ra'y* yang tidak disandarkan kepada dalil. Hadith tersebut turut menunjukkan larangan untuk mentafsirkan al-Quran dengan hawa nafsu semata-mata.¹¹⁹

Shaykh Muḥammad al-Ghazzālī berpendapat mengenai kedua-dua hadith ini bahawa ianya bukanlah melarang penggunaan akal dalam mentafsirkan al-Quran tetapi pemikiran yang dinyatakan dalam hadith itu ialah tentang perihal niat yang buruk dan keinginan mengetengahkan al-Quran dengan tujuan yang kurang baik.¹²⁰

- c) Athar daripada al-Salaf yang melarang daripada menyebut mengenai al-Quran dengan menggunakan pendapat sendiri. Antaranya Abu Bakr Al-Ṣiddīq RA menyatakan:

“Langit mana yang sanggup memayungiku dan bumi mana yang sanggup menanggungku, ke manakah akan kupergi, dan apakah yang perlu aku lakukan, sekiranya aku mentafsir satu huruf al-Quran menyalahi kehendak Allah?”

Hal ini menjelaskan pendirian beliau yang tidak akan menggunakan pendapatnya sendiri dalam mentafsirkan al-Quran tanpa dalil dan ilmu. Kemurkaan Allah juga adalah sesuatu yang sangat digeruni ketika mana tafsiran tidak menepati kehendak Allah SWT. Keengganan al-Salaf dalam mentafsir al-Quran secara *al-Ra'y* menjadi

¹¹⁸ Norasyigim binti Mohammad, “Tafsīr Bi al-Ra’y: Kajian Terhadap Pemikiran al-Bayḍāwī dalam Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta’wīl” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2007), 68.

¹¹⁹ Ibid., 69

¹²⁰ Muhammad Rusydi bin Mohamed, “Tafsir bi Al-Ra’yi: Kajian Terhadap Pemikiran Syekh Muhammad al-Ghazali dalam ‘Al-Mahawir al-Khamsah Li al-Quran al-Karim’” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 10.

asas penghujahan ulama yang menolak pendekatan pentafsiran al-Quran dengan *al-Ra'y*. Demikian juga Sa'īd Ibn al-Musayyib apabila sering ditanya tentang tafsiran ayat al-Quran, beliau menjawab “Aku tidak akan mengatakan sesuatu tentang al-Quran.” Beliau kadangkala berdiam diri dan tidak berkata apa-apa seolah-olah soalan yang diajukan kepada beliau itu tidak didengari. Lain halnya dengan persoalan mengenai hukum halal dan haram, beliau akan terus menjawab mengenainya.¹²¹

Justeru dalam menanggapi perbezaan pendapat ini, ianya harus diteliti bahawa perbezaan ini tertakluk kepada lafaz sahaja. Malah kita akui bahawa Rasulullah SAW tidak menjelaskan dengan penghuraian mengenai keseluruhan ayat al-Quran. Oleh itu, tanggungjawab memperincikan dan memperjelas isi kandungan al-Quran terletak kepada generasi seterusnya.

Hadith-hadith yang dijadikan hujah juga haruslah difahami bahawa maksud yang disampaikan hadith itu adalah “Sesiapa yang sengaja mengubah maksud sebenar tafsiran al-Quran kepada tafsiran yang mneyeleweng adalah dilarang oleh syara'.” Hadith yang diriwayatkan oleh Jundub seperti yang telah dinyatakan juga sebenarnya terdiri daripada hadith yang *da'if* dan *munkar*. Seterusnya, jika hadith ini dianggap *ṣaḥīḥ*, larangan keras ditujukan kepada mereka yang menggunakan pendapat sendiri dengan mengikut hawa nafsu dan tanpa rujukan athar daripada Rasulullah SAW untuk mentafsirkan al-Quran.¹²²

Dasarnya terletak kepada larangan pentafsiran al-Quran secara *'aqli* tanpa mengetahui ilmu yang berhubung dengannya serta terhadap mereka yang mentafsirkan al-Quran menurut hawa nafsu semata-mata. Hal ini menunjukkan

¹²¹ Norasyigim binti Mohammad, “Tafsīr Bi al-Ra'y: Kajian Terhadap Pemikiran al-Bayḏāwī dalam Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2007), 69.

¹²² Norasyigim binti Mohammad, “Tafsīr Bi al-Ra'y: Kajian Terhadap Pemikiran al-Bayḏāwī dalam Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2007), 73.

pentingnya agar pentafsiran al-Quran tidak terkeluar daripada garis panduan dalam tafsir, bahkan ijthad dan pentafsiran dengan menggunakan pendapat sendiri hendaklah mengikut dalil syara' dan kaedah-kaedah bahasa yang telah ditetapkan.¹²³

2.1.3 ELEMEN PENDEKATAN *TAFSĪR 'AQLĪ (TAFSĪR BI AL-RA'Y)*

Selari dengan perkaitan yang wujud antara *tafsīr bi al-Ma'thūr* dengan *tafsīr bi al-Ra'y*, pengkajian terhadap kedua-duanya menunjukkan bahawa aliran *tafsīr bi al-Ma'thūr* adalah aliran yang disepakati oleh para ulama tafsir meskipun wujud *inṣirāf* yang tidak diperlukan seperti kisah-kisah Isrāiliyyāt dan hal-hal lain. Pemurnian kitab-kitab tafsir muktabar ini dilakukan seiring dengan *taḥqīq* yang dilakukan saban waktu. Namun berlainan hal dengan aliran *tafsīr bi al-Ra'y*, masalah terhadapnya dilihat daripada kontroversi dalam Islam berhubung hukum penggunaan tafsir tersebut serta kelonggaran yang diberikan. Natijah daripada perkara tersebut, muncul kitab-kitab tafsir yang masyhur dalam aliran *tafsīr bi al-Ra'y* antaranya al-Baḥr al-Muḥīṭ oleh Abū Ḥayyān al-Andalusī, al-Tafsīr al-Kabīr oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī, Tafsīr al-Kashshāf oleh al-Zamakhsharī dan lain-lain.¹²⁴

Elemen dalam pendekatan *tafsīr 'aqlī* di sisi al-Dhahabī terdapat tiga iaitu *al-I'tiqād* (kepercayaan), *al-Ijtihād* (daya pemikiran) dan *Qiyās* (ukuran).¹²⁵

¹²³ *Ibid.*, 74.

¹²⁴ Muhammad Rusydi bin Mohamed, "Tafsir bi Al-Ra'yi: Kajian Terhadap Pemikiran Syekh Muhammad al-Ghazali dalam 'Al-Mahawir al-Khamsah Li al-Quran al-Karim'" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 6.

¹²⁵ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Abdul Hanis Embong, Pendekatan Tafsir al-Quran dalam *Sejarah Tafsir al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 69.

a) *Al-I'tiqād*

Pentafsiran al-Quran yang berbeza-beza adalah hasil daripada akidah pengarang tafsir tersebut. Pentafsiran al-Quran dengan pendekatan *al-Ra'y* berkait rapat dengan iktikad yang dipegang oleh mufassir. Secara umumnya, mufassir tersebut hendaklah percaya kepada Allah SWT, Nabi Muhammad SAW dan al-Quran, manakala secara khusus, mufassir tersebut hendaklah berpegang dengan pegangan ahli Sunnah wa al-Jamā'ah. Dengan itu, mufassir juga hendaklah meletakkan keredaan Allah sebagai matlamat pentafsiran dan menjadikan ajaran Islam sebagai ajaran yang ditaati dan dipatuhi.

Sekiranya mufassir bercanggah dengan *al-I'tiqād* yang sebenar, maka secara umum hal ini dapat dilihat datang daripada golongan yang terpesong iaitu Muktaẓilah, Syiah dan Khawarij. Lantaran tafsiran mereka kebanyakannya terpesong daripada *tafsīr bi al-Ra'y* al-Mahmud dan tafsiran mereka berlandaskan hawa nafsu yang menyokong aliran akidah mereka, maka tafsiran daripada golongan-golongan ini hendaklah diselidiki dan diteliti sebelum digunakan.¹²⁶

b) *Al-Ijtihād*

Tafsīr bi al-Ra'y menurut Mannā' al-Qaṭṭān adalah apa yang dipegang oleh ahli tafsir dalam menjelaskan makna mengikut kefahaman yang khusus dan *istinbāṭ* semata-mata mengikut pandangannya, bukan kefahaman yang disepakati oleh roh syariat dan bersandarkan kepada nas-nas. Beliau menegaskan bahawa golongan ahli bid'ah yang menuruti mazhab yang sesat, mentafsirkan dengan pandangan dengan merujuk kepada al-Quran kemudian mentakwilnya mengikut kefahaman sendiri. Golongan ini tidak mengambil daripada *qawl* para Sahabat RA

¹²⁶ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuddin dan Abdul Hanis Embong, Pendekatan Tafsir al-Quran dalam *Sejarah Tafsir al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 69-70.

dan tabiin. Bahkan mereka menghasilkan tafsir berdasarkan usul mazhab mereka.¹²⁷ Al-Qaṭṭān turut menyatakan bahawa perkembangan *tafsīr bi al-Ra'y* lebih berkembang pesat berbanding *tafsīr bi al-Ma'thūr*. Malah *tafsīr bi al-Ra'y* lebih cenderung dijadikan rujukan dalam mentafsirkan al-Quran.¹²⁸ Penjelasan ayat-ayat al-Quran menerusi pemikiran (nalar) dan ijtihad adalah jalan dalam *tafsīr 'aqlī*.¹²⁹ Al-Qaraḍawī mentakrifkan *al-Ra'y* sebagai ijtihad, mengaktifkan akal dan pandangan dalam memahami al-Quran berdasarkan pengetahuan tentang bahasa Arab dalam lingkungan yang harus ditepati oleh ahli tafsir dari sudut adab, syarat, pengetahuan dan akhlak.¹³⁰

Muḥammad al-Ghazzālī mentakrifkan ijtihad dalam kitabnya dengan mengembalikan perkara-perkara yang tidak berpenghujung dan tidak mempunyai peraturan atau ukuran tertentu kerana terlalu banyak dan sering berlaku perubahan juga perkara yang tidak datang nas kepada dasar-dasar syariah dan manhaj-manhajnya.¹³¹

Syarat-syarat yang ketat dalam berijtihad juga dinyatakan oleh beliau seperti berikut:

- i. Hanya yang ahli boleh berijtihad. Berijtihad hanya dikhususkan kepada yang benar-benar mengkaji dan mahir dalam bidangnya.
- ii. Wajib menghafaz al-Quran, mengetahui turutan ayat demi ayat mengikut sejarah penurunan serta asbāb al-Nuzūl ayat.

¹²⁷ Muhammad Rusydi bin Mohamed, "Tafsir bi Al-Ra'yi: Kajian Terhadap Pemikiran Syeikh Muhammad al-Ghazali dalam 'Al-Mahawir al-Khamsah Li al-Quran al-Karim'" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 86.

¹²⁸ Manna' al-Qaṭṭān, *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 2000), 342.

¹²⁹ Muhammad Rusydi bin Mohamed, "Tafsir bi Al-Ra'yi: Kajian Terhadap Pemikiran Syeikh Muhammad al-Ghazali dalam 'Al-Mahawir al-Khamsah Li al-Quran al-Karim'" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 87.

¹³⁰ *Ibid.*, 87.

¹³¹ Muḥammad al-Ghazzālī, *Hādhā Dīnunā* (Kaherah: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, 1986), 180. Lihat juga Muhammad Rusydi bin Mohamed, "Tafsir bi Al-Ra'yi: Kajian Terhadap Pemikiran Syeikh Muhammad al-Ghazali dalam 'Al-Mahawir al-Khamsah Li al-Quran al-Karim'" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 90.

- iii. Hendaklah menguasai hadith dari segenap sudut: sanad, matan, *ṣaḥīḥ* dan *ḍa'īf* serta *asbāb wurūd al-hadīth*.
- iv. Mahir dalam ilmu nahu bahasa Arab, balaghah, gaya bahasa yang fasih dalam syair.
- v. Mengawal jiwa dengan adab, taqwa kepada Allah, kasih akan orang-orang Islam dan mengambil berat akan keperluan mereka.
- vi. Mempunyai pengetahuan dalam sejarah Islam tentang perkembangan ilmu dan politik, kelompok atau kumpulan yang mencul dan sejarah pertembungan agama ini dengan agama-agama lain daripada golongan ahli Kitab atau penyembah berhala.¹³²

c) *Qiyās*

Dalam konteks pentafsiran al-Quran, *Qiyās* juga mempunyai kesinambungan dengan *al-Ijtihād* kerana kedua-duanya adalah keadaan menentukan hukum terhadap sesuatu yang tidak disebutkan dalil dalam al-Quran dan al-Sunnah, lantas menggunakan kekuatan fikiran dalam menyelesaikan permasalahan. Namun, *tafsir al-Qiyās* berbeza dengan *tafsīr bi al-Ra'y* kerana qiyas adalah memadankan perkara yang tiada nas dengan perkara yang terdapat nas baginya.¹³³ Meneliti tafsīr 'aqlī yang juga dikenali sebagai *tafsīr bi al-Ra'y*, wujudnya penyelewengan terhadapnya dari sudut-sudut tertentu. Al-Zarqānī menjelaskan bahawa antara faktor penyelewengan tersebut terjadi adalah seseorang melakukan pentafsiran dengan memberanikan diri untuk mentafsir tanpa bekalan ilmu yang mencukupi mengenai prinsip syarak dan kaedah bahasa Arab, selain turut memaksakan pentafsiran ayat menuruti mazhab,

¹³² Muḥammad al-Ghazzālī, *Kayf Nafham al-Islām* (Dimashq: Dār al-Qalam, 2000), 191.

¹³³ Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuddin dan Abdul Hanis Embong, *Pendekatan Tafsir al-Quran dalam Sejarah Tafsir al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari* (Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017), 71.

aliran atau akidah yang bercanggah, serta cenderung terhadap hawa nafsu dan kepentingan peribadi yang dianggap baik.¹³⁴

2.1.4 KARYA TAFSIR ‘AQLĪ KONTEMPORARI

Antara karya tafsir ‘aqlī kontemporari yang dinukilkan adalah:

1. *Tafsīr Maḥāsīn al-Ta’wīl* oleh Jamāl al-Dīn al-Qāsimī
2. *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur’ān* oleh Sayyid Qutb
3. *Tafsīr al-Wāḍiḥ* oleh Muḥammad Maḥmūd al-Ḥijāzī
4. *Tafsīr al-Jawāhir* oleh Ṭanṭāwī Jawhārī
5. *Tafsīr al-Marāghī* oleh Aḥmad Muṣṭafā al-Marāghī
6. *Tafsīr al-Qur’ān al-Majīd* oleh Aḥmad ‘Izzah Dār Wazzah
7. *Tafsīr al-Munīr* oleh Wahbah al-Zuhailī
8. *Tafsīr al-Manār* oleh Muḥammad ‘Abduh dan disusun semula oleh Sayyid Muḥammad Rashīd Riḍā.¹³⁵

Demikian adalah penemuan terhadap karya *tafsīr ‘aqlī* yang dihasilkan pada zaman moden sekaligus tersenarai sebagai karya kontemporari. Karya-karya tersebut muncul bermula awal abad ke-14 Hijrah dan berakhir pada abad ke-19 Masihi. Sudut yang membezakan seleksi karya ini berbeza dengan karya-karya pada zaman sebelumnya adalah sudut pewarisan riwayat-riwayat terdahulu yang disandarkan kepada para Sahabat RA, tabi’in dan tabi’ tabi’in yang mana tidak menjadi fokus utama dalam penghasilan karya-karya

¹³⁴ Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, Sejarah Penyelewengan dalam Ilmu Tafsir dalam *Penyelewengan dalam Tafsīr al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017), 21.

¹³⁵ Manna’ al-Qaṭṭān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (Beyrut: Mu’assasah al-Risālah, 2000), 342. Lihat juga Thameem Ushama, *Methodologies of the Qur’anic Exegesis* (Kuala Lumpur: AS Noordeen, 1995), 110.

tersebut. Karya tafsir kontemporari tertumpu kepada ijtihad para ahli tafsir itu sendiri berdasarkan kepada konteks dan keperluan umat Islam.

Hal ini tidak menafikan kepentingan karya tafsir pada zaman Islam yang lebih dahulu muncul pada abad ke-7 dan abad ke-8 Hijrah. Antara karya pada zaman tersebut adalah:

1. *Tafsīr Mafātiḥ al-Ghayb (Tafsīr al-Kabīr)* oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī
2. *Tafsīr Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl (Tafsīr al-Bayḍawī)* oleh al-Bayḍawī¹³⁶
3. *Tafsīr Madārik al-Tanzīl wa Ḥaqā'iq al-Ta'wīl* oleh 'Abd Allah Ibn Muḥammad al-Nasafī

Manakala pada abad ke-9 dan ke-10 Hijrah, karya yang muncul pada waktu ini adalah:

1. *Tafsīr al-Jalālayn* oleh Jalāl al-Dīn al-Maḥalli lalu disempurnakan oleh Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī
2. *Tafsīr Sirāj al-Munīr* oleh al-'Allamah al-Khāṭib al-Sharbīnī

Dalam meneliti karya-karya ini, para ulama tafsir mempunyai kecenderungan tersendiri dalam pentafsiran al-Quran lantas membuktikan usaha para ulama tafsir dalam memperluas wilayah dan tujahan tafsir bagi penambahbaikan terhadap ilmu tafsir al-Quran.¹³⁷ Proses pentafsiran al-Quran dalam usaha penambahkannya ini tidak melibatkan rekonstruksi atau dekonstruksi (rombak semula) karya-karya terdahulu, tetapi meneruskan pembinaan empayar karya tafsir. Hal ini berlanjutan sehingga ke zaman tabiin. Selepas

¹³⁶ Norasyigim binti Mohammad, "Tafsīr Bi al-Ra'y: Kajian Terhadap Pemikiran al-Bayḍawī dalam Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2007), 3.

¹³⁷ Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 90.

zaman tabiin, muncul aliran *tafsīr bi al-Ra'y* atau *tafsīr Dirāyah*. *Tafsīr al-Athar al-Nazarī* menjadi tafsir yang mencakupi aliran *tafsīr bi al-Ma'thūr* dan *tafsīr bi al-Ra'y*.¹³⁸

Karya *tafsir bi al-Ra'y* pada zaman klasik Islam menampilkan kecenderungan berbeza bagi setiap ahli tafsir.

Jadual 2.2: Kecenderungan Mufassir dalam Pentafsiran al-Quran

Mufassir	Kecenderungan
Fakhr al-Rāzī	Akidah, Fiqh, Bahasa
Imam al-Shāfi'ī	Fiqh
Jasās al-Ḥanafī	
Imām al-Qurṭubī	
Al-Farā'	Nahu & I'rab
Akhfas	
Ibn Jarīr	
Al-Zamakhsharī	
Al-Rāzī	
'Abqarī	
Abū Ḥayyān al-Andalusī	
Al-Alūsī	Tasawwuf

Sumber: Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 93.

Selepas tahap *Tafsīr al-Athar al-Nazarī*, berlangsung pentafsiran al-Quran pada tahap penulisan zaman moden. Shāh Walī Allah al-Dahlawi mengatakan bahawa terdapat tujuh pembahagian ulama dalam pentafsiran al-Quran: Ulama Hadith, Ulama Mutakallimin, Ulama Fiqh dan Usul, Ulama Nahu dan Bahasa, Ahli Sastera, Ulama Qiraat dan Ulama Sufi. Perluasan ilmu tafsir dilihat memperdalam perbincangan dalam bidang masing-masing ahli mufassir.¹³⁹

¹³⁸ Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 91.

¹³⁹ Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 93.

Aliran kecenderungan tafsir pada zaman moden menampilkan karya-karya oleh sebilangan mufassir seperti al-Dhahabī, Ibn ‘Ashūr, Ibn Taimiyyah, al-Mawdūdī, al-Suyūṭī dan selainnya. Abad ke-20 pula memperlihatkan gagasan yang diperluaskan melalui pentafsiran al-Quran iaitu prinsip-prinsip Undang-undang al-Quran, seterusnya galakan kepada umat Islam untuk melaksanakannya. Hal ini dapat dilihat menerusi karya tafsir oleh Muḥammad ‘Abduh dan Rashīd Riḍā.¹⁴⁰

2.2 BENTUK TAFSIR ‘AQLĪ KONTEMPORARI

Dalam meneliti kecendeungan tafsir dari sudut ‘ilmi, Fahd al-Rumi dalam karya beliau *Ittijāhāt al-Tafsīr fi al-Qarn al-Rabi’ ‘Asyr*, beliau mengkhususkan pendekatan tafsir secara ‘aqlīyyah ijtimā’iyyah hadīthah di bawah kecenderungan *tafsīr ‘ilmī*.¹⁴¹

2.2.1 AGAMA

Dalam meneliti *tafsīr ‘aqlī* kontemporari menerusi bentuk dan skop agama, Islam dipengaruhi dengan momokan golongan yang memusuhi Islam seperti Liberal Islam, anti Hadith dan sebagainya. Mereka bukan sekadar menggertak kesahihan nas agama, malah mendatangkan penghujahan hasil daripada pengkajian mereka untuk mencemar kesucian agama Islam dan mencari titik kelemahan. Oleh itu, usaha untuk mendepani golongan sebegini memerlukan penguasaan ilmu yang kuat dalam agama serta pemahaman yang kukuh terhadap nas-nas agama.

¹⁴⁰ Mustaffa Abdullah, *Rasyid Rida: Pengaruhnya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009) 161-162.

¹⁴¹ Fahd al-Rūmī, *Ittijāhāt al-Tafsīr fi al-Qarn al-Rabi’ ‘Asyr* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1997), 705.

a) Salah Tafsir al-Quran dan Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran

Elemen dalam penyelewengan pentafsiran al-Quran termasuklah kritik semula al-Quran digagaskan oleh Liberal Islam bagi merombak semula al-Quran dan *al-Turāth al-Islamī* dengan melihat kepada disiplin Islam termasuklah ilmu tafsir, hadith dan fiqh.¹⁴² Dari sudut Fiqh, antara penyelewengan yang cuba diangkat oleh Liberal Islam adalah untuk melihat Fiqh sebagai sumber nilai dan etika sosial, bukan sumber hukum semata-mata. Manakala dari sudut hadis, golongan ini didapati cuba menentang kandungan yang tidak bertepatan dengan rasional pada pandangan mereka.¹⁴³ Justeru hal ini menjelaskan bahawa penyelewengan pentafsiran al-Quran yang gigih diperjuangkan oleh golongan Liberal Islam adalah dengan jalan pentafsiran semula al-Quran yang menidakkan metode ulama terdahulu dan secara jelas mengkritik al-Quran dari pelbagai sudut.

b) Tuduhan Terhadap Al-Quran Sebagai Karangan Nabi Muhammad SAW dan Bukan Wahyu Allah

Pertuduhan yang diajukan terhadap al-Quran yang menjadi sumber rujukan utama dalam Islam adalah pertuduhan yang sentiasa dibangkitkan oleh golongan yang memusuhi Islam sebagai usaha untuk menggugat kedudukan Islam. Golongan missionari Kristian mendakwa bahawa al-Quran adalah karangan Muhammad dan bukan wahyu daripada Allah. Dakwaan mereka berkisar tentang kisah-kisah Nabi-nabi terdahulu sebagai hasil Nabi Muhammad SAW mengambil kisah-kisah daripada Kitab Perjanjian Lama. Bagi golongan ini, jika terdapat persamaan cerita antara kedua-duanya, mereka mendakwanya sebagai bukti bahawa al-Quran adalah salinan daripada kitab suci mereka, sedangkan jika sebaliknya, mereka

¹⁴² Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 57.

¹⁴³ *Ibid.*, 59-60.

mendakwa al-Quran sebagai wahyu yang palsu.¹⁴⁴ Bagi golongan Orientalis juga, perihal Muhammad mencipta al-Quran adalah tidak dapat dipertikaikan dan mereka berpegang bahawa al-Quran adalah buatan manusia serta pengarangnya adalah Muhammad.¹⁴⁵

Musuh Islam khususnya golongan missionari Kristian dan Orientalis menggiatkan usaha untuk menjatuhkan Islam dengan cara membuat pengkajian dan penyelidikan yang mendalam terhadap ilmu-ilmu dalam Islam dengan tujuan untuk membuktikan asal bagi ilmu-ilmu ini adalah falsafah Islam yang diolah dan disadur daripada falsafah Yunani.¹⁴⁶ Hasil daripada penyelidikan mereka yang disusup untuk terus memusuhi Islam, pemikiran generasi muda Islam ditanamkan dengan halus secara ilmiah bahawa sumber al-Quran bukan wahyu dan ianya hanyalah karangan Nabi Muhammad SAW. Di sisi golongan Orientalis, mereka menggariskan pentafsiran al-Quran secara tidak benar, bahawa Nabi Muhammad SAW adalah seseorang yang agung tetapi Baginda bukanlah Nabi, al-Quran bukan wahyu bahkan ianya adalah karangan Nabi Muhammad SAW, Islam bukan agama yang asli lantaran ianya diubah oleh Nabi Muhammad SAW dengan asas daripada ajaran Yahudi dan Nasrani.¹⁴⁷

c) Dakwaan Terhadap Keaslian dan Sanad Periwayanan

Aspek keaslian dan sanad periwayanan menjadi salah satu perkara yang cuba diperkotak-katikkan oleh golongan yang menyelewengkan pentafsiran al-Quran. Dalam hal ini, ianya berkait rapat dengan *asbāb al-Nuzūl* terhadap al-Quran itu sendiri. Dalam mendalami *asbāb*

¹⁴⁴ Abdul Hafiz bin Abdullah, "Pengaruh Persekitaran dalam Pentafsiran al-Qur'an: Kajian Terhadap Tafsir al-Azhar" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 159.

¹⁴⁵ Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (Hamka), *Tafsir al-Azhar* (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2012), 3:2153.

¹⁴⁶ Abdul Hafiz bin Abdullah, "Pengaruh Persekitaran dalam Pentafsiran al-Qur'an: Kajian Terhadap Tafsir al-Azhar" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 160. Lihat juga Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (Hamka), *Tafsir al-Azhar* (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2012), 3:2153.

¹⁴⁷ Abdul Hafiz bin Abdullah, "Pengaruh Persekitaran dalam Pentafsiran al-Qur'an: Kajian Terhadap Tafsir al-Azhar" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 161.

al-Nuzūl, ulama mempunyai pandangan berbeza mengenainya. Al-Wāḥidī dalam pendapat beliau menyatakan bahawa kadangkala terdapat pelbagai sebab penurunan bagi sesuatu ayat dan terdapat juga beberapa ayat yang turun atas sebab penurunan yang sama. Hal ini turut didokong dengan pendapat al-Zarkashī bahawa ayat yang turun dua kali bertujuan untuk mengagungkan perkara tersebut dan menjadi peringatan bagi manusia untuk mengingatkan sebab berlakunya penurunan ayat tersebut.¹⁴⁸ Namun inilah yang dikritik oleh Nasr Ḥāmid Abū Zayd bahawa ianya menandakan bahawa ayat al-Quran yang diturunkan diturunkan tetapi dapat dilupakan, bahkan oleh Nabi sendiri. Hal ini adalah tuduhan yang melampau dan tidak berasas kerana ianya merupakan andaian yang timbul daripada pihak Liberal Islam.¹⁴⁹

2.2.2 POLITIK

Dalam mendepani permasalahan politik hasil daripada pemahaman terhadap pentafsiran al-Quran, sewajarnya hal sedemikian dijernihkan agar keharmonian dapat dicapai bagi umat Islam dan tidak mengganggu agama-agama lain. Namun begitu, agama Islam di Indonesia menghadapi ancaman daripada penggerak dakyah Kristian yang mengeksploitasi kuasa politik untuk agenda dakyah mereka. Hal ini seperti yang dinyatakan Hamka dalam karyanya bahawa golongan Kristian yang menyewakan rumah orang Islam secara senyap-senyap menjadikannya sebagai gereja kemudian enggan berpindah keluar. Lantas mereka meminta bantuan daripada pihak menteri dan presiden untuk mempertahankan kebebasan beragama dalam konteks yang mereka kehendaki dan bukan pada konteks yang sewajarnya.¹⁵⁰ Hal yang sedemikian pada awalnya tidak ditentang namun kini umat Islam bangkit menentang akibat

¹⁴⁸ Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an'" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 329.

¹⁴⁹ *Ibid.*, 330.

¹⁵⁰ Hamka, *Dari Hati ke Hati Bercakap Soal Agama, Sosial Budaya dan Politik* (Shah Alam: Pustaka Dini, 2009), 286-288.

kejadian penipuan yang berkaitan dengan gereja. Namun apa yang berlaku adalah tuduhan oleh golongan Kristian yang menyatakan bahawa umat Islam membangkitkan sentimen fanatik agama dan tidak bertoleransi, sedangkan hal sedemikian tidaklah termasuk dalam lingkungan toleransi umat Islam kerana ianya jelas menimbulkan ketidaktenteraman di samping melanggar batas hak asasi manusia.¹⁵¹

2.2.3 SOSIAL DAN MUAMALAT

Dalam menanggapi isu-isu sosial dan muamalat, antara isu yang malar dibincangkan dan menjadi akar mencambahkan kebencian terhadap agama Islam adalah perbincangan mengenai isu-isu jihad. Hal ini jelas ditunjukkan kerana sejak peristiwa 11 September, persoalan jihad dibangkitkan sehingga menjadi permasalahan yang memberi kesan terhadap keberadaan umat Islam dalam masyarakat global. Malah, wujud satu pengkhususan kajian mengenai manhaj al-Quran dalam isu-isu jihad, mengambil kira status dan kategori jihad dalam Islam, pendapat ulama tentang kewajipan berjihad serta perkaitannya dengan peringkat pensyariatannya.¹⁵²

Salah faham dan dakwaan yang disebarkan oleh Orientalis khususnya menjadi titik-titik racun yang giat diperangi oleh ilmuwan Islam yang berpegang kepada ajaran Islam yang sebenar. Hal ini berlaku setelah mereka berputus asa akibat daripada kemenangan Islam dalam perang Salib. Bagi menghentam semula umat Islam, mereka menggiatkan gerakan *al-Ghazw al-Fikr* sehingga lahirnya tuduhan-tuduhan yang jelas ingin mencemarkan kesucian Islam.¹⁵³ Antara dakwaan yang sering dihadapkan terhadap Islam adalah Islam merupakan

¹⁵¹ Abdul Hafiz bin Abdullah, "Pengaruh Persekitaran dalam Pentafsiran al-Qur'an: Kajian Terhadap Tafsir al-Azhar" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 84-86.

¹⁵² Nizaita Omar, *al-Quran dan Pemikiran Manusia* (Terengganu: Penerbit UMT, 2011), 89-93.

¹⁵³ Abdul Hafiz bin Abdullah, "Pengaruh Persekitaran dalam Pentafsiran al-Qur'an: Kajian Terhadap Tafsir al-Azhar" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 139.

agama paksaan dan tersebar dengan pedang. Mereka membangkitkan tuduhan bahawa tersebar Islam dengan pedang tersebut adalah bagi menutup kejahatan mereka yang menggunakan pedang dan meriam dalam menawan negara-negara Islam.¹⁵⁴ Antara Orientalis yang berpendapat bahawa dakwah Islam tersebar dengan pedang ini adalah Phillip Hitti, seorang Kristian Lubnan yang memiliki kewarganegaraan Amerika sekaligus menjadi seorang professor dalam jurusan *Oriental Studies* di Universiti Princeton, Amerika dan merupakan anti Islam dan berlagak sebagai pembela dalam hal-hal berkaitan Arab di Amerika.¹⁵⁵

Orientalis yang seangkatan dengannya juga menyatakan tuduhan bahawa Islam menekan manusia lain untuk untuk memeluk Islam dengan menggunakan kekerasan. Selain itu, mereka juga menyatakan bahawa memerangi golongan yang bukan Islam adalah kewajipan dalam agama Islam.¹⁵⁶ Malah tuduhan terhadap Islam ini juga ditambah bahawa ianya tersebar luas dengan pedang dan ayat-ayat al-Quran sebagai dorongan bagi umat Islam untuk berjihad dan menyebarkan Islam dengan angkatan bersenjata yang kukuh dan kuat. Kedengkian terhadap Islam sejak zaman perang Salib ini telah mewujudkan tuduhan kuno ini. Peghujahan balas bagi hal ini adalah pertikaian bahawa sekiranya Islam disebarkan dengan pedang, maka tidak didapati orang Islam yang murtad setelah umat Islam mengalami kekalahan dan kelemahan seperti sekarang.¹⁵⁷ Manakala tuduhan yang mengatakan Islam tersebar akibat daripada peperangan dari zaman Rasulullah SAW dan ketika menentang Parsi dan Rom dan menyatakan bahawa umat Islam menakluk negara-negara lain dengan

¹⁵⁴ Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (Hamka), *Tafsir al-Azhar* (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2012), 1:503.

¹⁵⁵ Muṣṭafā al-Sibā'ī, *Al-Istishrāq wa al-Mustashriqūn Mā Lahum wa Mā 'Alayhim* (Kaheerah: Dār al-Salām, 39-40). Lihat juga Abdul Hafiz bin Abdullah, "Pengaruh Persekitaran dalam Pentafsiran al-Qur'an: Kajian Terhadap Tafsir al-Azhar" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 141.

¹⁵⁶ Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (Hamka), *Tafsir al-Azhar* (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2012), 3:2153

¹⁵⁷ Muhammad Yasin, *Orientalis Menuduh Ulama Menjawab*, terj. Shofa' u Qolbi (Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2009), 264.

peperangan dijawab dengan hujah bahawa Islam telah melalui tempoh masa 23 tahun untuk disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW secara berperingkat-peringkat . Rasulullah SAW pertamanya mengajarkan ilmu pengetahuan dan bukanlah peperangan.¹⁵⁸ Penghujahan balas di sini adalah tohmahan bahawa Islam disebarkan secara paksa dan menggunakan kekerasan adalah tidak benar. Malah, sejak zaman Nabi Muhammad SAW jelas menunjukkan bahawa Islam disebarkan atas asas toleransi dan hikmah dalam mengajak manusia. Islam sebagai agama yang bersesuaian dengan fitrah manusia menunjukkan perkembangan dalam penyebarannya yang begitu cepat dan pesat.¹⁵⁹

Pada satu sisi lain, golongan yang memusuhi Islam ini juga membangkitkan dakwaan mengenai hukuman yang terdapat dalam agama Islam sebagai hukuman yang amat kejam. Hal ini merujuk kepada undang-undang yang zalim menurut mereka daripada hukuman hudud yang terdapat dalam Islam. Apa yang perlu difahami dengan jelas bahawa hukuman tersebut adalah sebagai pencegahan dan juga menjadi pemeliharaan daripada berlakunya pencerobohan terhadap manusia dan harta benda. Tuduhan bahawa hukuman *Qisās* melanggar hak asasi manusia lantaran ianya menghilangkan nyawa manusia, sekaligus mempunyai unsur tekanan dan tidak kenal belas kasihan, adalah pertuduhan yang wajar ditolak. Hal ini kerana impak positif daripada hukuman qisas adalah perlindungan terhadap nyawa, darah dan kehormatan manusia. Impak negatif yang berlaku sekiranya pencerobohan terhadap ketiga-tiga perkara berikut berlaku dengan mudah, maka kehilangan jiwa menerusi pembunuhan akan berlaku setiap hari.¹⁶⁰

¹⁵⁸ Abdul Hafiz bin Abdullah, “Pengaruh Persekitaran dalam Pentafsiran al-Qur’an: Kajian Terhadap Tafsir al-Azhar” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 142.

¹⁵⁹ Abdul Hafiz bin Abdullah, “Pengaruh Persekitaran dalam Pentafsiran al-Qur’an: Kajian Terhadap Tafsir al-Azhar” (disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013), 155.

¹⁶⁰ *Ibid.*, 157.

Kesan sosial daripada peperangan yang berlaku adalah penaklukan bangsa dan wilayah, memberi kesan yang besar dalam ketamadunan manusia. Justeru pemahaman golongan yang memusuhi Islam seperti yang dinyatakan tersebut jelas memberi konsekuensi terhadap pemahaman manusia secara global dan khususnya umat Islam terhadap isi kandungan al-Quran dan pentafsirannya terhadap ayat-ayat yang menjelaskan perbahasan sosial dan muamalat.

2.3 GOLONGAN YANG TERLIBAT DALAM SALAH TAFSIR TEKS AL-QURAN

Khusus dalam mendefinisikan golongan yang terlibat dalam salah tafsir teks al-Quran ini, beberapa golongan jelas muncul dengan agenda salah tafsir al-Quran bagi memperkecil Islam dan umat Islam secara keseluruhannya.

2.3.1 ANTI-ISLAM PROPAGANDIST

Dalam meneliti propaganda yang muncul pada zaman ini, ianya terbangun daripada falasi dan kepercayaan yang salah terhadap Islam itu sendiri. Golongan ini menyatakan propaganda yang memberi kesan terhadap beberapa perkara dalam kepercayaan terhadap agama dan sumber pentyarian agama Islam itu sendiri. Hal ini dapat dilihat bagaimana Barat mengusahakan agenda propaganda anti-Islam bukan sekadar melalui lapangan media yang sedia ada, bahkan melalui filem.¹⁶¹ Pendekatan mereka melalui penulisan dan perdebatan dalam mengedepankan ideologi mereka juga menjadi ancaman besar terhadap Islam.

¹⁶¹ Anggid Awiyat, "Propaganda Barat Terhadap Islam dalam Film" (disertasi sarjana, Universitas Sebelas Maret, 2009), 106.

2.3.2 EKSTREMIS ISLAM DAN *ISLAMIC TERRORIST*

Ekstremisme pada dasarnya adalah merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang merangkumi kepercayaan, sikap, perasaan, tindakan dan strategi daripada seorang individu atau satu kumpulan yang lebih jauh daripada kebiasaan.¹⁶² Dalam satu kajian yang dilakukan oleh Hashim Musa mengenai peradaban menjelaskan bahawa kewujudan golongan yang berpegang dengan ekstremisme ini adalah apabila mereka ini melampaui batas dan keseimbangan apabila mentafsir dan melaksanakan sesuatu peraturan atau hukum secara ekstrem.¹⁶³ Dari satu sudut lain, perkataan ekstremisme, revivalisme, islamisme, radikalisme, fundamentalisme atau yang seerti dengannya digunakan silih berganti oleh sesetengah pihak bagi merujuk kepada ekstremisme itu sendiri.

Dalam Islam, golongan yang mempunyai ciri-ciri berkaitan ekstremisme dalam agama adalah golongan Khawarij. Golongan yang muncul sejak zaman awal Islam ini dilihat cuba untuk diperbetulkan oleh segenap pihak dan bukan hanya pada pimpinan atau khalifah sahaja. Antara usaha yang digerakkan adalah berdialog dengan golongan Khawarij setelah mendapat keizinan pemerintah. Hal ini dilakukan oleh Ibn ‘Abbās dengan kesedaran bahawa beliau melakukannya atas tujuan mengajak golongan tersebut kembali ke jalan yang benar.¹⁶⁴ Selain inisiatif oleh Ibn ‘Abbās ini, para sahabat Rasulullah SAW yang lain ada yang bertindak memulaukan mereka dan menunjukkan kebencian terhadap mereka sehinggalah usaha-usaha ini semua berjaya mematahkan kekuatan golongan Khawarij pada zaman awal

¹⁶² Andrea Bartoli dan Peter T. Coleman, “Dealing with Extremists,” laman sesawang *Beyond Intractability*, dicapai 22 Ogos 2019, <https://www.beyondintractability.org/essay/dealing-extremists>. Lihat juga Mohd Faizal Abdul Khir, “Mendepani Ekstremisme: Pengajaran daripada Sejarah Kemunculan Khawarij,” *Jurnal al-Tamaddun* 12, no.2 (2017), 116.

¹⁶³ Hashim Musa, *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004), 232. Lihat juga Mohamad Kamil Abd Majid dan Rahimin Affandi Abd Rahim, “Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun,” *Jurnal Hadhari*, bil.1 (2009), 51.

¹⁶⁴ Mohd Faizal Abdul Khir, “Mendepani Ekstremisme: Pengajaran daripada Sejarah Kemunculan Khawarij,” *Jurnal al-Tamaddun* 12, no.2 (2017), 119-120.

Islam.¹⁶⁵ Namun kini golongan ekstremis Islam dan teroris Islam muncul dengan menyerang dari sudut tertentu yang tidak sama dengan yang berlaku seperti dalam sejarah terdahulu. Golongan ini bangkit bukan disebabkan oleh ajaran Islam tetapi mereka mempergunakan idea Islam untuk kepentingan mereka.¹⁶⁶

Golongan yang menggunakan nama Islam dalam tindakan ekstremism dan terorisme kini dilihat sebagai salafi jihad, juga dianggap sebagai fahaman neo khawarij baru yang wujud setelah Syed Qutb meninggal dunia. Antara tindakan yang mereka lakukan adalah memperjuangkan penubuhan negara Islam. Hal ini diusahakan dengan menguatkuasakan undang-undang Islam dengan revolusi.¹⁶⁷ Antara nama-nama yang tidak asing dalam serangan ideologi salafi jihad ini adalah Usamah bin Laden, Ayman Zawahiri, Abu Mus'ab Zarqawi dan Abdullah Azzam.¹⁶⁸ Takrifan ekstremis Islam pada masa kini dapat disimpulkan bahawa ianya diwakili oleh golongan salfi jihad ini yang mempunyai persamaan dengan khawarij. Antara persamaannya adalah pada bentuk dan pegangan asas Islam yang tidak bersifat wasatiyyah sama ada kognitif, afektif dan psikomotor.¹⁶⁹ Al-Qaraḍāwī menyatakan bahawa wasatiyyah adalah salah satu ciri istimewa Islam yang penting kerana terkandung dalam segenap ajaran Islam, sekaligus menzahirkan pemikiran wasatiy sebagai solusi bagi menyatukan perlbagai aliran dan pemikiran. Aliran ekstrem membabitkan perpecahan dan perbalahan sedangkan aliran wasaity membawa kepada kesatuan.¹⁷⁰

¹⁶⁵ *Ibid.*, 121.

¹⁶⁶ Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., "Menangani Fenomena Ekstremisme Agama Mengikut Perspektif Maqasid Syariah," dalam *Maqasid al-Shari'ah: Aplikasi dalam Aspek Sosial dan Perundangan*, ed. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli dan Shahidra Abdul Khalil (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, 2016), 101-102.

¹⁶⁷ *Ibid.*, 102.

¹⁶⁸ Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., "Menangani Fenomena Ekstremisme Agama Mengikut Perspektif Maqasid Syariah," dalam *Maqasid al-Shari'ah: Aplikasi dalam Aspek Sosial dan Perundangan*, ed. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli dan Shahidra Abdul Khalil (Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, 2016), 103.

¹⁶⁹ *Ibid.*, 109

¹⁷⁰ Yusuf al-Qaradawi, *Islam Agama Wasatiy: Menanggapi Wasatiyyah dan Ekstremisme Menurut Pandangan Syarak: Kalimatun Fi al-Wasatiyyah al-Islamiyyah dan al-Islam wa al-'Unf* (Kuala Lumpur: Ilham Books, 2017), 12.

2.3.3 AHLI AKADEMIK MODEN, ORIENTALIS DAN LIBERAL ISLAM

Golongan ahli akademik moden, orientalis dan Liberal Islam terangkum sebagai golongan yang menjalankan kajian-kajian tertentu dengan tujuan mengkritik dan merendah-rendahkan Islam. Orientalis adalah golongan yang menggerakkan orientalisme bagi memperjuangkan nilai-nilai ilmu pengetahuan iaitu mengkaji warisan-warisan Islam yang terdapat di Timur tengah terutamanya dalam bidang akidah dan peradaban, dengan hakikat sebenar gerakan ini adalah untuk mengenal pasti sumber warisan Islam tersebut dengan tujuan mengalih pandangan umat Islam supaya berkiblatkan Barat dan mengagung-agungkan peradaban Barat.¹⁷¹ Istilah ini telah muncul buat kali pertamanya di England pada tahun 1779 dan di Perancis pada tahun 1799.¹⁷² Kemenangan Islam dalam perang Salib telah membuatkan bangsa Eropah berputus asa. Namun mereka cuba bangkit semula dengan menumpukan perhatian terhadap gerakan *al-Ghazwu al-Fikr* untuk mempengaruhi Islam dan penganutnya. Pihak orientalis dan Kristian menimbulkan pelbagai tuduhan terhadap Islam supaya umat Islam merasa tertekan dan menjadi ragu-ragu dengan kepercayaan yang dipegang. Melihatkan kepada perkembangan orientalis dalam menjatuhkan Islam, ianya telah mengambil kira aspek pentafsiran al-Quran. Antara perkembangan awal kajian al-Quran dalam kalangan orientalis adalah melalui terjemahan al-Quran oleh Robert of Ketton. Ia menjadi penanda aras permulaan pengajian al-Quran dalam kalangan orientalis. Hasil terjemahan beliau dikenali sebagai *Cluniac Corpus*.¹⁷³

¹⁷¹ Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, "Gerakan Orientalisme di Malaysia," Jurnal *Peradaban* 2 (2009), 68.

¹⁷² Mohd Zulfahmi bin Mohammad, "Tafsir al-Quran oleh Orientalis: Kajian Terhadap the Koran Translated with A Critical Re-arrangement of the Surahs Oleh Richard Bell" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2011), 32.

¹⁷³ Mohd Zulfahmi bin Mohammad, Tafsir al-Quran oleh Orientalis: Kajian Terhadap the Koran Translated with A Critical Re-arrangement of the Surahs Oleh Richard Bell" (disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2011), 33.

Manakala asal Liberal adalah daripada perkataan Latin iaitu *Liber* yang bererti bebas atau merdeka, berfikiran terbuka, tidak keras (dalam pentafsiran) atau tidak literal.¹⁷⁴ Perkataan liberal mempunyai sebilangan maksud dari sudut teologi dan ianya mula digunakan pada awal abad ke-19.¹⁷⁵ Adian Husni pula memperjelaskan bahawa perkataan sekular dan liberal membawa maksud pembebasan masyarakat dari cengkaman kekuasaan gereja yang sangat kuat dan hegemoni di Zaman Pertengahan dalam sejarah Kristian Eropah. Di samping itu beliau turut menyatakan asas bagi Liberalisme adalah gagasan yang meletakkan ajaran agama dalam dinamik sejarah lantas menjadi nilai-nilai agama perlu menuruti dinamik perkembangan zaman.¹⁷⁶ Menurut Wan Adli Wan Ramli, liberal Islam adalah pemahaman semula wahyu berdasarkan paradigma liberalisme dalam meneliti perkembangan hidup seiring masa. Hal ini memperlihatkan bagaimana golongan Liberal Islam memperjuangkan kehidupan moden untuk dijadikan panduan dalam mewujudkan tafsiran Islam yang baru bagi pandangan mereka.¹⁷⁷

Tengku Intan Zarina menyatakan bahawa pembebasan ini merangkumi bidang sosial-politik, termasuklah metodologi pemahaman keagamaan. Impak yang dapat dilihat termasuklah pemikiran teologi liberal yang merebak, sekaligus berlangsungnya proses sekularisasi-liberasasi agama dalam dunia Kristian dan penyerapan dalam agama-agama lain termasuklah yang dapat dilihat kesannya terhadap Islam.¹⁷⁸ Istilah Islam Liberal pula diperkenalkan oleh Charles Kurzman dan Leonard Binder. Hal ini seterusnya menjurus

¹⁷⁴ *Illustrated Oxford Dictionary* (Great Britain: Oxford University Press, 1998), 466, entri "liberal."

¹⁷⁵ Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 2.

¹⁷⁶ Adian Husaini, *Wajah Peradaban Barat dari hegemoni Kristen ke Dominasi Sekular-Liberal* (Jakarta: Gema Insani, 2005), 29. Lihat juga Adian Husaini, *Membendung Arus Liberalisme di Indonesia* (Jakarta: Pustaka al-Kauthar, 2009), xvii. Lihat juga Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 2.

¹⁷⁷ Wan Adli Wan Ramli, "Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak," *Jurnal Usuluddin* 40 (Julai – Disember 2014), 33.

¹⁷⁸ Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 3.

kepada tradisi pentafsiran sosio-agama yang dibahagikan oleh Charles Kurzman kepada tiga iaitu Islam Adat, Islam Revivalis dan Islam Liberal. Kombinasi kebiasaan dan adat daerah yang diamalkan di seluruh dunia merujuk kepada Islam Adat, manakala pihak yang menerima autoriti sumber-sumber Islam yang asal adalah Islam Revivalis. Kemudian Islam Liberal pula berperanan mengkritik Islam Adat dan Islam Revivalis agar kembali kepada zaman Islam paling awal. Liberal Islam turut menyatakan bahawa tiada pengabsahan amalan agama masa kini, sekaligus menyatakan bahawa Islam Adat dan Islam Revivalis adalah agak terkebelakang kerana menolak modenisasi, kemajuan ekonomi, demokrasi dan lain-lain.¹⁷⁹ Golongan yang bergerak dengan pegangan Liberal Islam adalah mereka yang berpegang bahawa mereka dapat mentafsirkan al-Quran dengan semangat *religio-etik* menerusi ijtihad, dan tidak menggantungkan kepada makna literal sahaja. Hal ini kerana perihal mentafsirkan keagamaan adalah perihal kegiatan manusiawi yang *plural*, terbuka dan relatif. Mereka memegang konsep dalam Liberal Islam dengan konsep kebebasan beragama, lantas menjadikan urusan beragama sebagai hak perseorangan serta menolak sebarang penganiayaan atas dasar suatu pendapat atau kepercayaan. Berdasarkan konsep ini juga mereka mengutamakan pihak minoriti termasuklah minoriti agama, etnik, budaya, ras, politik dan ekonomi.¹⁸⁰

Antara individu yang mendukung Liberal Islam secara bersendirian adalah Moḥammad Arkoun, Farid Esack, Hasan Hanafi, Naṣr Ḥāmid Abū Zayd, Fazlur Rahman, Jamāl al-Banna, Muḥammad Syahrur, Fatima Mernissi, Amina Wadud, Nurcholish Madjid

¹⁷⁹ Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 2.

¹⁸⁰ *Ibid.*, 7.

dan lain-lain. Meskipun semuanya berpegang kepada konsep Islam Liberal, tetapi wujud perbezaan metode dan pandangan yang jelas dalam beberapa isu berkaitan al-Quran.¹⁸¹

Namun terdapat pembahagian Islam Liberal itu sendiri yang terbahagi kepada tiga bentuk hasil daripada hubungan antara Liberalisme dengan sumber-sumber primer Islam seperti yang dinyatakan oleh Charles Kurzman. Pertama, *Liberal Syariah* yang mana orang Islam yang bebas menerima sikap liberal sebagai sesuatu yang didukung secara langsung oleh syariah. Kedua, *Silent Syariah* yang merujuk kepada orang Islam yang bebas terima sikap liberal dalam perkara-perkara yang terbuka atau didiamkan oleh Syariah. Ketiga, *Interpreted Syariah* merujuk kepada orang Islam yang menerima syariah dengan sifat ilahiah dan menerima pelbagai pentafsiran manusia. Namun pendapat Charlez Kurzman ini ditentang oleh Marzuki Mohamad dan Wan Mohd Noor Wan Daud sebagai ralat dan beliau dinilai telah bertindak memutarbelit Islam bagi kepentingan tersendiri¹⁸²

Jadual 2.3: Pembahagian Islam Liberal

<i>Liberal Syariah</i>	<i>Silent Syariah</i>	<i>Interpreted Syariah</i>
Orang Islam yang bebas menerima sikap liberal sebagai sesuatu yang didukung secara langsung oleh syariah	Orang Islam yang bebas terima sikap liberal dalam perkara-perkara yang terbuka atau didiamkan oleh Syariah	Orang Islam yang menerima syariah dengan sifat ilahiah dan menerima pelbagai pentafsiran manusia

Sumber: Tengku Intan Zarina Tengku Puji, “Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur’an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam ‘Ulum al-Qur’an” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 8.

Fahaman Islam Liberal muncul dengan mengambil akar sejarahnya daripada konsep Liberalisme di Barat lantaran wujudnya perkaitan Islam Liberal atau *Islam Protestant* ini dengan kelahiran gerakan Kristian Protestant di Eropah menurut sebilangan pendapat. Malah

¹⁸¹ Tengku Intan Zarina Tengku Puji, “Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur’an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam ‘Ulum al-Qur’an” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 7-8.

¹⁸² *Ibid.*, 9.

hal ini turut memanipulasikan fahaman Liberalisme itu sendiri. Lalu hubung kait Islam Liberal dan Liberalisme Barat juga dapat dinilai daripada hubungan Liberalisme dan Sekularisme di Barat. Tahapan yang berbeza menunjukkan perubahan yang membuktikan perkaitan kedua-dua fahaman tersebut berkembang di Barat.

Tahap pertama menzahirkan kewujudan Sekularisme yang mendahului Liberalisme kerana ianya menjadi sebahagian daripada ajaran Kristian. Perkara yang paling jelas adalah pengaruh gereja yang berperanan besar dalam pemerintahan juga sebagai pusat ilmu di Eropah. Kunci kepada perubahan adalah pada kegoyahan kedudukan gereja apabila penerokaan ilmu pengetahuan sains semakin giat berlangsung. Tahapan kedua berlaku dengan menzahirkan peringkat awal bagi Liberalisme untuk muncul di Barat kesan daripada ajaran gereja yang menyeleweng dan tidak rasional. Golongan yang Liberal ini tidak berfahaman sekular, malah idea daripada kebanyakan mereka yang terdiri daripada saintis ditentang dan mereka menerima tekanan daripada pihak gereja. Zaman Renaissance adalah titik sejarah kepada tahapan kedua ini, serentak menjadi reaksi dan penentangan terhadap autoriti gereja yang sewenang-wenangnya menindas atas nama Tuhan. Tempoh masa diambil bermula abad ke-14 Masihi sehingga pertengahan abad ke-17 Masihi. Konflik yang berlaku pada tahapan kedua dirujuk sebagai *the conflict between science and religion* oleh penulis-penulis Barat.¹⁸³ Tahap ketiga bermula selepas abad ke-17 Masihi apabila dalam tahap terakhir Liberalisme ini berlakunya penolakan agama dan menjadikan Sekularisme dan Liberalisme adalah sama.¹⁸⁴ Falsafah Liberalisme mempengaruhi perkembangan tiga lapangan utama iaitu agama, politik dan ekonomi. Islam Liberal kemudiannya lahir atas faktor luaran dan dalaman. Kesan pengaruh Barat begitu dekat perkaitannya dengan faktor

¹⁸³ Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 12.

¹⁸⁴ *Ibid.*, 15.

luaran yang membibitkan Islam Liberal. Manakala faktor dalaman mempunyai perkaitan rapat dengan faktor sosio-budaya, pengaruh Modenisme dan aliran-aliran lain. Tiga faktor dalaman tersebut adalah pertama, *trend* pemikiran yang disogokkan oleh *Modernist Islam*. Faktor dalaman yang kedua adalah dimensi yang tidak terancang daripada gerakan Salafisme dan Wahabisme yang mana melahirkan kritikan yang konsisten terhadap ulama klasik, seterusnya menjadi ulama klasik dalam Islam dipandang rendah.¹⁸⁵ Faktor dalaman yang ketiga pula adalah merangkumi faktor budaya, sosial dan ekonomi. Termasuk dalam faktor ini adalah dari sudut ilmu, fizikal, spiritual dan emosi.¹⁸⁶

Kesan daripada idea Islam Liberal ini, berlakunya penolakan terhadap metodologi pentafsiran ulama klasik dan mengetengahkan alternatif pentafsiran Hermeneutik dalam pentafsiran al-Quran. Hal ini menjadi antara persamaan yang ketara antara individu yang mendukung Islam Liberal apabila mereka cenderung ke arah usaha pentafsiran semula al-Quran, seterusnya mengajukan kritikan terhadap karya tafsir ulama klasik.¹⁸⁷ Metodologi pemikiran Islam Liberal atau asas pemikiran dalam Islam Liberal terdapat pada lima perkara iaitu gagasan sekularisme, pluralisme agama, pentafsiran beraliran hermeneutik, kritik semula al-Quran dan kebebasan wanita.¹⁸⁸ Oleh itu, dapat diteliti bagaimana Islam Liberal adalah impak daripada pemikiran sebahagian umat Islam yang diresapi pengaruh peradaban Barat.¹⁸⁹

¹⁸⁵ *Ibid.*, 23-24.

¹⁸⁶ *Ibid.*, 25.

¹⁸⁷ *Ibid.*, 8.

¹⁸⁸ Ugi Suharto, *Pemikiran Islam Liberal: Pembahasan Isu-isu Sentral* (Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2007), 7-30. Lihat juga Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Kritikan Islam Liberal Terhadap Pentafsiran al-Qur'an: Tumpuan Kajian Terhadap Beberapa Isu dalam 'Ulum al-Qur'an'" (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2013), 29.

¹⁸⁹ *Ibid.*, 25.

2.4 KESIMPULAN

Daripada penelitian yang dilakukan, terdapat pelbagai pendekatan dan kaedah tafsir kontemporari yang wujud pada masa kini bagi memenuhi keperluan menjawab isu-isu semasa dalam ketamadunan manusia. Pelbagai faktor menyebabkan kewujudan aliran tafsir yang berbeza-beza. Perkembangan pentafsiran ini dilihat positif dari kaca mata sarjana Islam kerana menyesuaikan kehendak al-Quran dengan suasana dan keadaan semasa. Namun jelas dapat dilihat bahawa tidak semua pendekatan tafsir adalah dibenarkan untuk digunakan sebagai penghujahan kerana mempunyai unsur penyimpangan daripada kaedah tafsir yang disepakati benar oleh ulama. Malah daripada pendekatan *Tafsīr bi al-Ra'y* yang difokuskan dalam kajian ini, dapat dilihat bahawa ianya adalah pendekatan yang menjelaskan makna dalam al-Quran berasaskan pemikiran dan ianya terbahagi kepada tiga elemen utama iaitu *al-I'tiqād* (kepercayaan), *al-Ijtihād* (daya pemikiran) dan *al-Qiyās*.

BAB 3

PENTAFSIRAN AL-QURAN DAN METODE PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM DALAM *EXPLORING THE QURAN: CONTEXT AND IMPACT*

3.0 PENGENALAN

Menelusuri kaedah *tafsir 'aqlī* kontemporari, atau dalam istilah lain iaitu *Manhaj al-Madrasah al-'Aqliyyah al-Ḥadīthah*, hal ini tetap mendasari pada satu fakta yang tidak dapat dinafikan bahawa al-Quran adalah sumber pensyariatan pertama dalam Islam. Penulis bersetuju dengan pendapat Maḥmūd Shaltūt yang mengatakan bahawa terdapat tiga sumber pensyariatan dalam Islam iaitu al-Quran, al-Sunnah dan *al-Ra'y*. Hal ini memperlihatkan betapa pentingnya al-Quran menduduki tempat paling utama dalam menjadi sumber menetapkan syariat dalam Islam.¹⁹⁰

3.1 PENTAFSIRAN AL-QURAN DARI SISI MUHAMMAD ABDEL HALEEM

Muhammad Abdel Haleem dalam keterangan beliau menerusi e-mel menjelaskan bahawa *Tafsīr 'Aqlī* menurut beliau adalah *tafsir bi al-ra'y* seperti yang dinyatakan oleh al-Suyūṭī dalam karyanya al-Itqān juga seperti pendapat al-Dhahabī dalam *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*.

Al-Dhahabī dalam al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn merumuskan perihal *ta'wīl* daripada pelbagai pendapat ulama melalui pernyataan beliau bahawa ianya adalah tafsir sekiranya merujuk kepada al-riwāyah dan *ta'wīl* pula apa yang merujuk al-dirāyah kerana tafsir maknanya adalah penyingkapan (*al-Kashf*) dan penjelasan (*al-Bayān*). *Al-Kashf* yang dimaksudkan Allah SWT adalah ianya tidak terputus daripada apa yang diriwayatkan Rasulullah SAW atau sebahagian Sahabat yang menyaksikan penurunan wahyu dan

¹⁹⁰ Fahd ibn 'Abd al-Raḥmān ibn Sulaymān al-Rūmī, *Manhaj al-Madrasah al-'Aqliyyah al-Ḥadīthah fī al-Tafsīr* (Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1986), 250-252.

mempelajari apa yang merangkumi peristiwa dan perkara yang berlaku, bergaul dengan Rasulullah SAW dan merujuk kepada Baginda SAW bagi apa-apa kemusykilan yang mereka hadapi tentang makna al-Quran. Sedang ta'wil adalah menjelaskan suatu kemungkinan dengan dalil dan menjelaskan sesuatu yang bersandar kepada ijtihad. Seterusnya menghubungkannya dengan pengetahuan *mufradāt* lafaz-lafaz dan maknanya dalam bahasa Arab, penggunaannya bergantung kepada gaya bahasa (*al-Siyāq*), pengetahuan uslub-uslub Arab dan istinbat makna daripada setiap satu yang disebutkan.¹⁹¹

Pendekatan *tafsīr 'aqlī* dari sudut pandang Muhammad Abdel Haleem berkait rapat dengan penterjemahan yang menekankan unsur linguistik yang tidak boleh lari daripada latar belakang sejarah yang tepat. Hal ini dilihat terangkum ketika beliau merincikan Arthur J.Arberry sebagai salah seorang yang telah menterjemah al-Quran di Barat.¹⁹² Muhammad Abdel Haleem menyebut perihal salah tafsiran dan salah terjemah al-Quran dengan tulisan beliau:

*“Misinterpretation and mistranslation, furthermore, affected the understanding of even basic Islamic concepts and terms.”*¹⁹³

Menurut beliau, pentafsiran dan penterjemahan al-Quran yang diperlukan sebenarnya adalah bahasa yang jelas, difahami secara umumnya dan ditujukan untuk pembacaan secara umum, bukannya untuk golongan elit.¹⁹⁴

¹⁹¹ Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabī, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn* (Kaheerah: Maktabah Wahbah, 2000), 1:18.

¹⁹² Muhammad Abdel Haleem, “English Translations of the Qur’an: The Making of an Image” dalam *Exploring the Qur’an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 269.

¹⁹³ *Ibid.*, 270.

¹⁹⁴ *Ibid.*, 278.

3.2 METODE PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM TERHADAP ISU-ISU SALAH TAFSIR TEKS AL-QURAN

3.2.1 PEMAHAMAN NAS BERDASARKAN HUKUM AKAL (LOGIK)

Muhammad Abdel Haleem memperlihatkan sumbangan yang begitu menyerlah dalam bidang akademik apabila beliau dilantik sebagai felo dalam *The Chartered Institute of Linguists*. Beliau juga menyumbang idea dan tenaga beliau sebagai *Editor in Chief* dalam *The Journal of Qur'anic Studies* yang diterbitkan oleh Edinburgh University Press. Beliau juga peserta yang aktif dalam Building Bridges Programme juga ahli dalam *The Scientific Committee of the Foundation for Inter-Religious/Inter-Cultural/Dialogue*, University of Geneva.¹⁹⁵

Penulisan beliau dalam lapangan akademik begitu berpengaruh sejak akhir 1980-an berfokus menerusi kecenderungan penulisan beliau dalam pengajian Islam dan khususnya dalam pengajian al-Quran. Antara karya penting beliau adalah

- a) *Understanding the Qur'an Themes and Style*, IB Tauris 2010,
- b) *Exploring the Qur'an: Context and Impact*, IB Tauris 2017,
- c) *The Qur'an: a New Translation* OUP 2004/10/16, Oxford World Classics. With Elsaid Badawi, *An Arabic-English Dictionary of Qur'anic Usage*, Brill 2007.

Dalam karya beliau *Exploring the Quran* yang menjadi fokus kajian ini, sudut pemahaman nas berdasarkan hujah nas dan logik dapat diteliti menerusi perbincangan beliau menerusi tema Qur'anic Jizyah yang ditekankan dalam bab kedua karya beliau tersebut.

¹⁹⁵ 'Professor Mohammad Abdel Haleem,' laman sesawang *The King Fahad Academy*, dicapai 21 Jun 2019. <http://www.thekfa.org.uk/wp/about/board-of-trustees/professor-mohammad-abdel-haleem/>.

Dalam susunan pemahaman beliau menerusi bab tersebut dapat diteliti penggunaan penghujahan yang tersusun rapi bagi menangkis ralat yang dikemukakan golongan *anti-Islamic Propagandist* seperti Michael Cook yang menyimpang daripada konteks sebenar pentafsiran al-Quran dengan menggunakan terjemahan oleh Arberry.¹⁹⁶ Titik fokus penghujahan Muhammad Abdel Haleem terletak pada penghujahan dari sudut linguistik yang merupakan kepakaran beliau, diikuti perkaitan sejarah yang berkesinambungan.¹⁹⁷

Dalam meneliti isu Jizyah yang diutarakan Muhammad Abdel Haleem, beliau mengangkat tujuh salah tafsir khusus pada ayat ke-29 surah al-Tawbah. Dalam mengemukakan hal ini, Muhammad Abdel Haleem menegaskan bahawa terjemahan secara literal bagi ayat Jizyah ini seperti terjemahan Arberry menjadikan ianya lebih sukar untuk menyingkap makna sebenar teks bahasa Arabnya. Usaha Muhammad Abdel Haleem ini diteliti dan dibincangkan satu persatu bagi memberi pencerahan.

فَاتَلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ
دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

Al-Tawbah 9: 29

Terjemahan: Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar "Jizyah" dengan keadaan taat dan merendah diri.

Salah Tafsir Pertama: *'Fight those who believe not in God and the Last Day'* yang membawa maksud 'Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat.'

¹⁹⁶ Muhammad Abdel Haleem, "The 'Sword Verse' Myth" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 11-13.

¹⁹⁷ *Ibid.*, 29.

Berkenaan perihal tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat, pertama; hakikatnya memang terdapat mufassir Muslim yang mentafsirkan bahagian ayat al-Quran dengan merujuk kepada ahli Kitab tidak beriman kepada Allah dan hari akhirat bila mana Yahudi dan Kristian menyekutukan Allah. Kedua; mufassir Muslim ada yang menjelaskan bahawa golongan Yahudi dan Kristian tidak beriman dengan hari kebangkitan justeru disimpulkan bahawa mereka juga tidak beriman kepada hari Akhirat.

Kedua-dua salah tafsir secara literal ini ditanggapi oleh Muhammad Abdel Haleem dengan menyatakan bahawa al-Quran menyatakan beriman kepada Allah dan hari Akhirat sebagai cara untuk memfokuskan kepada sesuatu perkara. Gaya bahasa ini beliau nyatakan sebagai ekspresi retorikal seperti yang terdapat dalam beberapa ayat al-Quran untuk memberikan panduan dalam memberikan layanan yang baik kepada wanita dalam situasi perceraian.¹⁹⁸

وَإِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَبَلَغْنَ أَجَلَهُنَّ فَلَا تَعْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحْنَ أَزْوَاجَهُنَّ إِذَا تَرَاضَوْا بَيْنَهُمْ
بِالْمَعْرُوفِ ۗ ذَٰلِكَ يُوعَظُ بِهِ مَنْ كَانَ مِنْكُمْ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ

Al-Baqarah 2: 232

Terjemahan: Dan apabila kamu menceraikan isteri-isteri (kamu), lalu habis masa idah mereka ' maka janganlah kamu (wahai wali-wali nikah) menahan mereka daripada berkahwin semula dengan (bekas) suami mereka, apabila mereka (lelaki dan perempuan itu) bersetuju sesama sendiri dengan cara yang baik (yang dibenarkan oleh Syarak). Demikianlah diberi ingatan dan pengajaran dengan itu kepada sesiapa di antara kamu yang beriman kepada Allah dan hari akhirat.

¹⁹⁸ *Ibid.*, 30.

فَإِذَا بَلَغَ أَجْلَهُنَّ فَأَمْسِكُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ أَوْ فَارِقُوهُنَّ بِمَعْرُوفٍ وَأَشْهِدُوا ذَوَيْ عَدْلٍ مِّنكُمْ وَأَقِيمُوا الشَّهَادَةَ لِلَّهِ ۚ ذَٰلِكُمْ يُوعَظُ بِهِ مَن كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۗ وَمَن يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾

Al-Ṭalāq 65: 2

Terjemahan: Kemudian, apabila mereka (hampir) habis tempoh idahnya, maka bolehlah kamu pegang mereka (rujuk) dengan cara yang baik, atau lepaskan mereka dengan cara yang baik; dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu (semasa kamu merujuk atau melepaskannya); dan hendaklah kamu (yang menjadi saksi) menyempurnakan persaksian itu kerana Allah semata-mata. Dengan hukum-hukum yang tersebut diberi peringatan dan pengajaran kepada sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat; dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya) Dan di antara Ahli Kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu, dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun, ia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntutnya. Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan: "Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang Ummi dan, mereka pula selalu berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).

Gaya bahasa yang menyebut tentang beriman kepada Allah dan hari Akhirat juga ditemukan dalam hadith. Justeru, hal ini sama sekali tidak menafikan kepercayaan ahli Kitab terhadap Allah, Rasulullah dan Kitab akan tetapi hal ini menjelaskan bahawa mereka ingkar kepada Allah. Abū Ḥayyān dalam tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ menjelaskan bahawa mereka dikenalkan sebagai mereka yang tidak beriman kepada Allah dan hari Akhirat adalah kerana mereka berada pada jalan mereka yang tidak beriman kepada Allah.¹⁹⁹

¹⁹⁹ Abū Ḥayyān al-Andalusī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fi al-Tafsīr*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2010), 5:399.

Melalui pemahaman nas daripada sudut logik akal ini, al-Quran tidak ada menyatakan bahawa keadaan tidak beriman kepada Allah dan hari Akhirat adalah dasar yang membolehkan untuk memerangi sesiapa sahaja yang sedemikian.

Salah Tafsir Kedua: *'And do not forbid what God and His Messenger have forbidden'* yang membawa maksud 'dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya.'

Muhammad Abdel Haleem menyatakan penjelasan mengenai ayat ini apabila ramai mufassir yang menerangkan bahawa bahagian ayat ini sebagai apa yang Allah dan Rasulullah SAW larang termasuk perkara seperti makan daging babi dan minum arak, sedangkan hal ini tidak benar kerana hukum dalam Islam tidak memerlukan ahli Kitab terhalang daripada perkara sedemikian dan orang Islam sendiri tidak sewajarnya campur tangan dengan mereka dalam hal tersebut.

Menurut Muhammad Abdel Haleem, konteks yang lebih tepat bagi bahagian ayat dalam ayat Jizyah ini memerlukan kepada konteks yang berkaitan dengan keadaan mereka tidak membayar Jizyah yang mana hal ini menjadi asbab memerangi mereka. Memerangi mereka dengan sebab makanan dan minuman mereka jelas tidak mempunyai perkaitan. Sedangkan perkaitan tersebut haruslah berkisar pada tanggungjawab mereka dalam membayar jizyah yang dapat dilihat apabila mereka menggunakan apa yang dimiliki oleh kerajaan Muslim dengan menyalahi undang-undang. Al-Bayḍāwī menjelaskan dalam tafsirnya bahawa jizyah ini adalah apa yang telah ditetapkan bagi mereka untuk memberikannya.²⁰⁰ Tafsiran 'Rasul-Nya' dalam bahagian ayat ini dikemukakan oleh para

²⁰⁰ Nāṣir al-Dīn al-Bayḍāwī, *Anwār al-Tanzīl wa Asrār al-Ta'wīl* (Beirut: Dār al-Rashīd, 2000), 2:47.

mufassir sebagai Nabi Muhammad SAW atau nabi terdahulu bagi ahli Kitab iaitu Nabi Mūsā AS atau Nabi ‘Isā AS. Bagi Muhammad Abdel Haleem, tafsiran kedua adalah tafsiran yang tepat kerana ahli Kitab dilihat tidak beriman kepada Nabi Muhammad SAW atau melarang apa yang dilarang oleh Baginda S.A.W. Jelas di sini bahawa mereka dikutuk kerana tidak mentaati Nabi mereka yang memerintahkan mereka untuk menghormati perjanjian mereka. Melihat kepada konteks ayat ini, perjanjiannya adalah membayar Jizyah. Bagi mereka, Tuhan dan Nabi mereka tidak melarang untuk enggan membayar apa yang diminta untuk dibayar tetapi jelas mereka ditegah untuk menafikan perjanjian yang telah disepakati. Ahli Kitab dalam konteks ayat ini adalah mereka yang enggan membayar apa yang sepatutnya kepada yang lain. Hal ini seperti dinyatakan dalam al-Quran dalam surah Āli ‘Imrān.

وَمِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدُّهُ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِدِينَارٍ لَّا يُؤَدُّهُ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمْتَ عَلَيْهِ قَائِمًا ۗ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا فِي الْأُمِّيِّينَ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٧٥﴾

Āli ‘Imrān 3: 75

Terjemahan: Dan di antara Ahli Kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu, dan ada pula di antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun, ia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntutnya. Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan: "Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang Ummi dan, mereka pula selalu berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).

Salah Tafsir Ketiga: *‘Such men as practice not the religion of truth’* yang membawa maksud ‘dan tidak beragama dengan agama yang benar.’

Menurut Muhammad Abdel Haleem, daripada terjemahan Nessim J. Dawood, seorang penterjemah Yahudi berasal dari Iraq yang telah menterjemah al-Quran menerusi karyanya *The Koran*, telah menterjemah bahagian ayat ini dengan merujuk kepada mereka yang tidak memeluk kepercayaan sebenar (*who do not embrace true faith*).²⁰¹ Beliau menegaskan bahawa dalam ayat ini kalimah ‘dāna’ dalam ayat ini apabila dirujuk kepada al-Mu’jam al-Wasīṭ, ianya merujuk kepada keadaan sikap dalam melakukan sesuatu yang baik atau buruk. Sedangkan apabila kalimah ‘dāna’ disusuli dengan ‘bi-sesuatu’, maka ianya akan membawa maksud agama dan menyembah Tuhan melalui agama.

Oleh itu, Muhammad Abdel Haleem membidas dengan logik akal bahawa dalam bahagian ayat ini jelas ianya bukan dalam keadaan ayat dengan kata depan (*preposition*) iaitu ‘bi’ yang diterangkan sebelumnya. Maka maksud yang paling sesuai dengan bahagian ayat ini adalah mereka yang tidak menuruti jalan yang benar (*al-Ḥaqq*) (*those who do not follow the way of justice*) iaitu dengan melanggar perjanjian dan enggan membayar apa yang dikehendaki untuk dibayar.²⁰²

Salah Tafsir Keempat: ‘*Being of those who have been given the Book*’ yang bermaksud ‘iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani).’

Muhammad Abdel Haleem menyatakan ‘*min*’ dalam bahagian ayat ini diterangkan oleh para mufassir sebagai *bayāniyya* (*explanatory*) merujuk kepada mereka yang tidak beriman kepada Allah, ianya memberikan tanggapan bahawa semua ahli Kitab adalah harus diperangi. Dalam penjelasan Muhammad Abdel Haleem, ‘*min*’ dalam bahasa Arab

²⁰¹ Muhammad Abdel Haleem, “Qur’anic *Jizya*: Tax Defaulters” dalam *Exploring the Qur’an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 32.

²⁰² *Ibid.*, 32.

pertamanya membawa maksud *'tab' idīyyāh* yang mana dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *'partitive'*. Hal ini bermakna ianya akan memberi makna 'daripada kalangan' (*'of'* atau *'from among'*) yang ditujukan kepada golongan ahli Kitab dalam bahagian ayat tersebut.

Penggunaan kalimah *'min'* yang merujuk ahli Kitab dalam al-Quran ianya berbentuk *'tab' idīyyāh* seperti yang dinyatakan Muhammad Abdel Haleem. Antara contoh dapat diteliti menerusi beberapa ayat dalam al-Quran.

وَدَّ كَثِيرٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُّوكُمْ مِّنْ بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِّنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِّنْ
بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ فَاعْمُوا وَاصْفَحُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ
قَدِيرٌ ﴿١٠٩﴾

Al-Baqarah 2: 109

Terjemahan: Banyak di antara Ahli kitab (Yahudi dan Nasrani) suka kalaulah kiranya mereka dapat mengembalikan kamu menjadi kafir setelah kamu beriman, kerana dengki yang timbul dari diri mereka sendiri, sesudah nyata kepada mereka kebenaran (Nabi Muhammad s.a.w). Oleh itu, maafkanlah dan biarkanlah oleh kamu (akan mereka), sehingga Allah datangkan perintahNya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.

وَدَّتْ طَائِفَةٌ مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يُضِلُّوكُمْ وَمَا يُضِلُّونَ إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٦٩﴾

Āl 'Imrān 3: 69

Terjemahan: Segolongan dari Ahli Kitab suka dan berangan-angan kiranya mereka dapat menyesatkan kamu; padahal mereka tidak akan menyesatkan melainkan dirinya sendiri, dan mereka pula tidak menyedari (akibat yang buruk itu).

Beberapa contoh diteliti bagi menilai perbezaan kerana perbezaan ini adalah penting dari sudut menyatakan ianya adalah segolongan daripada segolongan yang tertentu (*'partitive'*) yang mana golongan yang dimaksudkan dalam ayat Jizyah ini adalah ahli Kitab yang benar-benar tidak mempercayai dan menuruti sama ada apa yang diperintahkan Tuhan dan Nabi mereka atau pada jalan yang benar. Ditegaskan dalam ayat ini bahawa ianya bukan disebut dengan maksud 'Perangilah ahli Kitab sehingga mereka membayar Jizyah', tetapi yang disebutkan adalah: 'Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar Jizyah dengan keadaan taat dan merendah diri.'

Maka dapat diteliti, ayat Jizyah ini secara khusus dan signifikan telah meletakkan dengan jelas apakah punca kesalahan (*causes of the offense*) mereka yang diperangi sebelum mengenal pasti mereka yang bersalah ini adalah daripada kalangan ahli Kitab. Kesalahan tersebut adalah kegagalan membayar apa yang seharusnya dibayar kepada negara Muslim di mana mereka tinggal.

Apa yang jelas dalam ayat Jizyah ini adalah pada bahagian awal ayat ini tingkah laku mereka telah dikutuk yang mana membawa kepada kesalahan yang sebenar (tidak membayar Jizyah) yang menjadi punca mereka diperangi. Keseluruhan ayat ditujukan kepada Nabi Muhammad S.A.W sebagai ketua negara Muslim dan Muslim pulak adalah warganegaranya.

203

²⁰³ *Ibid.*, 33.

Salah Tafsir Kelima: ‘*Until they pay the tribute*’ yang membawa maksud ‘Sehingga mereka membayar Jizyah dengan keadaan taat dan merendah diri.’

Salah tafsir yang diperjelaskan oleh Muhammad Abdel Haleem dalam bahagian ayat ini adalah apabila ayat ini jelas tidak menyatakan ‘perangilah mereka sehingga mereka bersetuju untuk membayar Jizyah’ tetapi secara keseluruhannya, konteks ayat ini merujuk kepada ahli Kitab telah sememangnya bersetuju untuk membayar Jizyah; sekiranya tidak, mereka akan diperangi sehingga mereka membayarnya.

Salah tafsir ini juga terarah daripada salah tafsiran Jizyah yang dibincangkan dalam *Encyclopaedia of the Qur’an* yang diselenggara oleh J. D. McAuliffe apabila perbincangan Jizyah ini diletakkan di bawah tajuk ‘*Poll Tax*’ iaitu cukai undian yang mana ianya hadir dengan konotasi dan perkaitan Jizyah dengan sistem asing yang gagal dan dikesali, sistem yang dicipta oleh manusia. Hal ini bermakna pentafsirannya adalah tidak tepat apabila Jizyah diertikan sebagai cukai undian. Penjelasan perbezaan seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut.

Jadual 3.1: Perbezaan Jizyah dan Cukai Undian.

Jizyah	Cukai Undian (<i>Poll Tax</i>)
Dibayar oleh golongan bukan Islam kepada kerajaan Islam, jizyah disebut sebagai pajak yang dibebankan kepada non-muslim yang tinggal di negara Islam, sekaligus merupakan sebagai jaminan bagi mereka untuk mendapatkan keamanan, keselesaan, kemudahan dalam bertransaksi dengan muslim, kesejahteraan dan jaminan keamanan atas harta mereka. ²⁰⁴ Jizyah hanya dibayar oleh mereka yang mampu. Wanita, orang tua dan kanak-kanak tidak membayarnya.	Dikenakan kepada setiap individu tanpa mengira jantina, usia dan kemampuan untuk membayar. ²⁰⁵

²⁰⁴ Wahyu Nugroho, Syamsuri dan Syamsuddin Ariff, “Zakat dan Jizyah Sebagai Pengendali Sistem Moneter: Sebuah Kajian Konseptual,” *Islamic Economics Journal* 5. 2 (2019), 169.

²⁰⁵ Muhammad Abdel Haleem, “Qura’anic *Jizya*: Tax Defaulters” dalam *Exploring the Qur’an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 33.

Terjemahan dan tafsiran yang tidak tepat mengabaikan al-Quran dan boleh menyebabkan salah faham terhadap Islam. Jizyah itu sendiri berasal daripada kata kerja yang membawa maksud ‘untuk memberi ganjaran kepada seseorang dengan sesuatu’, ‘untuk membayar apa yang seharusnya bagi mendapatkan sesuatu’, serta juga mempunyai konotasi positif.

Salah Tafsir Keenam: ‘*Out of hand*’ yang membawa maksud ‘dalam keadaan taat’.

Menurut Muhammad Abdel Haleem, bahagian ayat ini adalah yang paling kontroversi dan membawa tanggapan ramai pihak. Beliau menukilkan beberapa pendapat antaranya daripada Abū Ḥayyān, dalam tafsirnya *al-Baḥr al-Muḥīṭ*²⁰⁶ menjelaskan bahagian ayat ini dengan banyak pentafsiran: ‘mereka seharusnya memberi Jizyah dengan tangan mereka sendiri’; ‘pembayaran segera dan tidak tertunda’; ‘tangan yang memberi berada di bawah tangan yang menerima; mengakui bahawa mereka harus membayarnya’; ‘kesan daripada kuasa, paksaan dan penghinaan daripada orang Islam dan hakikat bahawa perintah mereka dilaksanakan’; ‘sebagai penghargaan kepada yang membayar’, ‘Jizyah dibayar berdasarkan kekayaan dan kemampuan mereka agar ianya tidak diambil daripada yang miskin’.

Al-Zamakhsharī dalam pendapatnya pula menyatakan bahawa ‘tangan’ yang dimaksudkan boleh ditafsirkan sebagai sama ada tangan yang memberi yang bermaksud ‘dengan suka rela, tanpa menolak’ ‘dalam bentuk mata wang, tidak tertanggung dan tidak dihantar melalui orang tengah’. Ianya juga boleh jadi membawa maksud tangan yang menerima, yang membawa maksud tangan orang Islam yang berkuasa ke atas orang yang

²⁰⁶ Abū Ḥayyān al-Andalusī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fi al-Tafsīr*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2010), 5:401.

membayar Jizyah, atau juga membawa maksud ‘tangan yang pemurah’ kerana menerima Jizyah dan menahan diri daripada membunuh mereka, yang mana merupakan pertolongan yang besar.²⁰⁷

Seterusnya, persoalan bahagian ayat yang merujuk kepada tangan yang menerima adalah susah untuk dikenal pasti. Hal ini kerana, subjek dalam kata kerja ayat tersebut adalah ‘*yu’tū*’ yang bermaksud mereka memberi, mendefinisikan ianya merujuk kepada yang memberi tanpa menyebut siapa yang menerima.

Setelah meneliti pendapat Abū Ḥayyān dan al-Zamakhsharī, Muhammad Abdel Haleem juga memaparkan pendapat al-Ṭabarī yang meninggal dunia pada 310 H/922 Masihi. Beliau wujud pada zaman empat kurun sebelum Abū Ḥayyān. Beliau menjelaskan bahawa bahagian ini membawa maksud ‘daripada tangan mereka kepada tangan yang menerima’, seperti mana kita berkata ‘bercakap dari mulut ke mulut’, kita juga menyebutnya sebagai ‘saya memberi kepadanya dengan tangan’.²⁰⁸ Penjelasan al-Ṭabarī dilihat sebagai yang paling jelas dan logik berdasarkan ungkapan bahasa Arab seperti yang diperakui oleh ahli perkamusan bahasa Arab.

Demikian dapat dilihat, bagaimana penjelasan lain yang dilihat diperkenalkan kemudian, dicemari oleh faktor sejarah dan pentafsiran khusus bagi bahagian ayat yang seterusnya, bila mana penjelasan sedemikian dilihat mengabaikan al-Quran dan disandarkan kepada amalan masyarakat Muslim pada kurun-kurun terkemudian. Maka Muhammad Abdel Haleem menegaskan bahawa ‘*an yadin*’ pada bahagian ayat ini merujuk kepada mereka yang menanggungkan pembayaran Jizyah atau cuba untuk tidak membayarnya.

²⁰⁷ Abū al-Qāsim al-Zamakhsharī, *Tafsīr al-Kashshāf* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 2009), 429.

²⁰⁸ Al-Ṭabarī, *Tafsīr al-Ṭabarī*, ed. Bashshār ‘Awād Ma’rūf (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1994), 4: 99.

Salah Tafsir Ketujuh: *'And have been humbled'* yang membawa maksud 'dengan merendahkan diri'.

Bahagian ayat ini merujuk kepada keadaan. Menurut Abū Ḥayyān, ahli Kitab dapat memaparkan sifat merendahkan diri mereka melalui lima cara: mereka berdiri dan yang menerima berada dalam keadaan duduk; mereka tidak perlu menerima ucapan terima kasih apabila membayar Jizyah; mereka yang menerima Jizyah seharusnya berkata kepada yang membayar 'Bayarlah Jizyah' dan memukulnya di belakang tengkuk; atau sesiapa hendaklah memegang janggutnya dan memukulnya di bawah rahang. Bagi al-Rāzī pula, pembayar tersebut hendaklah datang dengan sendiri dengan cara berjalan dan bukan berkenderaan. Namun kesemua tafsiran ini ditolak oleh Abū Ḥayyān sendiri.²⁰⁹

Terdapat satu penjelasan yang telus dan berterus terang yang bersesuaian dengan ajaran agama disebutkan oleh al-Rāzī dan Abū Ḥayyān berkaitan makna '*ṣāghirūn*'. '*Ṣāghirūn*' itu membawa makna dengan membayar Jizyah itu, ianya membentuk dan menyemai penyerahan diri mereka. Muhammad Abdel Haleem menegaskan bahawa sebarang cadangan atau konsep penghinaan yang dikaitkan dengan kalimah ini pasti datang setelah zaman Nabi Muḥammad SAW, bukan semata penyerahan diri.²¹⁰ Satu pendapat yang dikaitkan dengan Ibn 'Abbās sahabat Nabi Muḥammad SAW, bahawasanya orang yang membayar Jizyah ini hendaklah dipastikan dia membayarnya dan belakang badannya ditolak meskipun dia telah membayar Jizyah tersebut. Konsep penghinaan sedemikian jelas bertentangan dengan al-Quran itu sendiri seperti dalam firman-Nya:

²⁰⁹ Abū Ḥayyān al-Andalusī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī al-Tafsīr*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2010), 5:401.

²¹⁰ Muhammad Abdel Haleem, "Qura'anic Jizya: Tax Defaulters" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 34.

وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ

Al-'Ankabūt 29: 46

Terjemahan: Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik.

Hal yang sama termaktub dalam hadits Nabi Muhammad SAW:

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا . أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " رَحِمَ اللَّهُ رَجُلًا سَمَحًا إِذَا بَاعَ، وَإِذَا اشْتَرَى، وَإِذَا اقْتَضَى " .

Terjemahan: Daripada Jabir ibn 'Abdullah RA bahawa sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: Allah merahmati pemuda yang memaafkan ketika ia menjual, membeli dan menuntut apa yang menjadi haknya.

Catatan mengenai amalan sebenar para khalifah terawal dan penguasa Muslim menunjukkan hal yang bertentangan dengan pandangan para mufassirūn. Muhammad Abdel Haleem menjelaskan bahawa mereka tidak membenarkan sebarang penghinaan atau perlakuan buruk terhadap mereka yang membayar Jizyah. Dari sudut lain pula, mereka memaafkan dalam memberi panduan agar mereka yang bukan Islam dilayan dengan hormat, juga bayaran Jizyah ditangguhkan sekiranya mereka dalam kesulitan dan bayaran Jizyah diketepikan sekiranya mereka tidak mampu membayarnya.²¹¹

Dalam menekuni ayat Jizyah ini, para fuqaha' Muslim dilihat telah dipengaruhi oleh sistem percukaian yang lebih awal oleh dinasti Sasan Parsi dan empayar Rom Byzantine. Pandangan para mufassirūn tentang bahagian ayat ini (عن يد وهم صاغرون) pasti telah dipengaruhi oleh situasi sebenar yang berlaku pada zaman mereka tatkala permusuhan

²¹¹ Yūsuf al-Qaradāwī, *Ghayr al-Muslimīn fi Mujtama' al-Islāmī* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1992), 34-38.

berlaku antara golongan Muslim dan Kristian di tanah Muslim, seperti Iraq, Mesir, Syria dan selainnya, telah pesat berkembang ketika Perang Salib, dan ketika zaman moden pula adalah pada waktu penjajahan. Situasi sedemikian berbeza dengan situasi pada zaman Nabi Muḥammad S.A.W. Muhammad Abdel Haleem memandang bahawa kebanyakan mufassirūn menyeleweng daripada apa yang dimaksudkan oleh al-Quran dalam hal ini.

Beliau turut menilai bahawa wujudnya kegelojohan dalam pentafsiran al-Quran bagi ramai mufassirūn ketika mana ayat ini ditafsirkan, sekaligus memupuk pelbagai pendapat pentafsiran. Namun yang demikian, hal ini disebabkan oleh pendekatan tradisional para mufassirūn yang mentafsirkan kalimah atau bahagian ayat secara berasingan.

Pada penilaian Muhammad Abdel Haleem, Al-Zamakhsharī hanya memfokuskan pentafsiran beliau kepada sesetengah kalamah atau bahagian ayat, sebagai cara yang dilihat untuk mengasingkannya daripada konteks sebenar keseluruhan ayat. Antara cara al-Zamakhsharī menyatakan makna yang bersesuaian dan menyatakan sokongan makna tersebut adalah dengan menyebut 'seorang penyair telah berkata' atau 'orang Arab berkata' kemudian mengulangnya untuk makna-makna lain pula. Muhammad Abdel Haleem mempersoalkan tindakan tersebut sama ada ia bersesuaian dengan konteks ayat atau berlainan. Pada pendapat beliau, tindakan sesetengah mufassirūn yang kurang berkebolehan memberikan tafsiran yang jauh daripada konteks dengan cara menyebut pendapat daripada individu-individu tertentu tidak membantu memberikan penjelasan ayat dengan sebaiknya.

Daripada tujuh salah tafsir yang dikemukakan Muhammad Abdel Haleem ini, penjelasan yang lebih terperinci juga diteruskan melalui fakta daripada sebab penurunan ayat al-Quran (*sabab al-nuzūl*) dan juga analisis dari sudut makna dan signifikan terma yang penting. Dalam menekuni *sabab al-nuzūl* ayat ke-29 surah al-Tawbah ini, Muhammad Abdel Haleem menilai beberapa tafsiran mufassirūn antaranya: Al-Wāḥidī tidak menyatakan *Asbab al-Nuzūl* ayat ini walaupun terdapat sebab penurunan bagi ayat-ayat sebelumnya dalam surah

yang sama.²¹² Al-Suyūṭī juga tidak menyatakan sebab al-Nuzūl bagi ayat ke-29 walaupun terdapat sebab penurunan bagi ayat ke-28 dan ke-30 yang dicatatkan oleh beliau.²¹³ Namun begitu kenyataan al-Ṭabarī diambil secara langsung daripada Abū Ḥayyān sebagai kenyataan yang didakwa benar. Abū Ḥayyān menyatakan bahawa ayat ini diturunkan kepada Nabi Muḥammad SAW ketika diperintahkan untuk memerangi Rom Byzantine. Selepas penurunan ayat tersebut, Nabi Muhammad SAW berangkat ke Tabuk. Namun begitu, tidak dinyatakan dari mana sumber tafsiran beliau ini.²¹⁴ Cuma dinyatakan bahawa ianya ada kaitan dengan Tabuk, di mana ayat ini diturunkan kepada Banū Qurayzah dan Nāḍir iaitu dua puak Yahudi di Madinah. Namun tiada sebab penurunan yang khusus dan jelas bagi ayat ini maka Muhammad Abdel Haleem menekankan keperluan untuk menilai analisis linguistik pada ayat ini.²¹⁵ Justeru daripada analisis bahasa tersebut dapat diekstrak sisi hujah logik bagi pentafsiran ayat Jizyah daripada ayat ke-29 surah al-Tawbah ini.

Pertama, Muhammad Abdel Haleem menumpukan pada poin bahawasanya al-Quran adalah teks yang reaktif dan memberi respon kepada situasi yang berlaku semasa ayat diturunkan. Contoh dapat dilihat pada ayat-ayat berikut.

وَقَاتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَكُمْ

Al-Baqarah 2: 190

Terjemahan: Dan perangilah kerana (menegakkan dan mempertahankan) agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu.

²¹² Abū al-Ḥasan ‘Alī al-Wāḥidī al-Naisābūrī, *Asbāb al-Nuzūl* (Al-Dammām: Dār al-Iṣlāh, 1992), 243-245.

²¹³ Jalāl al-Dīn al-Maḥallī dan Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Tafsīr al-Jalālayn al-Muyassar* (Beirut: Maktabah Lubnān Nāshirūn, 2003), 191.

²¹⁴ Abū Ḥayyān al-Andalusī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fi al-Tafsīr*, (Beirut: Dār al-Fikr, 2010), 5:399.

²¹⁵ Muhammad Abdel Haleem, “Qura’anic Jizya: Tax Defaulters” dalam *Exploring the Qur’an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 38.

أُذِنَ لِلَّذِينَ يُقَاتَلُونَ بِأَنَّهُمْ ظَلَمُوا

Al-Hajj 22: 39

Terjemahan: Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh).

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرُبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَارَىٰ

Al-Nisā' 4: 43

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampiri sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk.

Ayat yang dipaparkan ini adalah antara contoh bahawa al-Quran dengan keadaannya yang sentiasa merespon keadaan semasa ini haruslah difahami dengan jelas bagi pentafsiran ayat Jizyah ini. Hal ini kerana kalimah *Ṣāghirūn* tidak akan digunakan melainkan bagi mereka yang dipertanggungjawabkan dengannya tetapi menolak untuk membayarnya. Demikian juga pada bahagian lain ayat ini iaitu *'who do not forbid what God and His Messenger forbids and who do not behave according to the rules of justice'* yang membawa makna 'dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar' yang jelas al-Quran memfokuskan mereka yang melanggar perjanjian awak untuk membayar Jizyah. Melanggar perjanjian adalah dilarang oleh para Anbiya' AS mereka dan juga oleh kebenaran, yang mana menuntut perjanjian seseorang terjaga dan membayar Jizyah dalam keadaan yang membayarnya mendapat manfaat daripada perlindungan dan peruntukan kebajikannya.²¹⁶

²¹⁶ *Ibid.*, 38.

Kedua, Muhammad Abdel Haleem memaparkan sikap segelintir ahli Kitab yang kurang menyenangkan dalam tiga klausa negatif dalam ayat ke-29 surah al-Tawbah, iaitu tiga perkara yang mereka gagal melakukannya: *'who do not believe in God'* bermaksud mereka yang tidak beriman dengan Tuhan, *'who do not forbid what God and the Messenger forbid'* bermaksud dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya dan *'who do not behave according to the rule of justice'* bermaksud tidak beragama dengan agama yang benar.

Hal ini menunjukkan kegagalan para ahli Kitab atas perkara yang sepatutnya mereka lakukan, bertambah berat lagi dengan penekanan selepas itu bahawa mereka adalah golongan yang diberikan Kitab (*ūt ūl-kitāb*).²¹⁷ Memandangkan ianya adalah satu-satunya ayat al-Quran yang membahas tentang Jizyah, para *fuqahā'* dan *mufasssir ūn* telah mengambil ayat ini untuk diaplikasikan dalam semua keadaan, sama ada ahli Kitab ini telah bersetuju membayar Jizyah sebelumnya atau bayaran Jizyah pada mulanya dituntut oleh mereka.

Ketiga, perkaitan ayat ke-28 dan ke-29 surah al-Tawbah adalah penting untuk dirumuskan.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا ۖ وَإِنْ خِفْتُمْ عَيْلَةً فَسَوْفَ يُغْنِيكُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ إِنْ شَاءَ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٢٨﴾

Al-Tawbah 9: 28

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Haram sesudah tahun ini; dan jika kamu bimbangkan kepapaan, maka Allah akan memberi kekayaan kepada kamu dari limpah kurniaNya, jika dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

²¹⁷ *Ibid.*, 39.

Perkaitan antara kedua-dua ayat ini dapat dilihat apabila ayat ke-28 ini diteliti selari dengan ayat ke-29 dalam surah al-Tawbah sehingga ada yang merumuskan bahawa Jizyah diperkenalkan sebagai pampasan kepada orang yang beriman lantaran kerugian berdagang dengan mereka yang kufur.²¹⁸

3.2.2 PEMAHAMAN NAS MENGGUNAKAN SUMBER ILMU BAHASA

Melalui pemahaman nas daripada sudut ilmu bahasa atau linguistik dan data sejarah, hal ini difokuskan oleh Muhammad Abdel Haleem dalam bab *The Sword Verse Myth* melalui penelitian ayat ke-5 daripada surah al-Tawbah.

فَإِذَا انسَلَخَ الْأَشْهُرُ الْحُرْمُ فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَأَحْصُرُوهُمْ وَأَقْعُدُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصَدٍ ۚ فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥﴾

Al-Tawbah 9: 5

Terjemahan: Kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan yang dihormati itu maka bunuhlah orang-orang musyrik itu di mana sahaja kamu menemuinya, dan tawanlah mereka, dan juga keponglah mereka, serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya. Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

- i. Penjelasan Muhammad Abdel Haleem menerusi *Exploring the Quran* Mengenai Takrifan Musyrik

Dijelaskan bahawa isu *Sword Verse Myth* ini adalah antara yang paling hangat disebutkan oleh golongan yang membangkitkan propaganda, ekstremis Islam dan ahli akademik moden.

²¹⁸ *Ibid.*, 39.

Muhammad Abdel Haleem menafikan penegasan Michael Cook yang mengatakan golongan musyrik dalam ayat ke-5 surah al-Tawbah tersebut membawa maksud kesemua orang musyrik selagi mana mereka tidak memeluk Islam. Cook menyatakan golongan musyrik ini termasuklah daripada kalangan Yahudi dan Kristian serta mereka yang tidak beriman. Muhammad Abdel Haleem berhujah bahawa al-Quran itu sendiri mempunyai pengistilahan yang tersendiri bagi Yahudi, Kristian dan mereka yang tidak beriman. Perbincangan mengenai golongan musyrik dalam ayat tersebut hanya menyatakan satu golongan dalam kalangan musyrik dan bukanlah merujuk kepada kesemua orang musyrik.²¹⁹ Hal ini mengambil kira penelitian secara latar belakang sejarah dalam menjelaskan golongan musyrik yang diperincikan dalam ayat tersebut. Maklumat sejarah yang berkait rapat dengan ayat ke-5 daripada surah al-Tawbah ini adalah mengenai Perjanjian Hudaibiyah yang berlaku pada tahun ke-6 Hijrah.²²⁰ Perjanjian yang dilihat berat sebelah dan lebih menguntungkan Musyrikin Makkah ini adalah perjanjian yang dirujuk dalam ayat al-Quran yang dibincangkan.

Dalam meneliti analisis yang dilakukan oleh Muhammad Abdel Haleem secara terperinci pada ayat ini beliau memecahkan penjelasan beliau bagi ayat ini kepada beberapa bahagian. Hal ini kerana beliau mendapati terdapat salah tafsir dan kontradiksi pada tafsiran golongan penentang agama, antaranya daripada ekstremis Islam, teroris dan *anti-Islamic propagandist* dalam mentafsirkan ayat ini.²²¹

1. فَإِذَا انْسَلَخَ الْأَشْهُرُ الْحُرْمُ فَاقْتُلُوا الْمُشْرِكِينَ

²¹⁹ Muhammad Abdel Haleem, "The 'Sword Verse' Myth" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 7.

²²⁰ *Ibid.*, 8.

²²¹ *Ibid.*, 10.

Terjemahan: Kemudian apabila habislah (masa) bulan-bulan yang dihormati itu maka bunuhlah orang-orang musyrik itu.

Dalam penjelasan mengenai golongan musyrik yang dijelaskan dalam ayat ke-5, ianya jelas menunjukkan musyrik yang telah melanggar Perjanjian Hudaibiyah merujuk kepada sasaran golongan musyrik yang dimaksudkan dalam ayat pertama dan kedua dalam surah al-Tawbah iaitu surah yang sama. Muhammad Abdel Haleem turut menjelaskan bahawa apabila Perjanjian Hudaibiyah tersebut telah dilanggar, empat bulan haram diisytiharkan. Ayat ke-4 jelas menunjukkan pengecualian dalam golongan musyrik tersebut merujuk kepada mereka yang terlibat dalam Perjanjian Hudaibiyah sahaja. Bahkan ayat ke-3 dan ke-4 surah al-Tawbah memaparkan pengecualian tersebut dengan jelas:

وَأَذَانٌ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ إِلَى النَّاسِ يَوْمَ الْحَجِّ الْأَكْبَرِ أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ، وَرَسُولُهُ
فَإِنْ تَبَتُّمْ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَإِنْ تَوَلَّيْتُمْ فَأَعْلَمُوا أَنَّكُمْ غَيْرُ مُعْجِزِي اللَّهِ، وَبَشِّرِ الَّذِينَ كَفَرُوا
بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣﴾ إِلَّا الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ ثُمَّ لَمْ يَنْفُصُواكُمْ شَيْئًا وَلَا يَضَاهِرُوا
عَلَيْكُمْ أَحَدًا فَأَتِمُّوا إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ، إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ ﴿٤﴾

Al-Tawbah 9: 3-4

Terjemahan: Dan inilah perisytiharan dari Allah dan RasulNya kepada umat manusia, (diisytiharkan) pada Hari Raya Haji yang terbesar, bahawa sesungguhnya Allah dan RasulNya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik; oleh itu jika kamu (wahai kaum musyrik) bertaubat (dari kufur) maka yang demikian adalah baik bagi kamu; dan jika kamu berpaling (ingkar), maka ketahuilah sesungguhnya kamu tidak akan dapat melepaskan diri dari (azab seksa) Allah. Dan khabarkanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang kafir (bahawa mereka akan ditimpakan) dengan azab yang tidak terperi sakitnya. Kecuali mereka yang kamu mengikat perjanjian setia (dengannya) dari orang-orang musyrik, kemudian mereka tidak mencabuli perjanjian kamu itu sedikitpun, dan mereka tidak menolong seorompokpun yang memusuhi kamu, maka sempurnakanlah kepada mereka perjanjian mereka sehingga (habis) tempohnya. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaqwa.

Pertama, Muhammad Abdel Haleem menjelaskan dalam bahagian pertama ini bahawa penggunaan ‘al-’ dalam *al-mushrikīn* adalah isyarat ‘al-’ *al-ahdiyyah* kepada pengkhususan secara spesifik golongan musyrik yang dimaksudkan. Ianya adalah asas dalam tatabahasa bahasa Arab. Berbeza dengan ‘al-’ *al-jinsiyyah* yang bersifat umum dan generik.²²² Hal ini memperlihatkan bagaimana Michael Cook telah mengabaikan teks bahasa Arab dan konteksnya dalam perbincangan mengenai ayat ini.

Kedua, Muhammad Abdel Haleem menerangkan tentang empat bulan haram yang bermula dari 9 Zulhijjah sehingga 9 Rabiulakhir dari sudut pemahaman yang dinyatakan oleh Michael Cook. Sedangkan bulan haram itu tempoh maksimumnya adalah 50 hari setelah diisytiharkan.²²³ Tiada pertempuran berlaku dalam bulan haram menurut tradisi orang Arab dan undang-undang Islam.

Ketiga, meneliti intipati penting ayat ini mengenai membunuh orang musyrik, Cook telah melakukan salah tafsir menerusi bahagian ayat yang diterjemahkan sebagai ‘bunuhlah orang-orang musyrik’. Pentafsiran beliau menjadikan ayat tersebut sebagai ayat suruhan (*fi’l al-amr*) yang wajib dilakukan sedangkan interpretasi sebenar di situ adalah ‘dibenarkan untuk membunuh orang-orang musyrik’. Hal ini kerana bentuk ayat suruhan dalam bahasa Arab merangkumi maksud yang dapat diterjemahkan sehingga 15 bentuk.²²⁴ Dalam ayat ini, Muhammad Abdel Haleem menyatakan dapatan beliau bahawa ayat suruhan tersebut adalah daripada jenis *al-amr ba’d al-ḥazr li al-ibāḥah* ataupun bentuk suruhan yang datang setelah larangan, sekaligus membawa maksud keizinan. Keadaan keizinan tersebut membawa maksud bahawa walaupun orang musyrik melanggar Perjanjian Hudaibiyah dan orang Islam

²²² Muhammad Abdel Haleem, “The ‘Sword Verse’ Myth” dalam *Exploring the Qur’an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 11.

²²³ *Ibid.*, 11.

²²⁴ *Ibid.*, 11.

tidak boleh melawan mereka, ayat tersebut menunjukkan bahawa orang Islam tidak diperintahkan memerangi mereka tetapi orang Islam diletakkan dalam keadaan boleh untuk memerangi mereka.²²⁵ Hal ini menunjukkan ianya sebagai keharusan dan bukannya kewajipan untuk membunuh orang musyrik yang melanggar perjanjian tersebut. Perkara ini turut disentuh oleh al-Rāzī dalam Tafsīr al-Kabīr dengan pendapat beliau yang mengatakan apabila 4 bulan haram ini tamat, Allah mengizinkan empat perkara. Muhammad Abdel Haleem juga menyatakan bahawa pendapat Cook selari dengan apa yang dinukilkan oleh Sayyid Qutb seorang ulama Islam zaman moden tentang perintah Allah kepada orang Islam agar membunuh setiap orang musyrik.

2. حَيْثُ وَجَدْتُمُوهُمْ وَخُذُوهُمْ وَأَخْضِرُوهُمْ وَأَفْعِدُوا لَهُمْ كُلَّ مَرْصِدٍ ؕ

Terjemahan: di mana sahaja kamu menemuinya, dan tawanlah mereka, dan juga keponglaah mereka, serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya.

Menerusi bahagian ayat ini, Muhammad Abdel Haleem memperlihatkan bahawa Michael Cook menggunakan terjemahan oleh Arberry dengan salah tafsir tertentu. Arberry menterjemahkan arahan membunuh Musyrikin itu di mana sahaja terjumpa mereka secara literal, sedangkan yang dimaksudkan adalah mereka yang berada di luar dan dalam tanah haram.²²⁶

Cook menggunakan terjemahan oleh Arberry sebagai asas dalam pentafsiran beliau. Hal ini telah mengakibatkan pemahaman yang sebenar terhalang kerana terjemahan yang kurang tepat. Maksud ‘keponglaah mereka’ diterjemahkan oleh Cook sebagai ‘*confine them*’

²²⁵ *Ibid.*, 12.

²²⁶ Muhammad Abdel Haleem, “The ‘Sword Verse’ Myth” dalam *Exploring the Qur’an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 12.

yang membawa maksud kurunglah mereka. Apa yang dimaksudkan dengan pengepungan di situ sebenarnya adalah kawalan pergerakan yang melibatkan mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam Kaabah atau ke dalam kawasan orang Islam.²²⁷ Hal ini dikukuhkan dengan kefahaman terhadap ayat 196 dalam surah al-Baqarah pada kalimah *'uḥṣirtum'* yang bermaksud kalian dihalang daripada berbuat sesuatu. Kalimah dengan kata dasar yang sama *'ḥaṣara'* membawakan maksud yang sama cuma di dalam ayat surah al-Tawbah ini ianya merujuk kepada orang musyrik yang dilarang sedang dalam surah al-Baqarah ianya merujuk kepada orang Islam yang sedang dalam perjalanan ke Makkah.

Terjemahan Arberry terhadap bahagian ayat “serta tunggulah mereka di tiap-tiap tempat mengintipnya.”; (*and lie in wait for them at every place of ambush*) juga tidak tepat. Sedangkan sebenarnya ianya bermaksud supaya orang Islam memerhatikan sahaja orang kafir daripada memasuki kawasan mereka.²²⁸

Dalam bahagian ayat ini juga, Muhammad Abdel Haleem mendedahkan bagaimana kalimah *'wa'* dalam bahasa Arab diterjemahkan secara tidak tepat oleh Arberry dengan maksud ‘dan’. Sedang dalam bahasa Arab, penggunaan kalimah *'wa'* juga membawa maksud ‘atau’. Hal ini diulas dalam maksud bahagian ayat ini yang mana sememangnya adalah mustahil bagi seseorang untuk dikenakan tindakan tersebut kesemua sekali sedangkan sekiranya seseorang itu telah dibunuh terlebih dahulu, maka orang tersebut tidak mungkin dapat ditawan, dikepung dan diperhatikan pergerakannya.²²⁹ Berbeza dengan kefahaman yang ditonjolkan Cook yang dilibatkan begitu berlebih-lebihan dalam hukuman, al-Quran menyatakan beberapa pilihan sebagai salah satu cara menjauhkan orang Islam daripada niat

²²⁷ *Ibid.*, 12.

²²⁸ *Ibid.*, 12.

²²⁹ *Ibid.*, 13.

untuk membunuh walaupun ianya dibenarkan dalam Islam, sesuai dengan keadaan mereka yang boleh dibunuh itu hanyalah orang Musyrik yang melanggar Perjanjian Hudaibiyah.²³⁰

3. فَإِنْ تَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ فَخَلُّوا سَبِيلَهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥﴾

Terjemahan: Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu).

Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Menerusi bahagian ayat ini, penelitian Muhammad Abdel Haleem menunjukkan bahawa Cook telah membuat pernyataan tafsir ‘*in other words “kill them unless they convert”*’ sebagaimana dalam perbincangan beliau pada bahagian ayat separuh kedua melalui ayat ke-5 surah al-Tawbah ini. Namun begitu, apabila ayat ini diteliti menurut konteksnya, pentafsiran Cook dilihat tidak tepat memandangkan membunuh (*killing*) adalah satu daripada empat alternatif yang dibenarkan, dinyatakan dalam ayat tersebut selain: tangkaplah mereka, halanglah pergerakan mereka, pantau pergerakan mereka.

Sedang dalam bahagian lain ayat ke-5 tersebut adalah ‘*if they repent, maintain the prayer, and pay the prescribed alms, let them go on their way, for God is most forgiving and merciful*’ dengan makna “Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu). Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”

Ayat ini seharusnya tidak difahami sebagai syarat untuk tidak membunuh orang musyrik: lantas hal ini tidak bermaksud orang Islam wajar membunuh orang Musyrik

²³⁰ Muhammad Abdel Haleem, “The ‘Sword Verse’ Myth” dalam *Exploring the Qur’an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 13.

sehinggalah mereka bertaubat. Sekiranya diteliti, penggunaan kalimah *particle* ‘in’ (إن) membawa maksud ‘if’ atau ‘jika’. Hal ini berlawanan dengan konsep kalimah *particle* ‘hattā’ (حتى) yang membawa dua maksud: untuk menunjukkan tujuan sesuatu perkara (‘so that’: ‘supaya’) dan untuk menunjukkan had batasan sesuatu perkara (‘to the point of’: ‘sampai satu tahap’, ‘until’: ‘sehingga’). Contoh dapat dilihat menerusi ayat ke-193 daripada surah al-Baqarah.

وَقَاتِلُوهُمْ حَتَّىٰ لَا تَكُونَ فِتْنَةٌ وَيَكُونَ الدِّينُ لِلَّهِ

Al-Baqarah 2: 193

Terjemahan: Dan perangilah mereka sehingga tidak ada lagi fitnah, dan (sehingga) menjadilah agama itu semata-mata kerana Allah.

Menerusi penelitian ayat ini, maka dapat dilihat menerusi ayat ke-5 surah al-Tawbah yang menjadi ayat utama perbahasan *Sword Verse* ini bahawa tidak dinyatakan arahan untuk membunuh dan selainnya itu dilakukan sehinggalah orang musyrik bertaubat dan melakukan solat, bahkan ayat tersebut juga tidak menggunakan ‘illa’ yang membawa maksud kecuali atau melainkan. Ayat tersebut tidak menyatakan ‘melainkan (‘illa’) mereka bertaubat’.

Muhammad Abdel Haleem menekankan bahawa penggunaan kalimah *particle* ‘in’ (إن) jelas merujuk kepada kebarangkalian dan pilihan.

فَإِنْ يَتُوبُوا يَكُ خَيْرًا لَّهُمْ ۚ وَإِنْ يَتَوَلَّوْا يُعَذِّبُهُمُ اللَّهُ عَذَابًا أَلِيمًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Al-Tawbah 9: 74

Terjemahan: Oleh itu, jika mereka bertaubat, mereka akan beroleh kebaikan; dan jika mereka berpaling (ingkar), Allah akan menyiksa mereka dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat.

Beliau menegaskan tujuan ayat '*Sword Verse*' adalah bertujuan untuk mengelakkan orang Islam memburu mereka yang telah memerangi mereka walaupun mereka telah berkata bahawa mereka sudah bertaubat dan akan melaksanakan solat dan sebagainya. Arahan yang harus difahami menerusi ayat ke-5 daripada surah al-Tawbah ini adalah orang Islam sepatutnya memaafkan mereka dan tidak berterusan memburu mereka. Hal ini disahkan menerusi ayat ke-11 daripada surah yang sama.

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِنْدَ اللَّهِ وَعِنْدَ رَسُولِهِ إِذِ انْتَابُوا وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ فَأِخْوَانُكُمْ فِي الدِّينِ

Al-Tawbah 9:11

Terjemahan: Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran), dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama.

Fokus ayat tersebut adalah untuk memberi pilihan kepada orang musyrik untuk bertaubat. Hal ini juga menunjukkan fokus ayat ke-11 ini adalah untuk berwaspada dengan orang musyrik ini dan memastikan mereka jauh dari Tanah Haram dan daripada memasuki kawasan orang Islam. Muhammad Abdel Haleem menangkis tafsiran Cook '*kill them unless they convert*' atau bunuhlah mereka melainkan mereka memeluk Islam, dengan pentafsiran daripada ayat ke-6 surah al-Tawbah.

وَإِنْ أَحَدٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ اسْتَجَارَكَ فَأَجِرْهُ حَتَّى يَسْمَعَ كَلَامَ اللَّهِ ثُمَّ أَبْلِغْهُ مَأْمَنَهُ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ

قَوْمٌ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٦﴾

Al-Tawbah 9:6

Terjemahan: Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu (untuk memahami Islam), maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarliah dia ke mana-mana tempat yang ia beroleh aman. Perintah yang tersebut ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam).

Fokus yang begitu signifikan dalam ayat ini adalah bahawasanya al-Quran menyeru agar orang Islam memberi perlindungan kepada orang yang tidak beriman dan menunjukkan mereka tempat yang selamat bagi mereka, dalam masa yang sama tidak wajib bagi mereka untuk menjadi orang Islam bagi mendapatkan layanan baik sedemikian.²³¹

Ayat 7 hingga 13 daripada surah yang sama pula menjelaskan pelbagai cara yang dilakukan oleh orang musyrik yang telah mencabuli perjanjian mereka dan sebab yang menunjukkan kenapa orang Islam wajar untuk tidak meneruskan perjanjian sedemikian.

كَيْفَ يَكُونُ لِلْمُشْرِكِينَ عَهْدٌ عِنْدَ اللَّهِ وَعِنْدَ رَسُولِهِ

Al-Tawbah 9:7

Terjemahan: Bagaimanakah dapat diakui adanya perjanjian (keamanan) di sisi Allah dan RasulNya bagi orang-orang musyrik (sedang mereka mencabulinya)?

²³¹ Muhammad Abdel Haleem, "The 'Sword Verse' Myth" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 14.

Sebelum soalan dalam ayat tersebut selesai, terdapat pengulangan bagi pengecualian golongan tersebut:

إِلَّا الَّذِينَ عَاهَدْتُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ۖ فَمَا اسْتَقَامُوا لَكُمْ فَاسْتَقِيمُوا لَهُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ
الْمُتَّقِينَ ﴿٧﴾

Al-Tawbah 9:7

Terjemahan: Kecuali orang-orang (musyrik) yang kamu telah mengikat perjanjian setia dengan mereka dekat Masjid Al-Haraam. Maka selagi mereka berlaku lurus terhadap kamu, hendaklah kamu berlaku lurus pula terhadap mereka; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaqwa.

Kemudian soalnya disambung pada ayat ke-8:

كَيْفَ وَإِنْ يَظْهَرُوا عَلَيْكُمْ لَا يَرْقُبُوا فِيكُمْ إِلَّا وَلَا ذِمَّةً

Al-Tawbah 9:8

Terjemahan: Bagaimana (boleh dikekalkan perjanjian kaum kafir musyrik itu) padahal kalau mereka dapat mengalahkan kamu, mereka tidak akan menghormati perhubungan kerabat terhadap kamu, dan tidak akan menghormati perjanjian setianya.

Muhammad Abdel Haleem juga menyatakan ayat ke-4 surah al-Tawbah terletak sebelum ayat ke-5 dan bukan di dalamnya. Hal ini menunjukkan cara al-Quran yang mempunyai aturan ketat dan berhati-hati apabila ianya berakitan dengan tema berbunuhan.

Tahap kewaspadaan ini diperhatikan menerusi penelitian yang terdapat pada pengulangan ‘in’ (إِنْ) pada ayat 3, 5, 6, 11 dan 15 dan pengulangan ‘illa’ (إِلَّا) pada ayat 4 dan 7.²³²

Selain pengulangan dua kalimah tersebut, terdapat juga halangan yang mengingatkan, diletakkan pada akhir ayat:

وَيَتُوبُ اللَّهُ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿١٥﴾

Al-Tawbah 9:15

Terjemahan: Dan Allah akan menerima taubat orang-orang yang dikehendakiNya; dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

وَاللَّهُ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٦﴾

Al-Tawbah 9:15

Terjemahan: Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu kerjakan.

3.2.3 PEMAHAMAN NAS MENGGUNAKAN LATAR BELAKANG

SEJARAH

Penelitian dalam karya Muhammad Abdel Haleem menjurus kepada penelitian menerusi pemahaman nas dari satu sudut lain yang penting iaitu latar belakang sejarah. Pada sudut ini, kajian difokuskan kepada dua tema penting daripada karya beliau *Exploring the Qur'an: Context and Impact* iaitu Jihad dan Jizyah, Selain itu, cara ini juga tidak akan lari daripada penelitian teks al-Quran melalui analisis teks al-Quran secara linguistik.

²³² *Ibid.*, 15.

Penelitian dari sudut Jihad memaparkan persepsi Jihad yang datang dari Timur dan Barat. Hal ini bukan semata-mata daripada sudut pandang para ekstremis bahkan juga para wartawan dan ahli akademik. Muhammad Abdel Haleem memilih untuk mengemukakan latar belakang yang penting dalam menerangkan situasi yang berlaku bagi ayat yang dikaitkan dengan isu *Sword verse* iaitu Perjanjian Hudaibiyah pada tahun ke-6 Hijrah. Beliau memaparkan sirah bagaimana kaum Muslimin bergerak secara aman dari Madinah ke Makkah untuk melaksanakan umrah dalam keadaan Nabi Muḥammad SAW mempunyai visi awal bahawa orang Makkah menolak untuk membenarkan kaum Muslimin mendekati Makkah. Seterusnya, setelah rundingan yang mengambil masa yang lama, ianya dipersetujui bagi kaum Muslimin untuk pulang tanpa menunaikan umrah dan akan kembali pada tahun berikutnya.²³³ Gencatan senjata dipersetujui selama 10 tahun dalam keadaan perjanjian dan rundingan tersebut dilihat berat sebelah terhadap Nabi Muḥammad SAW dan kaum Muslimin, namun keamanan adalah matlamat utama yang ingin dicapai Nabi Muḥammad SAW.

Namun begitu, orang Makkah telah melanggar perjanjian dalam tempoh dua tahun pertama bila mana mereka telah membantu Banū Bakr dengan bantuan lelaki dan senjata untuk menyerang dan membunuh beberapa orang Banū Khuzā'ah iaitu sekutu bagi kaum Muslimin dalam perjanjian ini, walaupun Banū Khuzā'ah itu telah cuba berlindung di Ka'bah. Banū Khuzā'ah menghantar delegasi utusan kepada Nabi Muḥammad SAW memnyampaikan tentang orang Makkah yang telah melanggar perjanjian dan membunuh di dalam tanah Haram ketika mereka rukuk dan sujud dalam solat. Oleh itu, kaum Muslimin telah berarak ke Makkah lantas mengambil hak pemilikan Ka'bah dan kawasan suci. Inilah

²³³ Muhammad Abdel Haleem, "The 'Sword Verse' Myth" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 8.

peristiwa pembukaan kota Makkah yang mana baginda Nabi Muḥammad SAW telah bersabda “Sesiapa yang menetap di rumahnya, dia selamat. Dan sesiapa sahaja yang memasuki rumah Abū Sufyān, dia selamat. Dan sesiapa memasuki tanah Haram, dia selamat.” Baginda tidak bersabda “Sesiapa yang menjadi Muslim adalah selamat atau meninggalkan syirik, dia selamat.” Lantaran peristiwa itu, ramai orang Makkah memeluk Islam berikutan penyerahan kota Makkah, tetapi ramai juga yang tinggal di dalam dan luar Makkah yang kekal sebagai kaum Musyrikin.²³⁴

3.3 SIGNIFIKAN METODE PENYUSUNAN DAN PENULISAN KARYA

EXPLORING THE QUR’AN: CONTEXT AND IMPACT

3.3.1 SIGNIFIKAN METODE PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM DARIPADA ASPEK PENYUSUNAN

Merujuk kepada karya *Exploring the Qur’an*, Muhammad Abdel Haleem dilihat tampil dengan keistimewaan penyusunan beliau dalam penghujahan yang dikemukakan melalui setiap fokus yang dirungkaikan oleh beliau. *Exploring the Quran* terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu:

- a) Bahagian I: *Teachings* (Ajaran)
- b) Bahagian II: *Style* (Gaya Bahasa)
- c) Bahagian III: *Impact* (Impak)

²³⁴ Muhammad Abdel Haleem, “The ‘Sword Verse’ Myth” dalam *Exploring the Qur’an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 9.

Muhammad Abdel Haleem sebagai seorang ilmuwan yang teliti dalam penterjemahan al-Quran telah mengemukakan bahagian pertama dengan penghujahan terhadap empat tema utama: Mitos Ayat Pedang (*Sword Verse*), Jizyah, Jihad dan Syurga menurut perspektif al-Quran. Kemudian setiap satu tema didatangkan dengan ayat al-Quran yang menjadi perdebatan antara penterjemah al-Quran dan mufassir, merangkumi orientalis dan ulama tafsir. Seperti dalam tema kedua pula iaitu Jizyah, Muhammad Abdel Haleem membahagikan ayat yang dibincangkan kepada beberapa bahagian perbahasan untuk menghasilkan susunan perbincangan yang lebih sistematik.

Ayat yang dinyatakan seterusnya diikuti pula dengan penerangan latar belakang sejarah bagi menyokong kajian beliau. Hal ini dapat dilihat seperti dalam tema pertama beliau iaitu *Sword Verse Myth* yang mensuakan pembaca dengan sirah Perjanjian Hudaibiyah bagi mengaitkannya dengan ayat al-Quran yang menjadi perbincangan tema tersebut.²³⁵ Ayat dan latar belakang sejarah itu pula disambung dengan analisis teks al-Quran juga analisis linguistik²³⁶ yang terperinci sambil memetik kritikan beliau terhadap salah tafsir teks al-Quran daripada penterjemah dan mufassir klasik. Kritikan tersebut didatangkan dengan penghujahan yang membantu pemahaman ayat agar lebih jelas dan terarah. Penjelasan tentang *Nasakh* dan *Mansukh* juga disertakan bagi penjelasan yang lebih rapi.

Penghujahan Muhammad Abdel Haleem yang menekankan kepada penghujahan 'aqli daripada penjelasan analisis sejarah dan linguistik yang menyeluruh agar dapat memberikan pentafsiran yang tepat tanpa mengabaikan aspek keaslian bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran itu sendiri. Penelitian dari sudut bahasa bukanlah sesuatu yang mudah bahkan

²³⁵ Muhammad Abdel Haleem, "The 'Sword Verse' Myth" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 8.

²³⁶ Muhammad Abdel Haleem, "Qur'anic Jizya: Tax Defaulters" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 43.

menuntut kepada kesesuaian ragam ayat tersebut yang dapat dinilai daripada sebab penurunan atau *Asbāb al-Nuzūl* ayat al-Quran tertentu.

Muhammad Abdel Haleem menyusun himpunan penulisan beliau dalam karya ini secara tematik. Selain itu, setiap tema juga melengkapi antara satu sama lain. Dalam *Exploring the Quran: Context and Impact* ini, beliau memulakan bahagian pertama dengan *Teachings* atau Ajaran sebagai permulaan yang menuntun pembaca meneliti satu demi satu isu-isu pilihan beliau yang berkait rapat dengan dakwaan-dakwaan golongan yang menentang Islam seperti orientalis dan ahli akademik. Dimulakan dengan mitos Sword Verse, kemudian disambung dengan isu Jizyah menurut al-Quran, isu Jihad dalam al-Quran dan perbincangan mengenai syurga dalam al-Quran.

3.3.2 SIGNIFIKAN METODE PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM DARIPADA ASPEK PENULISAN

Menerusi karya beliau ini, secara umumnya dapat dilihat beberapa aspek ketelitian pengarang dalam menulis *Exploring the Quran: Context and Impact* sebagai karya yang wajar dijadikan rujukan kepada khalayak intelektual juga orang awam.

Daripada penelitian Muhammad Abdel Haleem tidak terbatas kepada penghujahan beliau dalam huraian dan analisis linguistik pada ayat al-Quran sahaja seperti dalam bahagian pertama karya ini. Hal ini dapat dilihat pada ketelitian beliau yang menjadi keistimewaan setiap pecahan utama kajian dalam karya ini.

Daripada penulisan bahagian pertama dapat dilihat bahawa beliau membawakan isu yang dapat dilihat dengan mata kasar dan dirasai sendiri oleh pancaindera iaitu perihal ayat pedang, pembayaran Jizyah dan perbincangan seputar Jihad. Permulaan yang membuka mata ini diakhiri dengan perbincangan mengenai penelitian ayat al-Quran tentang perkara ghaib iaitu syurga. Hal ini menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang tidak tertakluk kepada

apa yang dilihat sahaja seperti yang difokuskan oleh golongan yang memilih sekularisme dan bertindak dalam sekularisasi yang mana mengancam sejagat.²³⁷ Muhammad Abdel Haleem membuktikan bahawa Islam tidak memisahkan dunia dan urusan akhirat hatta dalam perbincangan secara akademik.

Dalam bahagian kedua karya ini, fokus Muhammad Abdel Haleem adalah gaya bahasa yang digunakan dalam al-Quran, disusun kepada enam perbincangan utama, tertakluk di bawah fokus judul 'Style' atau gaya bahasa:

1. *Legal Style: Qur'anic Shari'a – Avoiding the Application*
2. *Euphemistic Style: Sexual Etiquette*
3. *Narrative Style: Repeating Stories – Noah*
4. *Coherent Style: How to Read the Sura*
5. *Evidential Style: Divine Oaths in the Qur'an*
6. *Rhetorical Style: Arabic of the Qur'an*

Seterusnya bahagian ketiga iaitu bahagian 'Impact' atau impak/kesan secara keseluruhan, Muhammad Abdel Haleem memfokuskan bagaimana impak yang meluas terhasil daripada bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan dalam dunia Islam:

1. *The Arabic Qur'an in the Muslim World*
2. *English Translations of the Qur'an: The Making of an Image*
3. *Translations of the Qur'an and the Interfaith Relations*

²³⁷ Ahmad Khoirul Fata dan Siti Mahmudah Noorhayati, "Sekularisme dan Tantangan Pemikiran Islam Kontemporer," *Jurnal Madania: Jurnal Kajian Keislaman* 20.2 (2016), 219

Dalam bahagian ketiga buku ini, perihal terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris turut diangkat lalu diterangkan oleh Muhammad Abdel Haleem bagaimana sejarah membuktikan bahawa sekalian terjemahan ini telah terlepas pertimbangan terhadap gaya dan kesan daripada al-Quran dalam bahasa Arab. Penterjemahan dalam bahasa Inggeris telah mencatatkan kesalahan serius namun ditiru pula dalam rangkaian para penterjemah lainnya seperti yang telah dibuktikan melalui perbincangan bab ini. Justeru, hal ini memburukkan imej Islam dan al-Quran. Perbincangan diakhiri dengan pembentangan mengenai kesan negatif yang berlaku akibat penterjemahan tidak mencukupi dalam fokus hubungan antara agama, khususnya bagi mereka yang beragama Islam, Yahudi dan Kristian.

3.4 KESIMPULAN

Usaha Muhammad Abdel Haleem dalam menangani isu salah tafsir teks al-Quran daripada terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris adalah sangat mustahak dan tidak dinafikan kepentingannya lantaran sifat sebenar al-Quran itu sendiri diabaikan berulang kali sehingga memaparkan al-Quran dengan wajah yang jauh dari kefahaman sebenar mengenainya. Penguasaan bahasa Arab yang luar biasa membolehkan Muhammad Abdel Haleem meneliti satu demi satu ayat al-Quran lantas mengeluarkan penghujahan beliau dengan cara beliau yang tersendiri untuk menampilkan imej al-Quran yang lebih jelas dan sampai kepada maksud asalnya.

BAB 4

ANALISIS SUMBANGAN PENTAFSIRAN AL-QURAN DAN METODE PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM DALAM KARYA *EXPLORING THE QURAN: CONTEXT AND IMPACT*

4.0 PENGENALAN

Mengamati karya yang dihasilkan oleh Muhammad Abdel Haleem, kajian ini seterusnya menelusuri kesinambungan pentafsiran al-Quran dari segi pentafsiran klasik dan moden untuk melihat hubungkaitnya dengan apa yang disimpulkan oleh Muhammad Abdel Haleem secara keseluruhannya.

4.1 ANALISIS SUMBANGAN PENTAFSIRAN AL-QURAN DARI SISI MUHAMMAD ABDEL HALEEM MENERUSI PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM TERHADAP ISU-ISU SALAH TAFSIR TEKS AL-QURAN DALAM *EXPLORING THE QUR'AN: CONTEXT AND IMPACT*

Muhammad Abdel Haleem dalam keterangan beliau menjelaskan bahawa tafsir 'aqli menurut beliau adalah *tafsīr bi al-ra'y* seperti yang dinyatakan oleh al-Suyūṭī dalam karyanya *al-Itqān* juga seperti pendapat al-Dhahabī dalam *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*.²³⁸ Menerusi analisis ini, pengkaji ingin membuat perbandingan yang sewajarnya terhadap isu-isu yang dibangkitkan oleh beliau dalam karya beliau. Pendekatan tafsir 'aqli yang disasarkan oleh Muhammad Abdel Haleem dalam *Exploring the Qur'an* ini adalah mustahak dan penting pada masa kini sejajar dengan keperluan semasa bagi memperbetul kefahaman segelintir masyarakat yang sedikit sebanyak telah terkesan hasil penelitian daripada penterjemahan dan pentafsiran golongan bukan Islam terhadap al-Quran seperti golongan orientalis, ahli akademik yang

²³⁸ Temubual secara e-mail, e-mail yang diterima bertarikh 9 Oktober 2019.

menolak Islam dan lain-lain. Penyelewengan pentafsiran daripada golongan yang tidak bertanggungjawab ini menuntut kepada penggunaan akal pada dasar yang benar agar al-Quran tidak lagi disalah faham lebih-lebih lagi pada zaman yang mana tahap taakulan manusia semakin canggih dan terkehadapan lantaran globalisasi.

4.1.1 ANALISIS PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM TERHADAP ISU-ISU SALAH TAFSIR TEKS AL-QURAN DARI SUDUT PEMAHAMAN NAS BERDASARKAN HUKUM AKAL (LOGIK)

Dalam meneliti penghujahan Muhammad Abdel Haleem seperti dalam bab sebelumnya, pengkaji ingin mengemukakan pendapat daripada ulama mutaqqaddimin iaitu ulama terdahulu dan ulama mutaakhirin iaitu ulama masa kini agar kajian ini dapat memaparkan kelainan yang dibawakan oleh Muhammad Abdel Haleem dalam metode beliau mentafsirkan al-Quran bagi isu-isu terpilih.

Menerusi subtopik ini, Muhammad Abdel Haleem memfokuskan kepada ayat ke-29 daripada surah al-Tawbah.

قَاتِلُوا الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَا بِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَا يُحَرِّمُونَ مَا حَرَّمَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَلَا يَدِينُونَ
دِينَ الْحَقِّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ حَتَّى يُعْطُوا الْجِزْيَةَ عَنْ يَدٍ وَهُمْ صَاغِرُونَ ﴿٢٩﴾

Al-Tawbah 9: 29

Terjemahan: Perangilah orang-orang yang tidak beriman kepada Allah dan tidak beriman kepada hari akhirat, dan mereka pula tidak mengharamkan apa yang telah diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya, dan tidak beragama dengan agama yang benar, iaitu dari orang-orang yang diberikan Kitab (kaum Yahudi dan Nasrani), sehingga mereka membayar "Jizyah" dengan keadaan taat dan merendah diri.

Meneliti pentafsiran daripada ulama tafsir terdahulu, al-Zamakhshari menyatakan bahawa ahli Kitab dalam ayat ini merujuk kepada Yahudi dan Nasrani yang mana mereka tidak

mengesakan Allah SWT. Beliau juga menyatakan nama Jizyah itu adalah disebabkan ianya adalah sebahagian daripada apa yang dibayar oleh ahli Dhimmah atau membelanjakannya dengan apa yang dikurniakan ke atas mereka atas sebab pengecualian daripada dibunuh.²³⁹ Hal ini bertepatan dengan maksud Jizyah dari segi bahasanya iaitu pajak tanah atau sesuatu yang diambil daripada golongan kafir *Dhimmi*.²⁴⁰ Al-Zamakhsharī menerangkan Jizyah sebagai peranannya dalam tafsir beliau serta menerangkan siapa ahli Kitab yang disebutkan. Pengkaji merujuk pentafsiran beliau sebagai pentafsiran daripada ulama klasik.

Sedang dalam Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr karangan Ibn ‘Āshūr, ayat ke-29 ini, Ibn ‘Āshūr menerangkan daripada pendapat Mujāhid bahawa golongan ahli Kitab yang dinyatakan adalah khusus kepada orang Nasrani kerana ayat ini diturunkan bersempena perang Tabuk.²⁴¹ Perspektif lain yang diberikan oleh beliau adalah Jizyah merupakan harta yang diberikan oleh segolongan manusia sebagai balasan dapat mengekalkan kehidupan atau menetap di tanahnya.²⁴²

Selain itu Ibn ‘Āshūr dalam menerangkan bahagian terakhir ayat ini iaitu ‘*Ṣāghirūn*’ yang mana telah memfokuskan bahawa pemberian Jizyah daripada ahli Kitab adalah tertakluk kepada agungnya hukum dalam Islam yang menetapkan Jizyah buat mereka, menjadikan ahli Kitab ini jauh daripada agama mereka yang batil dan mereka pula menuruti agama Islam.²⁴³

Menelusuri pandangan ulama mutaakhirin, ulama moden dalam tafsir al-Quran, Sayyid Quṭb, menerusi karya beliau *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur’ān*, menegaskan bahawa ayat 29 ini adalah termasuk dalam bahagian kedua surah al-Tawbah. Bahagian kedua ini

²³⁹ Al-Zamakhsharī, *Tafsīr al-Kashshāf* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 2007), 429.

²⁴⁰ Fairūz Abadi, “Jizyah” dalam al-Qāmūs al-Muḥīṭ (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2005), 1270.

²⁴¹ Ibn ‘Āshūr, *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (Tunisia: Dār Suḥnūn, 1997), 5:163.

²⁴² Ibn ‘Āshūr, *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (Tunisia: Dār Suḥnūn, 1997), 5:166.

²⁴³ Ibn ‘Āshūr, *Tafsīr al-Taḥrīr wa al-Tanwīr* (Tunisia: Dār Suḥnūn, 1997), 5:167.

memfokuskan kepada hukum-hakam atau peraturan mengenai tata hubungan antara masyarakat Islam dan juga ahli Kitab.²⁴⁴

Secara teratur, Sayyid Quṭb menyatakan bahagian kedua yang dimulakan dengan ayat ke-29 ini menyatakan peraturan-peraturan final tentang pindaan tunjang yang menjadi dasar tata hubungan sesama masyarakat Islam dan ahli Kitab terutamanya golongan Nasrani. Pindaan dalam peraturan baru ialah perintah membunuh ahli Kitab yang menyeleweng daripada agama Allah sehingga mereka sanggup melunaskan pembayaran Jizyah tanpa culas dan tidak diterima perjanjian damai daripada mereka kecuali perkara yang melibatkan landas asas pembayaran Jizyah. Maka menerusi pembayaran Jizyah, mereka berhak memperoleh hak kewarganegaraan Dhimmī yang disifatkan mempunyai perjanjian dan hubungan damai juga wujud antara ahli Kitab dan kaum Muslimin,

Ahli Kitab ini tidak dibiarkan bebas dengan agama mereka kecuali dengan cara mereka sanggup membayar Jizyah seterusnya menjadikan mereka mempunyai perjanjian dengan masyarakat Islam secara rasminya. Ayat ke-29 ini seperti yang dijelaskan Sayyid Quṭb adalah bagaimana persediaan dalam menghadapi Perang Tabuk.²⁴⁵ Golongan ahli Kitab yang ditunjukkan dalam ayat ini adalah mereka yang mempunyai sifat berikut:

- a) Pertama: Mereka tidak beriman kepada Allah dan hari Akhirat
- b) Kedua: Mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya.
- c) Ketiga: Mereka tidak berpegang dengan agama yang benar

²⁴⁴ Sayyid Quṭb, *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2003), 1621.

²⁴⁵ *Ibid.*, 1631.

Ahli Kitab dengan sifat-sifat ini merupakan manifestasi penentangan terhadap agama Allah sama ada dari segi I'tiqād dan perilaku. Hal ini adalah penentangan terhadap masyarakat Islam dengan sebab wujudnya pertentangan dasar antara sistem hidup ciptaan Allah dengan sistem hidup ciptaan jahiliyyah yang dapat diteliti daripada aqidah dan realiti ahli Kitab seperti digambarkan dalam kumpulan ayat ini. Malah, realiti dalam sejarah turut membuktikan wujud hakikat pertentangan, percanggahan dan ketidakmungkinan hidup bersama dengan dua sistem tersebut. Hal ini kerana ahli Kitab sememangnya menentang agama Allah dan mengumumkan isytihar perang terhadap Islam dan kaum Muslimin tanpa rasa belas kasihan sepanjang masa ketika ayat ini turun dan pada sepanjang masa yang mengiringi turunnya ayat ini sehingga saat ini.²⁴⁶

Perintah dalam ayat ini adalah perintah yang menerangkan satu dasar umum, dalam mengatur hubungan dua hala dengan ahli Kitab yang mempunyai sifat-sifat yang wujud pada orang Arab dan orang Rom yang beragama Kristian. Justeru hal ini tidak menghalang perintah Nabawi yang telah mengecualikan sekalian individu dan golongan tertentu seperti kanak-kanak, kaum wanita, orang tua, orang yang lemah dan kaum paderi yang memencilkan diri untuk beribadat dan tinggal di biara dalam masa yang sama tidak melibatkan diri sebagai pejuang.

Sayyid Quṭb menjelaskan lagi bahawasanya peraturan membayar Jizyah ini mengandungi hikmah-Nya yang tersendiri. Islam menghancurkan kekuatan pemerintah-pemerintah yang berdiri selain daripada atas agama yang benar demi menghapus halangan fizikal yang melemahkan kekuatan Islam. Mereka yang ditakluki menyerah kalah dan menyerah diri dengan membayar Jizyah.²⁴⁷

²⁴⁶ Sayyid Quṭb, *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur'ān* (Kaherah: Dār al-Shurūq, 2003), 1633.

²⁴⁷ *Ibid.*, 1633.

Sayyid Quṭb menggariskan beberapa matlamat yang dicapai daripada pembayaran Jizyah:²⁴⁸

- a. Pengumuman penyerahan diri dan kerelaannya untuk tidak menentang dakwah dengan kekuatan fizikal.
- b. Mengambil bahagian dalam pembiayaan negara untuk mempertahankan keselamatan diri, harta benda, maruah dan kehormatan-kehormatan yang dijamin oleh Islam terhadap golongan Dhimmī, merujuk kepada orang kafir yang membayar Jizyah.
- c. Memberi sumbangan kepada dana Baitul Mal orang Islam yang menjamin saran dan bantuan bagi mereka yang tidak berupaya bekerja termasuklah golongan Dhimmī tanpa membezakan mereka dengan orang Islam yang membayar zakat.

Dalam penerangan Muhammad Abdel Haleem, beliau memilih untuk meneroka pentafsiran yang dibawa oleh al-Ṭabarī. Seterusnya menerangkan maksud yang jelas pada ayat Jizyah ini dengan penerangan daripada aspek logik akal. Asas kepada memberi adalah pemberian dilakukan oleh tangan menjadikan penjelasan al-Ṭabarī jelas dan menepati logik akal. Dalam rumusan yang dicatat oleh Muhammad Abdel Haleem, konotasi Jizyah sebenarnya tidak membawa konotasi negatif seperti yang dibincangkan oleh penterjemah bukan Muslim terhadap al-Quran, bahkan Jizyah membawa konotasi positif yang mana ianya merujuk kepada balasan yang baik hasil daripada khidmat yang diperolehi. Dalam situasi Jizyah, golongan Dhimmī beroleh perlindungan di bawah nanungan kerajaan Islam. Ianya membuktikan ahli Kitab yang membayar Jizyah ini memberikan ganjaran kepada negara Islam sebagai balasan tidak mewajibkan mereka golongan Dhimmī dan ahli Kitab ini untuk melibatkan diri dalam jihad untuk negara Islam yang mana menyalahi kepercayaan mereka,

²⁴⁸ *Ibid.*, 1633-1634.

juga sebagai balasan tidak perlu membayar zakat, sekaligus membenarkan mereka untuk hidup menuruti kepercayaan mereka.²⁴⁹

Seterusnya dalam *al-Tafsīr al-Munīr* karangan Wahbah al-Zuhailī, beliau menjelaskan dari sisi pemahaman bahasa yang dinyatakan al-Quran, bahawa mereka yang tidak mengimani Allah dan hari akhirat ini adalah mereka daripada kalangan Yahudi kerana menjadikan ‘Uzair sebagai anak Allah dalam kepercayaan mereka, manakala Nasrani menjadikan ‘Isa sebagai anak Allah sekaligus menunjukkan keingkaran mereka terhadap Nabi Muhammad SAW yang diperintahkan dalam kitab-kitab mereka agar beriman dengan Nabi Muhammad SAW, serta tidak menuruti apa yang disyariatkan Allah dan agama-Nya.

Menerusi pengertian ‘sehingga mereka memberikan Jizyah’ yang dijelaskan oleh Shaykh Wahbah al-Zuhailīy sebagai melazimi pembayaran Jizyah iaitu pembayaran yang diwajibkan ke atas individu yang berkemampuan bukan ke atas tanah. Manakala ‘*an yadin*’ dijelaskan sebagai kemampuan dan kudrat. Frasa ‘*ṣāghirun*’ diterangkan sebagai melazimi hukum-hakam Islam dan kedaulatannya.

Meneliti sebab penurunan ayat 29 surah al-Tawbah ini, Shaykh Wahbah al-Zuhailī menukikan berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Ibn al-Mundhir daripada al-Zuhri, bahawa yang paling awal memberikan Jizyah adalah daripada kalangan Najran sebelum kewafatan Nabi Muhammad SAW.²⁵⁰

Wahbah al-Zuhailī dalam nukilannya juga menekankan munāsabah ayat ini adalah Allah menyatakan hukum orang Musyrikin yang menzahirkan mereka berlepas diri daripada perjanjian mereka, kewajipan membunuh mereka dan menjauhkan mereka dari Masjid al-Haram diikuti dengan penerangan hukum Ahli Kitab iaitu memerangi mereka sehinggalah

²⁴⁹ Muhammad Abdel Haleem, “Qur’anic Jizya: Tax Defaulters” dalam *Exploring the Qur’an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 45.

²⁵⁰ Wahbah al-Zuhailī, *al-Tafsīr al-Munīr* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009), 5:522.

mereka membayar Jizyah. Beliau juga menjelaskan bahawa ini adalah permulaan tentang perbincangan peperangan Tabuk dengan Rom daripada kalangan Ahli Kitab, keluar berperang pada musim panas ketika mana buah-buahan meranum dan panasnya menyengat, serta apa yang berkaitan dengan perbuatan keji orang-orang musyrik dan penelitian orang-orang beriman.²⁵¹

Perintah memerangi Ahli Kitab dalam ayat ini dijelaskan bahawa mereka hendaklah memiliki empat sifat yang digariskan:

1. Mereka tidak beriman kepada Allah SWT

Ramai daripada kalangan Yahudi tidak beriman dengan kewujudan Allah dan mengesakan-Nya dengan sebenarnya, suci daripada *al-Tajsim*. Mereka menyatakan ‘Uzair sebagai anak Allah. Manakala kaum Nasrani mempercayai al-Tathlith (Trinititi) kemudian al-Tawhid (pengesaan) lantaran mereka menyebut bahawa wujudnya *al-Ab*, *al-Ibn* dan *Ruh al-Quds*. Mereka tidak beriman dengan kewujudan Tuhan yang sebenar. Kedua-dua golongan ini menjadikan pendeta-pendeta dan ahli agama mereka sebagai Tuhan selain Allah yang mana mereka mensyariatkan ibadat serta mengharamkan sesuatu sehingga golongan Yahudi dan Nasrani mentaati mereka dalam hal itu sehingga menjadi seperti Tuhan bagi mereka.

2. Mereka tidak beriman dengan hari Akhirat

Golongan Ahli Kitab ini mempercayai bahawa roh adalah yang dibangkitkan tanpa jasad, seperti malaikat, ahli syurga tidak makan dan minum. Bagi mereka juga kenikmatan syurga dan azab api neraka hanyalah maknawi ruhiyah seperti kebahagiaan dan kesedihan. Malah, tidak juga beriman dengan kehidupan yang lengkap; hidup yang fizikal dan rohani di alam

²⁵¹ *Ibid.*, 5:523.

akhirat dan hal ini bertentangan dengan apa yang dikhabarkan al-Quran. Jelas bahawa keingkaran sedemikian terhadap kebangkitan jasmani maka ianya juga mengingkari jelasnya al-Quran.

3. Mereka tidak mengharamkan apa yang diharamkan oleh Allah dan Rasul-Nya

Ahli Kitab yang diperangi ini tidak mengharamkan apa yang diharamkan al-Quran dan sunnah Nabi Muhammad SAW, tidak juga mengharamkan apa yang diharamkan oleh Nabi Musa dan Nabi 'Isa AS, bahkan mereka menyelewengkan kitab Taurat dan Injil, mensyariatkan ke atas diri mereka dengan hukum-hakam yang bercanggah dengan asal agama mereka yang termansuh dengan hukum Islam. Golongan Yahudi menghalalkan untuk makan harta manusia lain dengan cara yang salah seperti riba dan selainnya, manakala golongan Nasrani membolehkan apa yang diharamkan ke atas mereka daripada apa yang terkandung dalam kitab Taurat seperti lemak haiwan dan arak.

4. Mereka tidak beragama dengan agama yang benar

Hal ini membawa maksud mereka tidak mempercayai kebenaran agama Islam sebagai agama yang benar. Mereka menuruti apa yang ditetapkan ulama mengikut hawa nafsu mereka, lantas menukar kitab Taurat dan Injil. Apa yang mereka amalkan bukan lagi daripada asal-usul agama menurut Islam dan seperti yang diwahyukan kepada Nabi Musa dan Nabi 'Isa AS.

Daripada 4 sifat yang dinyatakan, maka Ahli Kitab sedemikian diperangi kerana mereka adalah Ahli Kitab, membezakan hukum dengan orang Musyrikin yang mana orang Musyrikin haknya adalah sama ada dibunuh atau memeluk Islam. Manakala bagi Ahli Kitab, bagi mereka adalah salah satu antara tiga ciri sama ada dibunuh, memeluk Islam atau

membayar Jizyah. Tujuan mereka diperangi adalah supaya akhirnya mereka tergolong sebagai *'saghirūn'* iaitu yang melazimi dengan kepatuhan, menuruti hukum-hakam Islam.²⁵²

Justeru berdasarkan pengamatan pengkaji daripada analisis ini, pengkaji berpandangan daripada pemahaman pentafsiran al-Quran secara logik, ianya perlu didasari dengan pemahaman menyeluruh konteks ayat Al-Quran yang diwahyukan dan tidak bergantung kepada pentafsiran berdasarkan kepentingan dan pertimbangan hawa nafsu seolah hendak memenangkan mana-mana pihak. Hal ini kerana pentafsiran al-Quran secara *'aqlī'* juga perlu mematuhi syarat-syarat tertentu seperti yang telah dibincangkan dan bukan tertakluk kepada pemahaman secara asas sahaja tanpa mendalami konteks ayat al-Quran tersebut.

4.1.2 ANALISIS PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM TERHADAP ISU-ISU SALAH TAFSIR TEKS AL-QURAN DARI SUDUT PEMAHAMAN NAS MENGGUNAKAN SUMBER ILMU BAHASA

Dalam soal Jizyah, Muhammad Abdel Haleem menekankan bahawa kalimah *Dhimmi* (dilindungi) yang merujuk kepada golongan bukan Islam yang membayar Jizyah dan diberikan perlindungan oleh kerajaan Islam, adalah kalimah yang sangat mapan dan positif dalam bahasa Arab. Berbeza dengan pandangan ilmuwan Barat, mereka menggambarkan kalimah *Dhimmi* dengan pembawakan konotasi yang buruk.²⁵³ Golongan ini dirujuk sebagai golongan ahli Kitab iaitu mereka yang diberikan Kitab, sekaligus menampilkan mereka dengan penghormatan yang tinggi kerana mereka menjadi penerima Kitab Allah. Jelas dalam isu Jizyah, Islam mengangkat tinggi terma Jizyah, *Dhimmi* dan ahli Kitab. Lantaran itu,

²⁵² *Ibid.*, 5:524.

²⁵³ Muhammad Abdel Haleem, "Qura'anic *Jizya*: Tax Defaulters" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 46.

terma-terma yang diguna pakai dalam al-Quran sewajarnya difahami dengan maksud yang ingin disampaikan dalam al-Quran, bukan diseleweng maksudnya seperti yang telah berlaku pada kebanyakan waktu.²⁵⁴

Menurut Wahbah al-Zuhailī ketika menerangkan tafsiran ayat ini, beliau memberi pencerahan di sebalik nama yang sinonim bagi golongan Ahli Kitab ini beserta maknanya:

1. Ahli Kitab

Dinamakan sedemikian kerana bagi mereka pada asalnya adalah kitab samawi terdahulu serta mereka mempercayai ayat-ayat tentang Tuhan, kebangkitan, perhitungan, para rasul, sekalian pensyariatan dan agama.

2. Ahli *Dhimmah*

Merujuk kepada ahli bagi perjanjian dan piagam yang mana Islam mewajibkan bermuamalat dengan mereka secara adil, saksama di bawah perlindungan Allah dan Rasul-Nya.

3. *Al-Mu'āhidūn*

Dinamakan sedemikian kerana mereka hidup mengikut perjanjian dan perjanjian yang dibuat antara Islam dan Ahli Kitab. Diwajibkan untuk dilaksanakan hukum-hakam dan menghormati menuruti perjanjian dan piagam serta diharamkan menzalimi dan mempertanggungjawabkan ke atas mereka dengan apa yang tidak mampu ditanggung oleh mereka.

Selain itu, '*al-Ṣaghār*' seperti yang disebut oleh sebahagian fuqaha seperti fuqaha daripada kalangan Shāfi'ī dan Ibn al-Qayyim yang membawa makna kepatuhan terhadap hukum-hakam dan bukannya bermaksud penghinaan.²⁵⁵

²⁵⁴ *Ibid.*, 46.

²⁵⁵ Wahbah al-Zuhailī, *al-Tafsīr al-Munīr* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009), 5:525

Dalam penerangan pengarang al-Tafsīr al-Munīr tentang ayat Jizyah ini juga dinukilkan bahawa membunuh kaum Musyrikin itu wajib jika mereka memerangi kaum Muslimin, demikianlah memerangi Ahli Kitab ketika wujudnya keperluan membunuh mereka seperti serangan yang mereka lakukan terhadap kaum Muslimin, negara mereka atau maruah mereka; atau memfitnah agama mereka; atau mengancam keselamatan mereka, seperti mana yang diperoleh dari Rom. Maka itulah sebab berlakunya peperangan Tabuk atau seperti mana yang dilihat oleh imam (pemimpin) sebagai kemaslahatan peperangan berdasarkan kepada pergerakan yang mencurigakan, persediaan peperangan dan barisan tentera di sempadan negara Islam.²⁵⁶

Dari sudut lain, penghujahan Muhammad Abdel Haleem dalam menjelaskan *Sword Verse* dari sudut bahasa juga didokong dengan pentafsiran oleh Buya Hamka dalam Tafsir al-Azhar, tentang bulan-bulan Haram. Ianya dijelaskan sebagai bulan-bulan yang telah termasuk suasana Haji, juga adalah waktu di mana dilarang berperang. Bulan Haram tersebut adalah bulan Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab. Justeru dalam bulan-bulan Haram ini, mereka iaitu golongan Musyrikin diberi kesempatan berfikir dan menyusun diri untuk memerangi Islam. Usai empat bulan itu, mereka boleh dibunuh di mana sahaja mereka berada kerana bagi mereka yang tidak mengambil kesempatan bertaubat dalam masa empat bulan, tandanya mereka tertumpu kepada menyusun strategi dan kekuatan untuk melawan orang Islam.

Oleh itu, ayat ini menjelaskan secara perintah, untuk terus memerangi golongan Musyrikin ini yang masih belum tunduk kepada Islam. Mereka tidak lagi diberi kesempatan. Turutannya seperti disusun Buya Hamka, bahawa mereka bermula dengan melawan mereka bermaksud mereka tidak lagi diberi peluang, kemudian ditangkap ketika berlawan, kemudian

²⁵⁶ *Ibid.*, 5:525.

mengepung mereka tatkala berkumpul di suatu tempat, serta mereka ditunggu di setiap tempat pengintaian. Oleh itu jelas bahawa hal-hal memerangi golongan Musyrikin ini hanya dilakukan setelah berakhir masa empat bulan Haram tersebut iaitu sejak 10 Zulhijjah tahun kesepuluh Hijriah sehingga 10 Rabiulakhir tahun kesebelas Hijriah.²⁵⁷

Wajar untuk dilihat perkaitan tafsiran ayat ke-5 ini dengan ayat sebelumnya iaitu ayat ke-4 surah al-Tawbah, apabila Allah menegaskan tentang pentingnya janji yang dimeterai dengan pihak yang dipersetujui. Buya Hamka menerangkan perihal pengecualian daripada empat bulan iaitu sekiranya diikat dengan suatu janji yang telah ditetapkan masanya, lebih daripada tempoh 4 bulan tersebut. Yang pertama dan dihabiskan setelah 4 bulan sehingga yang dimaklumkan, maka ia adalah perjanjian yang tidak ditetapkan batas waktunya iaitu tamat setelah empat bulan tersebut. Namun, jika ada perjanjian lain yang waktunya lebih daripada tempoh 4 bulan, maka janji tersebut di teruskan sehingga habis tempohnya. Apabila tempoh telah tamat, perjanjian baru tidak dilakukan lagi seperti yang dijelaskan pada ayat ke-4:

ثُمَّ لَمْ يَنْفُصُواكُمْ شَيْئًا وَلَا يُظَاهِرُوا عَلَيْكُمْ أَحَدًا

Al-Tawbah 9:4

Terjemahan: Kemudian mereka tidak mencabuli perjanjian kamu itu sedikitpun, dan mereka tidak menolong seorangpun yang memusuhi kamu.

Apa yang jelas dalam hal ini adalah janji dengan pihak tersebut dihormati dan dipelihara sehingga habis tempohnya, tetapi jika janji yang dimeterai dimungkiri atau musuh Islam

²⁵⁷ Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (Hamka), *Tafsir al-Azhar* (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2012), 3:2851-2852.

dibantu dalam tempoh perjanjian itu berlaku, maka perjanjian itu sendiri menjadi terbatal walaupun tempoh belum tamat. Hal ini kerana terdapat pihak yang memungkiri janji. Dalam ayat ke-4 ini Allah memberi peringatan:

﴿فَأْتُوا إِلَيْهِمْ عَهْدَهُمْ إِلَىٰ مُدَّتِهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَّقِينَ﴾ ﴿٤﴾

Al-Tawbah 9:4

Terjemahan: Maka sempurnakanlah kepada mereka perjanjian mereka sehingga (habis) tempohnya. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertaqwa.

Pentafsiran daripada ayat ini menerangkan bahawa Allah memerintahkan kepada Rasulullah SAW agar memelihara janji dan memenuhi janji sebagaimana yang telah ditetapkan. Pada hujung ayat ke-4 daripada surah al-Tawbah ini Allah mengukuhkan bahawa Dia amat mencintai orang yang bertakwa, merujuk kepada mereka yang memelihara janji. Daripada ayat ini dapat difahami bahawa Islam mewajibkan untuk memuliakan janji dan memelihara janji yang dimeterai tanpa mencari alasan untuk memungkirinya. Buya Hamka ketika membahaskan perihal takwa, ia mengandungi dua pengertian: pertama, memelihara janji dengan sesama manusia dan yang kedua, memelihara bakti kepada Allah, sehingga tidak ada maksud-maksud jahat untuk membebaskan diri daripada janjia itu walaupun perjanjian berlaku dengan musuh. Ayat ini ketika ia diturunkan, Islam sudah mencapai keteguhan dan kekuasaan sehinggakan kalau janji dimungkiri, pihak musuh atau musyrikin ketika itu tidak dapat berbuat apa-apa lantaran hilangnya kekuatan.²⁵⁸

²⁵⁸ Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (Hamka), *Tafsir al-Azhar* (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2012), 3:2852.

Impak daripada pemahaman ayat yang benar daripada tafsiran ayat ini, dalam masa empat bulan yang dinyatakan dalam ayat itu begitu ramai Musyrikin dari segenap penjuru Tanah Arab datang dengan tujuan memeluk agama Islam. Orang Musyrikin tidak bangkit setelah perjanjian Hudaibiyah pada tahun ke-6 Hijriah, penaklukan Khaibar pada tahun ke-7 Hijriah dan penaklukan Kota Makkah al-Mukarramah pada tahun ke-8 Hijriah. Pada empat bulan yang diberi kesempatan itu, hanya untuk menghabiskan sisa kekuatan Musyrikin sahaja. Setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW, Abu Bakar RA menyelesaikan pula pemberontakan daripada pemimpin-pemimpin yang jauh dari Madinah. Walaupun hanya 2 tahun, Abu Bakar RA melaksanakan kehendak yang termaktub dalam ayat ke-5 surah al-Tawbah ini dengan baik. Seluruh Musyrikin dan mereka yang murtad daripada kalangan orang Arab tunduk pada zaman terakhir dalam fasa pemerintahan beliau. Maka, dapat dilihat pentafsiran ayat ke-5 saling terkait rapat dengan ayat ke-4 surah al-Tawbah ini dalam memahami isu *Sword Verse* yang timbul untuk memecahbelahkan pemahaman orang Islam dan sesiapa sahaja yang ingin memahami isi al-Quran sebagai wahyu daripada Allah. Pentafsiran secara ilmu bahasa secara dasar dan mendalam juga adalah penting bagi memahami kehendak ayat yang sebenar.

Meneliti betapa pentingnya pemahaman tafsir al-Quran dari sudut ilmu bahasa, pengkaji mendapati perbahasan yang dibawakan oleh Tengku Intan Zarina mengenai al-Quran wahyu atau produk realiti merupakan perbahasan yang penting untuk melihat sumber ilmu bahasa yang benar dalam mentafsirkan al-Quran sesuai dengan kehendak sebenar wahyu. Hal ini dilihat apabila Muslim Liberal mendakwa bahawa al-Quran adalah sesuatu yang lahir daripada kebudayaan dan realiti. Antara dakwaan yang dikemukakan Muslim Liberal adalah:

1. *Asbāb Nuzūl* yang dikaitkan dengan peristiwa yang berlaku. Dakwaan bahawa al-Quran memberikan tidak balas atau respon terhadap realiti yang berlaku, memberi jawapan pertanyaan semasa.

Hal ini bagaimana pun dijelaskan sebagai tidak tepat kerana al-Quran tidak diturunkan menurut peristiwa dan realiti mahupun respon bagi pertanyaan sesuatu yang berlaku. Hal yang jelas perlu difahami adalah tidak semua al-Quran disertai asbab nuzul. Seperti dijelaskan oleh Manna al-Qaṭṭān, al-Quran diturunkan sebagai permulaan mengenai iman, kewajipan dan syariat Allah bagi kehidupan individu dan masyarakat.²⁵⁹ Al-Quran juga diturunkan sebagai akibat daripada peristiwa dan persoalan. Justeru, tidak dapat dinafikan bahawa *Asbāb Nuzūl* adalah wasilah terbaik dalam memahami makna ayat al-Quran.

2. Muslim Liberal turut mendakwa al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab, memperlihatkan bahawa bahasa adalah lahir daripada kebudayaan. Dakwaan yang berkaitan juga menyebut bahawa al-Quran menggunakan bahasa Arab yang menjadi kegunaan masyarakat Jahiliyyah ketika al-Quran itu diturunkan.

Dakwaan Muslim Liberal dalam konteks ini dibalas dengan penghujahan bahawa risalah nabi yang dibawakan dalam bahasa yang sama digunakan oleh umatnya menjadikan ia dapat diterima. Hal yang sama juga dalam konteks bagaimana Rasul menerima wahyu daripada Allah SWT dalam bahasa yang digunakan oleh Rasul itu sendiri, bukan sebaliknya. Bahasa Arab merupakan medium yang digunakan dalam wahyu bersesuaian dengan kefahaman Rasul dan umat daripada kalangan orang Arab pada waktu itu. Menurut catatan sejarah, al-Quran diturunkan dengan *sab'ah aḥruf* untuk mempermudah umat Islam.

²⁵⁹ Manna' al-Qaṭṭān, *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 75-76.

Dalam memahami bahasa Arab yang dipilih sebagai bahasa al-Quran, penyelewengan daripada masyarakat Arab Jahiliyyah seperti penyembahan berhala, berjudi, penzinaan dan lain-lain adalah tetap ditolak. Dari sudut bahasa, bahasa Arab yang terdapat al-Quran adalah berbeza dengan kosa kata *Sya'ir Jahilī*.²⁶⁰

Buya Hamka dalam menerangkan perihal penyelewengan tafsiran al-Quran, menjelaskan bahawa usaha Orientalis daripada kalangan orang Yahudi dan Nasrani hakikatnya tidak dapat membantah kebenaran bahawa al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah wahyu daripada Allah. Usaha menjatuhkan Islam dengan ingin membuktikan bahawa al-Quran sebagai karangan Nabi Muhammad SAW semata-mata dilakukan dalam jangka masa yang panjang, sehingga berlangsungnya penyelidikan ilmu-ilmu Islam secara mendalam. Namun ramai antara mereka tertarik lantaran kesaksian terhadap agama Islam itu sendiri sehingga mereka memeluk Islam.²⁶¹

Manakala Wahbah al-Zuhailī dalam merungkai tafsiran ayat ke-5 surah al-Tawbah sebagai ayat yang penting dalam isu *Sword Verse* ini, beliau memasukkan *I'rāb* bahasa Arab dan *Balāghah* bagi ayat ini. Pertama dari sudut *I'rāb*, Wahbah al-Zuhailī menjelaskan *I'rāb* bagi *كل مرصد* yang mengandungi *hadhaf ḥarf al-jar* dan kedua dari sudut *Balaghah*, penggunaan kalimah *انسليخ* sebagai *Isti'ārah* seperti terpisahnya haiwan daripada kulitnya, menunjukkan tamatnya tempoh bulan-bulan Haram yang dinyatakan dalam ayat ke-5 surah al-Tawbah. Munasabah ayat yang dijelaskan Wahbah al-Zuhailī menerusi ayat ini adalah bahawasanya ayat ini adalah cabang daripada ayat-ayat sebelumnya yang menjelaskan

²⁶⁰ Tengku Intan Zarina Tengku Puji, "Dakwaan dan Kritikan Muslim Liberal Terhadap al-Quran dan Ilmu Tafsir," dalam *Maqasid al-Quran: Peranan & Pembudayaan*, ed. Mazlan Ibrahim, et al, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016), 127-128.

²⁶¹ Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (Hamka), *Tafsir al-Azhar* (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2012), 3:2153.

tentang berlepas (*Barā'ah*) daripada perjanjian dengan orang Musyrikin akibat daripada mereka memungkiri janji yang dimeterai, seterusnya diberikan tempoh keamanan selama empat bulan. Disebutkan juga apa yang semestinya dilakukan oleh orang beriman iaitu untuk memerangi mereka di mana pun mereka berada sama ada di tempat yang halal dilakukan peperangan atau di tempat yang haram.²⁶²

Ayat ke-5 daripada surah al-Tawbah ini dikenali sebagai ayat *al-Sayf* atau ayat pedang. Disebutkan oleh Muhammad Abdel Haleem sebagai *Sword Verse* seperti yang diulas dalam karya beliau *Exploring the Quran: Context and Impact*. Ayat ini dikenali sebagai ayat pedang lantaran terdapat perintah untuk berperang dalamnya. Ayat ini mengandungi perihal empat bulan yang tidak boleh ada pembunuhan dan peperangan antara orang Islam dan orang Musyrikin yang telah berlalu, sejak hari *Nahr* sehingga hari ke-10 bulan Rabiul Akhir. Ayat ini menjelaskan perintah apa yang perlu dilakukan oleh orang beriman terhadap orang Musyrikin yang menurut orang beriman mendokong kepentingan peperangan dengan salah satu daripada yang berikut:²⁶³

- a. Membunuh mereka di mana pun mereka berada baik di tempat yang halal untuk diperangi mahupun yang haram.
- b. Mengambil mereka sebagai tawanan sekiranya mahu. Seseorang yang ditawan adalah untuk dibunuh, diambil tebusan atau dibebaskan tanpa syarat sesuai dengan ijtihad imam (pemimpin).
- c. Mengepung mereka di benteng-benteng dan daedah-daerah mereka, menghalang mereka daripada keluar sehingga mereka menyerah dan patuh

²⁶² Wahbah al-Zuhailī, *al-Tafsīr al-Munīr* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009), 5:452-453.

²⁶³ *Ibid.*, 453.

kepada pelbagai syarat yang ditetapkan untuk mereka, kecuali diizinkan bagi mereka untuk datang menemui orang beriman dalam keadaan aman.

- d. Mengawasi dan membuntuti di setiap tempat atau jalan yang mereka lalui dalam setiap perjalanan mereka sehingga akhirnya mereka memeluk Islam atau diperangi dan sampai dimasukkan rasa takut ke dalam hati mereka.

Kalimah المرصد membawa maksud tempat untuk mengintai musuh untuk diserang secara tiba-tiba.

Daripada ayat ini juga Allah menjelaskan jika mereka orang Musyrikin bertaubat daripada kekufuran dan kemusyrikan yang menjadi sebab diperangi dan dimusuhi kemudian mereka mengucapkan dua kalimah syahadah, menegakkan perintah-perintah yang terkandung pada dua kalimah syahadah dan konsisten dengan rukun-rukunnya, seperti solat dan membayar zakat, maka biarkan dan bebaskan mereka. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun terhadap sesiapa jua yang meminta ampun kepada-Nya dan Maha Pengasih terhadap sesiapa jua yang bertaubat kepada-Nya. Justeru dapat dilihat bagaimana Allah memperkaitkan solat kemudian zakat lantaran solat adalah rukun terpenting setelah dua kalimah syahadah, seterusnya zakat yang mana merupakan amal yang bersifat mempunyai hubungan dengan manusia lain yang dapat merungkai masalah kemiskinan serta memberi manfaat kepada orang-orang fakir. Lantaran itulah Allah sentiasa menggandingkan solat dan zakat dalam al-Quran kerana kepentingan kedua-duanya dalam kehidupan manusia secara menyeluruh.²⁶⁴

²⁶⁴ *Ibid.*, 454.

Meneliti bagaimana pentingnya Jizyah bagi mereka yang belum memeluk Islam dan zakat bagi mereka yang beriman, kedua-dua penetapan hukum dalam syariat ini begitu selari perkaitannya dalam perbahasan ayat ke-5 dan ke-29 surah al-Tawbah. Zakat adalah kewajipan kepada umat Islam yang disalurkan kepada 8 golongan asnaf yang telah ditentukan dalam al-Quran. Manakala Jizyah adalah kewajipan kepada golongan bukan muslim untuk mengeluarkan sejumlah bayaran kepada pemerintah Islam pada zaman semasa dengan tujuan keterjaminan hidup di wilayah Islam tersebut.²⁶⁵

Jadual 4.1 Perbezaan Zakat dan Jizyah

	Zakat	Jizyah
Perintah	Kewajipan langsung daripada Allah kepada umat Islam	Aturan pemerintah sebagai pampasan perlindungan jiwa, harta, iabadah dan tanggungjawab ketenteraan non-muslim.
Mereka yang diwajibkan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Individu Muslim 2. Mampu secara material, memenuhi kriteria nisab dan haul 3. Dibebankan kepada kekayaan atau keuntungan, bukan atas modal kerja 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dibebankan kepada kafir Dhimmi yang tinggal di negara Islam 2. Mampu secara material 3. Ditunaikan secara kolektif mahupun individu
Objek Barang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pertanian dan perkebunan 2. Haiwan ternakan 3. Simpanan (Tabungan/pelaburan/aset) 4. Emas dan perak 5. Barang temuan 6. Barang dagangan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dinar atau dirham 2. Apabila tidak memiliki dinar atau dirham, dapat diganti dengan barangan lain yang berharga
Pengaruh Jumlah	<ol style="list-style-type: none"> 1. Semakin tinggi peran pengelolaan manusia terhadap alam, maka kecil pula zakatnya 2. Berkadar 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Berdasarkan kemampuan material 2. Berdasarkan individu atau kolektif
Waktu Ditunaikan	Diambil secara berkala setahun sekali, sesuai masa perolehan atau tuaian	Dikutip seumur hidup selama belum beriman, kecuali setelah masuk Islam kerana dikenakan pula kewajipan sebagai muslim

²⁶⁵ Wahyu Nugroho, Syamsuri dan Syamsuddin Ariff, "Zakat dan Jizyah Sebagai Pengendali Sistem Moneter: Sebuah Kajian Konseptual," *Islamic Economics Journal* 5. 2 (2019), 173-174.

Sumber: Wahyu Nugroho, Syamsuri dan Syamsuddin Ariff, *Zakat dan Jizyah Sebagai Pengendali Sistem Moneter: Sebuah Kajian Konseptual*.²⁶⁶

Justeru apabila pentafsiran ayat al-Quran dihalakan daripada pemahaman yang jelas dan benar, ia dapat menjernihkan salah faham dan salah tafsir yang berlaku seperti mana *Sword Verse* iaitu ayat ke-5 daipada surah al-Tawbah diangkat menjadi isu oleh Orientalis bahawa Islam hanya memberikan dua pilihan kepada orang kafir dalam perjanjian dengan orang Islam, iaitu memeluk agama Islam atau dibunuh. Namun, pemahaman yang jelas menerusi ayat ke-29 yang menjelaskan perihal Jizyah telah menerangkan bahawa mereka diberi kesempatan untuk tetap hidup di dalam negara yang berada di bawah taklukan orang Islam dengan syarat orang kafir Dhimmī tersebut menunaikan pembayaran Jizyah sebagai jaminan hidup di negara Islam.²⁶⁷

Dalam hal ini, pengkaji menyimpulkan bahawa isu-isu salah tafsir al-Quran dapat diperbetulkan dan dielakkan apabila pentafsiran mengambil berat aspek ilmu bahasa dalam memahami ayat-ayat al-Quran terutamanya yang diangkat menjadi isu sebagai usaha menjatuhkan Islam oleh ahli akademik Barat dan Orientalis. Ilmu bahasa Arab yang mendalam adalah mustahak agar konteks ayat dapat difahami dengan menjalin gabung aspek logik akal serta aspek latar belakang sejarah untuk mengemukakan pentafsiran al-Quran yang dapat disampaikan kepada umat Islam dengan penyampaian yang jelas. Usaha Muhammad Abdel Haleem mengangkat pembetulan salah tafsir al-Quran melalui karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* adalah efektif kerana isu terpilih yang dipaparkan adalah isu yang wajar diketahui dan diambil berat oleh umat Islam khususnya.

²⁶⁶ *Ibid.*, 174.

²⁶⁷ Mohammad Ghozali et al, "Jizyah Sebuah Jaminan dalam Peradaban Islam Sebagai Tinjauan Historis," *The Periodical of Advances in Humanities and Contemporary Studies* 3. 2 (2022), 172.

4.1.3 ANALISIS PENGHUJAHAN MUHAMMAD ABDEL HALEEM TERHADAP ISU-ISU SALAH TAFSIR TEKS AL-QURAN DARI SUDUT PEMAHAMAN NAS MENGGUNAKAN LATAR BELAKANG SEJARAH

Berikutan daripada penjelasan Muhammad Abdel Haleem yang memandang latar belakang sejarah adalah metode penghujahan yang penting dalam memperbetul salah tafsir teks al-Quran, pengkaji ingin menampilkan beberapa tafsiran daripada ilmuwan klasik dan moden dalam perihal ini. Isu yang tidak lari daripada penelitian sejarah adalah daripada tafsiran teks al-Quran seputar isu Jizyah, *Sword Verse* dan Jihad. Selari dengan kepentingan mengemukakan maksud yang dibawa oleh al-Quran, Muhammad Abdel Haleem tidak hanya memfokuskan kepada aspek linguistik dan logik akal sahaja, malah juga latar belakang sejarah yang mengambil tempat.

Sayyid Quṭb dalam membincangkan soal Jizyah daripada ayat ke-29 surah al-Tawbah, beliau menyebut bahawa isu Jizyah adalah isu sejarah dan bukan isu *wāqī'iyah* yang berlaku pada zaman tersebut,²⁶⁸ Pentafsiran ayat tersebut dilakukan oleh Sayyid Quṭb dari segi asal dan dasar lantaran perkaitannya dengan persoalan *I'tiqād* dan tabiat sistem hidup Islam.

Meneliti pula tafsiran Wahbah al-Zuhailī dalam *al-Tafsīr al-Munīr*, beliau menekankan bahawa Jizyah bukanlah rekaan Islam, bahkan ianya telah diketahui dalam kalangan orang Parsi. Orang pertama yang menggubalnya adalah Kisra Anu Sharwān, lantas Umar mempraktiskannya ketika pembukaan negara Parsi.²⁶⁹ Konsep seperti Jizyah juga sudah wujud sebelum kedatangan Islam yang berbentuk ufti kepada negara yang menang dalam peperangan seperti Rom, Parsi dan Yunani. Islam kemudiannya melakukan perubahan terhadap bentuk ufti. Melalui zaman Rasulullah SAW, mereka yang bukan muslim dikenakan

²⁶⁸ Sayyid Quṭb, *Tafsīr Fī Zilāl al-Qur'ān* (Kaheerah: Dār al-Shurūq, 2003), 1634.

²⁶⁹ Wahbah al-Zuhailī, *al-Tafsīr al-Munīr* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009), 5:525.

Jizyah yang merupakan pajak yang dibebankan kepada mereka. Jizyah disyariatkan pada tahun ke-9 Hijriah iaitu setelah Perang Tabuk yang berlaku pada tahun ke-8 Hijriah. Pada waktu itu, Jizyah dikenakan terhadap orang Nasrani dari Najran dan orang Yahudi dari Yaman, namun tidak kepada Yahudi dari Madinah kerana mereka telah berdamai dengan Rasulullah SAW sebelum pensyariatkan Jizyah tersebut.²⁷⁰

Perihal Jizyah yang berbeza juga seiring perubahan zaman, pada zaman Umar RA menjadi khalifah, pembayaran Jizyah berubah daripada dikenakan kepada pemerintah mereka sahaja kepada pembayaran Jizyah secara individual yang memenuhi syarat dan kriteria mampu membayar Jizyah. Ia berubah atas dasar Ijtihad. Antara golongan yang tidak dikenakan Jizyah berdasarkan kemampuan mereka adalah golongan yang tidak mampu berperang seperti wanita, anak-anak yang belum dewasa, orang tua yang lanjut usia, orang yang cacat, lumpuh, buta, fakir yang tidak mampu berusaha, rahib dan lain-lain. Kepada golongan kafir Dhimmi yang tidak mampu bekerja atau berusaha, mereka diberi bahagian daripada baitulmal.²⁷¹

Al-Quran tidak menetapkan kadar Jizyah maka fuqaha' berselisih dalam menentukan kadarnya:

1. Al-Shāfi'i: Satu dinar ke atas yang kaya dan fakir daripada kalangan yang merdeka dan baligh, tidak berkurang sedikit pun daripadanya. Rasulullah SAW menjelaskan dengan apa yang dimaksudkan oleh Allah. Sekiranya mereka membayar lebih dari satu dinar, maka dibolehkan dan ianya diambil pada penghujung tahun.²⁷²

2. Al-Malikiyyah: Empat dinar bagi yang memiliki *al-Dhahab* (emas), empat puluh dirham bagi yang memiliki *al-Wariq* (perak), yang kaya dan miskin sama walaupun daripada

²⁷⁰ Mohammad Ghozali et al, "Jizyah Sebuah Jaminan dalam Peradaban Islam Sebagai Tinjauan Historis," *The Periodical of Advances in Humanities and Contemporary Studies* 3. 2 (2022), 170-171.

²⁷¹ *Ibid.*, 172.

²⁷² Wahbah al-Zuhaili, *al-Tafsir al-Munir* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009), 5:526.

kalangan Majusi, tidak ditambah dan dikurangkan apa yang ditetapkan oleh Umar dan tidak tidak diambil daripada mereka selain daripadanya.

3. Al-Hanafiyyah: Kadar Jizyah adalah dua belas dirham bagi yang fakir, dua puluh empat dirham bagi golongan pertengahan dan empat puluh dirham bagi yang kaya. Bayaran diambil pada awal tahun.

Sekiranya Ahli Kitab memeluk Islam, maka gugurlah kewajipan membayar Jizyah menurut sepakat fuqaha'. Hal ini seperti yang diriwayatkan oleh Ahmad, Abu Darda, al-Baihaqī dan al-Dar Quṭnī daripada Ibn 'Abbās daripada sabda Rasulullah SAW:

لَيْسَ عَلَى الْمُسْلِمِ جِزْيَةٌ

Terjemahan: Jizyah tidak dikenakan ke atas Muslim.²⁷³

Pentafsiran dari sudut *Fiqh al-Hayāh* atau hukum-hakam dari sudut tafsiran Wahbah al-Zuhailī memfokuskan kepada bagaimana ayat Jizyah ini menunjukkan bahawa ia termasuk di dalam kerangka perjanjian untuk mereka menetap di dalam negara Islam, dalam masa yang sama menjadikan mereka akur kepada hukum-hakam Islam dari segi kemajuan dan hukuman.²⁷⁴

Daripada tafsiran Buya Hamka menerusi Tafsir al-Azhar, beliau turut membincangkan aspek sejarah dalam pentafsiran ayat 29 suah al-Tawbah ini ketika mana menjelaskan bahawa wujudnya perjanjian-perjanjian untuk hidup bermasyarakat dengan baik bersama kaum Yahudi namun kaum itu mengkhianati segala janji yang diperbuat. Sehingga

²⁷³ Hadith riwayat Abu Dawud. Shu'ayb al-Arnaūṭ menyatakan bahawa sanad hadith ini *da'if* kerana antara perawinya adalah Qābus ibn Abī Zibyān yang dianggap lemah. Lihat Abi Dawūd Sulaymān ibn al-Ash'ath ibn Ishāq al-Azdī al-Sijistani, *Sunan Abī Dawūd*, ed. Shu'ayb al-Arnaūṭ (Dimashq: Dār al-Risālah al-'Ālamiyyah, 2009), 4:658-659. (Kitāb al-Kharāj wa al-Fay'u wa al-Imarah, Bab Fī al-Dhimmi Yuslim fi Ba'd al-Sanah, A'Alayhi Jizyah, no. hadith 3053).

²⁷⁴ Wahbah al-Zuhailī, *al-Tafsīr al-Munīr* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009), 5:528.

akhirnya Bani Nadhir diusir habis dari Madinah dan Bani Quraizah dihukum berat lantaran tindakan mereka ketika perang al-Ahzab yang mengkhianati dan bersekutu untuk memusnahkan Islam. Sehingga mereka yang berbaki di Khaibar juga ditakluk oleh Islam.²⁷⁵

Dalam latar belakang sejarah yang terhimpun, kaum Nasrani juga bermula dengan hubungan yang baik dengan kaum Muslimin sehingga Rasulullah SAW berani memerintahkan para Sahabat RA berhijrah ke Habsyah dari Makkah, demi mendapatkan perlindungan sehingga dua kali. Raja Najasyi (Negus) memeluk Islam dengan rela hati. Rasulullah SAW mengirim utusan istimewa menyeru Raja-raja Nasrani memeluk Islam, termasuklah Heraclius Raja Rum di Syam dan Muqauqis Raja Nasrani di Mesir. Persahabatan yang baik terjalin bersama orang Islam meskipun mereka tidak memeluk Islam. Namun hal ini tidak menafikan fakta sejarah bahawa Rom berkuasa di utara Tanah Arab sejak 600 tahun lebih, sejak kelahiran Nabi 'Isā AS. Disebabkan hal tersebut, ramai suku Arab yang memeluk agama Nasrani sebagai agama penjajah seperti yang diulas Buya Hamka. Sebagai salah seorang ulama kontemporari seperti Muhammad Abdel Haleem, Buya Hamka juga menekankan kepentingan memahami ayat melalui latar belakang sejarah agar mesej ayat disampaikan dengan terang tidak terseleweng. Buya Hamka mentafsirkan penghujung ayat ke-29 ini tentang '*Saghirūn*' bahawa ianya adalah apabila Ahli Kitab itu diperangi bukan untuk dihapuskan kepercayaan mereka dengan kekerasan, tetapi ditundukkan sehingga mereka tidak berkuasa dan berada dalam kekalahan. Lalu dalam kekalahan itu, mereka membayar Jizyah dengan merendah diri, tidak lagi menjajah dan memperkotak-katik nasib bangsa Arab.²⁷⁶

²⁷⁵ Haji Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (Hamka), *Tafsir al-Azhar* (Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2013), 4:2913.

²⁷⁶ *Ibid.*, 2915.

Muhammad Abdel Haleem mengangkat penghujahan latar belakang sejarah menerusi pendedahan *Asbab al-Nuzūl* atau sebab penurunan.²⁷⁷ Menekuni pentafsiran klasik, tafsir al-Ṭabari mendedahkan tafsiran ayat ke-5 surah al-Tawbah yang menjadi pokok perbincangan bagi isu *Sword verse* oleh Muhammad Abdel Haleem. Ayat ini jelas tidak lari daripada penelitian latar belakang sejarah bila mana Muhammad Abdel Haleem menukulkan di bawah subtopik '*The Historical Background*' khusus dalam perbincangan *Sword Verse*. Perjanjian Hudaibiyah adalah latar sejarah bagi ayat ini yang terjadi antara Nabi Muhammad SAW dan penduduk Makkah pada tahun ke-6 Hijrah. Muhammad Abdel Haleem menegaskan bahawa perbincangan latar belakang sejarah adalah jelas dengan keadaan teks al-Quran itu sendiri memberi pencerahan bagi peristiwa tersebut.²⁷⁸

Dari sudut lain, tidak dapat dinafikan bahawa latar belakang sejarah bagi ayat dalam al-Quran mempunyai perkaitan rapat dengan *Asbāb Nuzūl*. Mannā' al-Qaṭṭān dalam *Mabāhith fi 'Ulūm al-Qur'ān* mengemukakan faedah dengan mengetahui *Asbab Nuzul* ayat al-Quran.²⁷⁹

- a. Penjelasan berhikmah yang membawa kepada pensyariatan hukum-hakam Islam dan meraikan syara' demi masalah umum dalam berinteraksi dengan pelbagai peristiwa yang berlaku sebagai rahmat bagi umat ini.
- b. Pengkhususan hukum daripada ayat yang turun jika bentuknya dalam sighth umum dengan wujudnya sebab, merujuk kepada kaedah *al-'ibrah bikhuṣūṣ al-sabab lā bi 'umūm al-lafẓ* yang bermaksud 'pengajaran (sesuatu) itu diambil daripada khususnya sebab, bukan umumnya lafaz'.

²⁷⁷ Muhammad Abdel Haleem, "The Sword Verse Myth" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 37.

²⁷⁸ Muhammad Abdel Haleem, "The Sword Verse Myth" dalam *Exploring the Qur'an: Context and Impact* (London: I.B Tauris & Co. Ltd, 2017), 8.

²⁷⁹ Mannā' al-Qaṭṭān, *Mabāhith fi 'Ulūm al-Qur'ān* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 74-78.

- c. Sekiranya lafaz ayat bersifat umum dan terdapat dalil lain yang mengkhususkan, maka kefahaman bagi sebab nuzul ayat tersebut adalah terhad kepada bentuk pengkhususan tersebut dan tidak boleh mengeluarkannya dari ruang lingkup yang khusus tersebut.
- d. Mengetahui *Asbāb Nuzūl* sesuatu ayat al-Quran adalah sebaik-baik cara untuk memahami makna ayat dan merungkai kekeliruan pada sebahagian ayat yang terselindung kefahamannya selama tidak diketahui sebab penurunannya.
- e. Menjelaskan tentang siapa yang disebabkan ayat itu diturunkan, sehingga ia tidak disalah gunakan dengan ditujukan kepada yang lain.²⁸⁰

Dalam meneliti ayat ke-5 daripada surah al-Tawbah pula, latar belakang sejarah yang mendasari pentafsiran al-Quran ayat ini adalah Perjanjian Hudaibiyah yang berlaku pada taun ke-6 Hijriah. Hal ini dikupas oleh Wahbah al-Zuhailī menerusi pentafsiran ayat-ayat pertama pada awal surah al-Tawbah. Perjanjian Hudaibiyah yang dimeterai telah dilanggar oleh kaum Musyrikin di Makkah, kecuali Bani Dhamrah dan Bani Kinanah. Oleh yang demikian, Allah SWT memerintahkan kaum Muslimin untuk berlepas diri daripada perjanjian-perjanjian yang dibuat bersama kaum Musyrikin lantas memberi mereka tempoh 4 bulan sebagai tempoh keamanan. Apabila tempoh yang diberi berakhir, maka kaum Muslimin akan memerangi mereka. Perjanjian-perjanjian yang dimaksudkan adalah perjanjian yang bersifat mutlak tanpa dibatasi oleh tempoh waktu tertentu. Sekiranya perjanjian dengan Rasulullah SAW tersebut di bawah tempoh 4 bulan, maka akan digenapkan sehingga 4 bulan, tempohnya adalah seperti yang disepakati itu.²⁸¹

²⁸⁰ *Ibid.*, 77.

²⁸¹ Wahbah al-Zuhailī, *al-Tafsīr al-Munīr* (Dimashq: Dār al-Fikr, 2009), 5:44

Demikian juga pandangan Faḍl Ḥassan ‘Abbas bahawa 4 bulan yang dinyatakan dalam ayat tersebut adalah tempoh yang diberikan kepada kaum Musyrikin sehingga mereka tahu mereka akan diperangi setelah tempoh tersebut. Dalam tempoh itu mereka diberi untuk bertaubat. Bulan Haram yang dinyatakan dalam ayat bukan bulan-bulan Haram yang diharamkan berperang di dalamnya iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, Muharram dan Rejab; tetapi ianya merujuk kepada bulan-bulan yang menjadi tempoh kepada orang Musyrikin untuk bertaubat. Apabila mereka bertaubat, mengerjakan solat dan membayar zakat, maka tinggalkan dan biarkan mereka lantaran mereka telah beriman.²⁸²

Oleh itu, pengkaji berpendapat dengan penekanan mendalam aspek latar belakang sejarah ayat al-Quran dapat menjelaskan lagi pentafsiran ayat al-Quran bagi menepis isu-isu salah tafsir al-Quran yang masih berlaku pada zaman ini. Merungkai pemahaman ayat al-Quran yang mempunyai *Asbāb Nuzūl* adalah antara cara terbaik memahami ayat al-Quran berdasarkan latar belakang sejarah. Pendekatan Muhammad Abdel Haleem dalam menggunakan aspek latar belakang sejarah sebagai cara menjawab salah tafsir ayat al-Quran adalah cara yang munasabah sesuai dengan masyarakat masa kini.

4.2 SUMBANGAN PEMIKIRAN MELALUI RESPON PENTAFSIRAN AL-QURAN MENURUT MUHAMMAD ABDEL HALEEM

Pentafsiran al-Quran dari sisi Muhammad Abdel Haleem telah menguak pintu baru dalam penterjemahan dan pentafsiran al-Quran sebagai seorang ilmuwan yang mempunyai didikan dari tanah Arab dan juga Barat.

²⁸² Faḍl Ḥassan ‘Abbās, *Tafsīr al-Qur’ān al-Majīd* (Amman: Jam’iyyah al-Muḥafazah ‘alā al-Qur’ān al-Karīm, 2017), 2:880-881.

Sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam pentafsiran al-Quran sebagai pendekatan yang lebih santun dalam mendepani arus globalisasi dengan kemunculan pelbagai fahaman dan ideologi. Muhammad Abdel Haleem memiliki keistimewaan sendiri dalam mentafsirkan ayat al-Quran kerana latar belakang beliau sebagai seorang yang mendapat Pendidikan di al-Azhar dan juga Cambridge University. Hasil penelitian menemukan bahawa penterjemahan Muhammad Abdel Haleem cenderung untuk memudahkan pemahaman daripada struktur yang sukar difahami serta bahasa yang membawa kemusykilan.²⁸³ Terdapat sisi liberal dalam pentafsiran al-Quran oleh Muhammad Abdel Haleem yang mana sisi liberal ini merujuk kepada keupayaan Muhammad Abdel Haleem memberikan nafas baru dalam mentafsirkan al-Quran sesuai dengan ijtihad yang didasarkan kepada al-Quran, hadith dan Qiyās.

Pendekatan yang lebih terbuka ini memudahkan pemahaman bahasa yang klasik, kiasan dan rujukan kebudayaan yang mungkin wujud dalam teks berbahasa Arab agar mesej disampaikan dengan jelas dalam bahasa Inggeris sesuai kepada khalayak yang mungkin merasa asing dengan budaya Arab atau Islam atau kedua-duanya sekali.²⁸⁴ Pendekatan beliau membawa kepada pembaharuan atau bersifat revolusioner membuatkan khalayak yang membaca tidak tertakluk pemahaman kepada pentafsiran al-Quran yang literal dan konservatif.²⁸⁵

²⁸³ Yasmine Muhammad Mahfouz Muhammad, "The Image of Women in the Interpreted Qur'an: Translations of Pickthall, Ali, Hilali and Haleem" (disertasi sarjana, American University in Cairo, Kaherah, 2014), 25.

²⁸⁴ *Ibid.*, 1-2.

²⁸⁵ *Ibid.*, 40-43.

4.2.1 KORELASI PENTAFSIRAN AL-QURAN DAN SUMBANGAN

MUHAMMAD ABDEL HALEEM DALAM PENGAJIAN ISLAM DAN AL-QURAN

Pentafsiran al-Quran di sisi Muhammad Abdel Haleem khususnya menerusi karya *Exploring the Qur'an* adalah bersifat tematik dan menyentuh beberapa isu penting sahaja, tidak membawa kepada pentafsiran keseluruhan al-Quran.

Namun yang demikian, sumbangan beliau dalam karya ini berkait rapat dengan penterjemahan beliau terhadap al-Quran yang sempurna 30 juz, ternukil di bawah judul *The Qur'an: A New Translation*. Oleh hal yang demikian, sebagaimana terjemahan ini yang didapati sebagai terjemahan terkini dalam bahasa Inggeris dapat dicapai oleh khalayak umum termasuk mereka yang bukan terdiri daripada ahli akademik, maka karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* ini juga dapat memberi pencerahan dalam pelbagai perspektif bagi isu-isu yang terkandung salah tafsir teks al-Quran, akibat daripada penterjemahan al-Quran ke dalam bahasa Inggeris yang lebih bersifat literal dan kurang berkembang.

Hal ini adalah mustahak dalam pengajian Islam dan al-Quran kerana penelitian maksud al-Quran yang lebih bersifat mudah difahami akan mengekalkan imej Islam yang luhur dan jauh daripada kekerasan seperti yang didakwa oleh golongan yang menentang Islam seperti Orientalis dan lain-lain.

Sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam keilmuan yang turut merangkumi terjemahan al-Quran dan penulisan beliau dalam bidang tafsir al-Quran, menjadi sumber rujukan penting bagi mereka yang mencari dan ingin mendalami pemahaman yang lebih tepat dalam bidang al-Quran. Terjemahan al-Quran yang disempurnakan oleh beliau dikenali sebagai tafsir yang mudah dicapai dan jelas penerangannya, sekaligus membolehkan pembaca yang bertutur bahasa Inggeris dan mempunyai asas bahasa Inggeris untuk terlibat secara langsung dalam memahami teks al-Quran itu sendiri. Dengan mempersembahkan al-Quran secara kontemporari dan dalam bahasa yang mudah difahami, Muhammad Abdel

Haleem telah membantu menghubungkan jurang antara linguistik dan kebudayaan yang kadangkala menjurus kepada salah tafsir dan salah faham.

Dalam karya-karya ilmiah beliau, Muhammad Abdel Haleem mengemukakan pandangan menerusi konteks sejarah, linguistik dan metodologi tafsiran yang berkaitan dengan al-Quran. Menerusi penelitian al-Quran dalam kerangka sosio-sejarahnya serta menggunakan pengetahuan mendalam dalam bidang pengajian bahasa Arab dan pengajian Islam, Muhammad Abdel Haleem menawarkan tafsiran al-Quran berasaskan kelimuan yang ketat.

1. Terjemahan dan pentafsiran al-Quran

Penterjemahan al-Quran yang dilaksanakan oleh Muhammad Abdel Haleem dalam bahasa Inggeris bertujuan untuk menyampaikan maksud dan mesej daripada teks asal bahasa Arab al-Quran itu sendiri dalam aturan yang lebih jelas dan mudah difahami. Dengan memberikan terjemahan yang jujur dan tepat, Muhammad Abdel Haleem membantu para pembaca khususnya mereka yang tidak memahami bahasa Arab agar dapat terus memahami al-Quran. Hal ini dapat mengurangkan kebarangkalian salah tafsir al-Quran yang berpunca daripada menyandarkan pentafsiran al-Quran kepada sumber sekunder atau terjemahan yang kurang sesuai.

2. Karya Ilmiah

Sumbangan Muhammad Abdel Haleem melalui karya ilmiah dalam bidang al-Quran adalah dengan menyelidik ke dalam pelbagai aspek melalui pentafsiran, konteks sejarah dan kemunasabahan dalam masyarakat kontemporari. Kajian beliau menyumbang kepada pemahaman yang komprehensif dalam bidang kajian al-Quran lantas dapat membantu menjawab salah tafsir dan salah faham yang timbul. Dengan menelusuri konteks linguistik,

sejarah dan kebudayaan, beliau mengemukakan pandangan penting yang dapat menghalang pernyataan yang salah atau pembacaan al-Quran yang terlalu bermudah-mudahan.

3. Pengajaran dan *mentoring*

Penglibatan Muhammad Abdel Haleem dalam pengajaran dan *mentoring* para pelajar membolehkan beliau menyampaikan ilmu dan kepakaran beliau secara langsung sekaligus memberi panduan kepada pelajar dan pengkaji dalam bidang al-Quran.. Dengan mendidik ilmuwan dan pengkaji masa hadapan, Muhammad Abdel Haleem ternyata telah berjasa dalam melahirkan generasi yang terdiri daripada ilmuwan al-Quran yang lengkap serba-serbi untuk menganalisis al-Quran dengan kritikal dan juga menjawab sebarang salah tafsir teks al-Quran itu sendiri. Dengan menyediakan fakta yang tepat dan menggalakkan pemikiran kritis, Muhammad Abdel Haleem menyumbang dan memupuk pentafsiran al-Quran yang mempunyai pendekatan yang lebih bermaklumat. Panduan dan bimbingan pengajaran daripada Muhammad Abdel Haleem khususnya mampu mempengaruhi para pelajar untuk mendekati al-Quran dengan penelitian secara akademik, pemahaman kontekstual dan kekal komited untuk mengutamakan ketepatan dalam kajian.

Secara keseluruhannya, melalui sumbangan beliau dalam terjemahan dan pentafsiran, serta karya ilmiah dan pengajarannya, kesemuanya memainkan peranan yang signifikan dalam menentang salah tafsir al-Quran. Dengan menyediakan terjemahan yang tepat, analisis yang mendalam dan pandangan yang ilmiah, karya-karya beliau membantu untuk menggalakkan pemahaman yang lebih tepat tentang wahyu al-Quran.

4.2.2 IMPLEMENTASI TAFSIR ‘AQLI KONTEMPORARI DALAM

PENTAFSIRAN AL-QURAN

Implementasi *tafsīr ‘aqlī* kontemporari seperti yang dibawa oleh Muhammad Abdel Haleem memberikan nafas baharu terhadap pentafsiran al-Quran. Khusus dalam membawakan penghujahan dan penegasan yang tersendiri dalam mendepani isu-isu serius seperti Jizyah dan Jihad, Muhammad Abdel Haleem berjaya mengetengahkan sisi-sisi ilmiah beserta fakta-fakta yang dapat ditelusuri bersama rujukan terjemahan daripada ilmuwan Barat serta rujukan pentafsiran al-Quran yang merangkumi sisi ulama klasik seperti al-Ṭabarī dan Ibn Kathīr serta ulama kontemporari seperti Sayyid Quṭb dan Wahbah al-Zuhailī.

Muhammad Abdel Haleem telah menangani pelbagai salah tafsir dan salah faham berkaitan wahyu al-Quran melalui kajian ilmiah beliau. Antara salah tafsir teks al-Quran yang diperjelaskan adalah:

1. Salah tafsir secara kontekstual

Al-Quran diturunkan selama beberapa tahun dalam konteks sejarah dan sosial yang berbeza. Salah tafsir boleh berlaku apabila ayat-ayat yang dikeluarkan daripada konteks sejarahnya atau apabila keadaan khusus wahyu tersebut diabaikan. Ilmuwan seperti Muhammad Abdel Haleem bertujuan memberikan pemahaman dengan mempertimbangkan konteks di mana ayat-ayat itu diturunkan.

2. Salah tafsir secara literal

Salah tafsir al-Quran boleh wujud apabila al-Quran dibaca secara literal tanpa mengambil kira pelbagai unsur literal dan retorik yang digunakan dalam teks. Al-Quran mengandungi alegori, metafora dan simbolik yang memerlukan pemahaman yang lebih mendalam. Oleh

kerana itu, Muhammad Abdel Haleem menekankan kepentingan mentafsir al-Quran secara holistik, dengan mengambil kira aspek sastera dan mesej secara keseluruhan.

3. Memilih ayat secara selektif untuk kepentingan tertentu

Salah tafsir boleh berlaku apabila individu secara selektif memetik ayat-ayat terpencil tanpa mengira konteks al-Quran yang lebih luas. Hal ini kerana individu yang mentafsirkan al-Quran memetik ayat secara selektif tanpa mengira konteks al-Quran yang lebih luas. Ini boleh menyebabkan penyelewengan bagi mesej al-Quran yang dimaksudkan. Para ilmuwan Islam termasuk Muhammad Abdel Haleem sering menekankan keperluan membaca ayat-ayat al-Quran secara keseluruhan dengan mengambil kira prinsip-prinsip tafsir dan kesinambungan mesej al-Quran. Ulama dan ilmuwan menekankan keperluan untuk memahami al-Quran secara keseluruhan dan mentafsirkan ayat al-Quran berdasarkan ayat-ayat lain dan keseluruhan mesej al-Quran itu sendiri.

4. Mengabaikan ajaran etika dan moral

Al-Quran menekankan nilai etika dan prinsip moral. Salah tafsir boleh berlaku apabila hal ini diabaikan atau apabila ayat ditafsir secara berasingan daripada kerangka etika yang lebih luas. Ilmuwan seperti Muhammad Abdel Haleem memberi penerangan tentang etika dalam Al-Quran yang menyeluruh, merangkumi keadilan, belas, kasihan dan hak asasi manusia.

5. Salah guna pentafsiran ayat al-Quran

Individu mungkin menggunakan ayat al-Quran secara salah untuk membenarkan kepercayaan atau tindakan yang melampau. Ulama dan ilmuwan berusaha untuk memberikan pemahaman yang seimbang tentang ajaran al-Quran.

6. Kecenderungan kebudayaan

Terdapat salah tafsir yang berlaku disebabkan oleh kecenderungan kebudayaan ketika mendekati al-Quran. Ulama berusaha untuk menggalakkan pendekatan kritis dan objektif terhadap al-Quran, memfokuskan kepada pemahaman mendalam tentang konteks dan ajaran asal al-Quran tanpa menyelewengkan maksud asal al-Quran.

Sememangnya bidang tafsiran al-Quran adalah bidang yang luas dan para ulama dan ilmuwan berusaha menangani pelbagai salah tafsir teks al-Quran. Sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam usaha sedemikian berterusan untuk memberikan tafsiran yang tepat yang menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang wahyu al-Quran.

4.3 KESIMPULAN

Daripada penelitian yang dilakukan pengkaji dalam analisis penghujahan Muhammad Abdel Haleem dalam isu-isu terpilih ini, penghujahan beliau memerlukan kepada penguasaan ilmu yang kukuh khususnya dari segi penghujahan secara logik akal, bahasa dan penelitian latar belakang sejarah yang terkait, Pentafsiran yang dilakukan beliau tidak bersifat tegang dan terkongkong dari satu sudut sahaja, malah aspek logik akal, bahasa dan data sejarah menjadikan pentafsiran beliau membuka mata khalayak untuk melihat Islam dan pentafsiran al-Quran dari sudut berbeza, iaitu sudut yang lebih positif dan jauh daripada penyelewengan seperti yang telah berlaku dalam nukilan karya-karya tafsir dan terjemahan sebelum karya-karya beliau.

Pengkaji juga melihat bahawa kajian ini tidak lari daripada pengamatan terhadap terjemahan-terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris yang telah dinukil sebelum terjemahan Muhammad Abdel Haleem iaitu *The Qur'an: A New Translation*. Terjemahan oleh Muhammad Abdel Haleem menjadi tunjang dalam siri perbincangan dalam karya beliau *Exploring the Qur'an: Context and Impact*.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 PENGENALAN

Hubung kait yang jelas antara penterjemahan dan pentafsiran al-Quran mengangkat al-Quran kepada kefahaman yang benar. Inilah yang ingin dicapai oleh Muhammad Abdel Haleem menerusi karya beliau *Exploring the Qur'an: Context and Impact*. Keseluruhan kajian ini dilaksanakan bagi menekuni sumbangan Muhammad Abdel Haleem dalam mengangkat penghujahan dalam pentafsiran al-Quran bagi menangkis salah tafsir teks al-Quran daripada penterjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris.

Karya *Exploring the Quran: Context and Impact* nukilan Muhammad Abdel Haleem adalah karya yang wajar dibaca dan diteliti oleh khalayak ramai tanpa mengira agama dan bangsa kerana ianya menyediakan pengenalan mengenai al-Quran yang komprehensif dan dapat difahami dengan sebaiknya oleh semua. Muhammad Abdel Haleem sebagai seorang ilmuwan dalam bidng pengajian Islam menawarkan penerangan dan penjelasan yang terang dan terperinci tentang tema-tema utama dan konsep dalam al-Quran, seterusnya memaparkan konteks dari sudut sejarah dan kebudayaan dalam pemahaman teks.

Karya ini ditulis dengan gaya yang menarik dan jelas, mengandungi rumusan yang membantu pemahaman, bersama terma utama dan cadangan untuk bacaan lanjutan. Secara umumnya, karya ini adalah sumber keilmuan yang berharga bagi sesiapa sahaja yang berminat untuk mempelajari dengan lebih mendalam mengenai al-Quran dan ajaran-ajarannya.

5.1 RUMUSAN DAN KESIMPULAN

- a. Karya Muhammad Abdel Haleem berjudul *Exploring the Qur'an: Context and Impact* ini adalah karya dalam bahasa Inggeris yang menghimpunkan artikel-artikel terpilih oleh beliau yang dirangkumkan menjadi satu karya yang sesuai untuk dirujuk seputar persoalan tema utama dalam al-Quran beserta penghujahan-penghuajahan beliau menentang salah tafsir teks al-Quran.
- b. Muhammad Abdel Haleem adalah seorang yang pakar dalam bahasa Arab dan juga dalam bidang pentafsiran al-Quran. Beliau seorang Professor dalam bidang pengajian Islam di *School of Oriental and African Studies (SOAS)* di *University of London*.
- c. Beliau menulis sebilangan karya penulisan dalam bidang al-Quran dan pengajian Islam. Beliau yang turut memiliki ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bahasa Arab dan pengajian Islam daripada SOAS, seterusnya menerbitkan beberapa buah buku dan juga artikel mengenai al-Quran dan pentafsirannya.
- d. Karya terjemahan Muhammad Abdel Haleem berjudul *The Qur'an: A New Translation* adalah karya terjemahan al-Quran yang mendapat pujian secara meluas khususnya di negara Barat.
- e. Penelitian pengkaji terhadap karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* ini memperlihatkan perbandingan antara terjemahan dan pentafsiran al-Quran daripada sudut berbeza-beza adalah penting kerana dapat menyediakan tafsiran al-Quran dan pemahaman al-Quran yang lebih jitu. Sebagai contoh, terdapat tafsiran al-Quran yang bersifat lebih literal dan telus dalam menuruti bahasa Arab yang digunakan, sedang yang lain mempunyai tafsiran yang lebih terperinci dan lebih menampilkan perpekstif dan pemahaman penulis itu sendiri.

- f. Dengan perbandingan yang dilakukan antara tafsiran, para ilmuwan dan pembaca dapat meraih pemahaman yang lebih mendalam tentang makna dan signifikansi al-Quran, di samping dapat membangunkan tafsiran yang lebih komprehensif.
- g. Impak positif yang dapat diambil daripada perbandingan pentafsiran ini adalah ianya dapat memberikan kefahaman yang lebih baik dan penghargaan yang lebih mendalam terhadap al-Quran dan ajaran-ajaran yang terdapat di dalamnya bagi khalayak ramai yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan budaya.

Dengan memaparkan perspektif yang berbilang ini, ianya dapat menyuburkan dialog yang memberikan nilai tambah yang baik dalam masyarakat seterusnya membina persefahaman dalam wujudnya perbezaan antara manusia. Hal ini akan dapat menyumbang kepada keharmonian dan keamanan negara dan antarabangsa.

5.2 SARANAN DAN CADANGAN

5.2.1 SARANAN KEPADA PENYELIDIK DAN INSTITUSI KEILMUAN

- a) Menjalankan penyelidikan terhadap al-Quran dan ajaran-ajaran di dalamnya, menerbitkan penemuan yang dihasilkan dalam bentuk jurnal akademik, buku-buku dan forum agar dapat berkongsi dapatan kajian penyelidikan dan ilmu kepada orang lain khususnya masyarakat awam.
- b) Menyertai bengkel, persidangan dan pelbagai acara keilmuan yang memfokuskan kepada al-Quran dan ajarannya, serta melibatkan diri dengan para ilmuwa lain dan ahli masyarakat untuk saling bertuar pendapat dan mempelajari sisi-sisi baru keilmuan.
- c) Bekerjasama dengan komuniti tempatan dan institusi-institusi untuk membangunkan program ilmiah dan inisiatif yang memperkenalkan

pengkajian terhadap al-Quran, sekaligus menyediakan peluang kepada orang ramai untuk mempelajari ajaran al-Quran dan mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

- d) Melibatkan diri dalam dialog dan inisiatif antara agama (interfaith) untuk meluaskan lagi pandangan tentang persefahaman dan rasa hormat terhadap tradisi keagamaan yang pelbagai wujud dalam masyarakat, seterusnya memupuk budaya keamanan dan keharmonian berdasarkan nilai-nilai dalam al-Quran.
- e) Institusi keilmuan dapat menganjurkan program-program yang berbentuk bersiri dalam memperkenalkan cabang-cabang ilmu yang banyak dan pelbagai dalam al-Quran seperti I'jāz al-Quran dan lain-lain.

5.2.2 SARANAN KEPADA MASYARAKAT

- a) Membaca dan menelaah kajian-kajian tentang al-Quran seterusnya mengambil pedoman yang dapat dimanfaatkan menerusi diskusi buku dan perkongsian perspektif bersama orang lain.
- b) Memanfaatkan rujukan mengenai al-Quran untuk mempelajari nilai-nilai dan panduannya agar dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Rujukan-rujukan yang ada pada masa kini bukan sahaja tertakluk kepada kajian daripada buku dan jurnal malahan juga daripada manfaat media sosial yang baik dan *apps* yang sesuai dapat dimuat turun dan dipasang di gajet yang digunakan setiap hari,
- c) Berkongsi nilai-nilai yang dipelajari daripada kajian terhadap al-Quran dengan mereka yang berminat dan mencadangkan rujukan yang baik kepada orang sekeliling.

- d) Menyertai acara komuniti setempat dan program yang berkaitan dengan al-Quran seterusnya melibatkan diri bersama mereka yang turut sama-sama berminat mendalami al-Quran.

5.3 PENUTUP

Bertitik tolak daripada pengkajian pentafsiran al-Quran secara tematik melalui pengamatan pengkaji terhadap karya *Exploring the Qur'an: Context and Impact* oleh Muhammad Abdel Haleem ini, kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif yang digariskan pada awal kajian dengan matlamat memaparkan keistimewaan karya ini dalam menangani salah tafsir teks al-Quran seputar isu-isu penting masa kini.

Akhir sekali, diharapkan agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca, penyelidik dan institusi keilmuan agar lebih banyak kajian dapat dijalankan dengan skop kajian yang lebih meluas dalam membina kefahaman yang lebih baik terhadap al-Quran bagi khalayak masyarakat tempatan dan antarabangsa.

BIBLIOGRAFI

1. Buku Ilmiah

Abdullah Saeed, *Interpreting the Qur'an: towards a contemporary approach*. New York: Routledge, 2006.

Abdulmalik Abdulkarim Amrullah (Hamka), *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd, 2012.

Abī 'Īsā Muḥammad ibn 'Īsā ibn Sūrah ibn Mūsā al-Tirmidhī, "Jāmi' al-Tirmidhī" dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ ibn 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008.

Abī Dāwūd Sulaymān ibn al-Ash'ath ibn Ishāq al-Azdī al-Sijistānī, "Sunan Abī Dāwūd" dalam *Mawsū'ah al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ ibn 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaykh. Riyāḍ: Dār al-Salām, 2008.

Abu al-Hasan 'Ali al-Wahidi al-Naisaburi, *Asbab al-Nuzul*. Al-Dammam: Dar al-Islah, 1992.

Abu al-Qasim al-Zamakhshari, *Tafsir al-Kashshaf*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2009.

Abū Ḥayyān al-Andalusī, *al-Baḥr al-Muḥīṭ fī al-Tafsīr*. Beirut: Dār al-Fikr, 2010.

Adian Husaini, *Membendung Arus Liberalisme di Indonesia*. Jakarta: Pustaka al-Kauthar, 2009.

Adian Husaini, *Wajah Peradaban Barat dari hegemoni Kristen ke Dominasi Sekular-Liberal*. Jakarta: Gema Insani, 2005.

Adnan M. Zarzour, *The Quran and Its Study*. Kuala Lumpur: Centre of Qur'anic Research, 2015.

Ahmad Sahidah Rahem, "Kajian al-Qur'an Menurut Pentafsir Muslim dan Pengkaji Orientalis" dalam *Tuhan Manusia & Alam dalam al-Quran: Pandangan Toshihiko Izutsu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2014.

- Ahmad Sunawari Long, *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2011.
- ‘Alī Muḥyi al-Dīn al-Qurrah Daḡhī, *al-I’jāz al-Tashrī’ī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*. Qatar: Maktabah al-Aqsa al-Islamiyyah, 1988.
- Al-Tabari, *Tafsir al-Tabari*, ed. Bashshar ‘Awad Ma’ruf. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1994.
- Al-Zamakhshari, *Tafsīr al-Kashshāf*. Beirut: Dār al-Ma’rifah, 2007.
- Donald Hall, *British Orders, Decorations and Medals*. Britain: Balfour Publications, 1973.
- Faḡl Ḥassan ‘Abbās, *I’jāz al-Qur’ān*. ‘Ammān: Jāmi’ah al-Quds al-Maftāḡah, 1997.
- Faḡl Ḥassān ‘Abbās, *al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn: Asāsiyyatuhu wa Ittijāḡātuhu wa Manāḡihuhu fī ‘Asr al-Ḥadīth*. ‘Ammān: Dār al-Nafā’is, 2016.
- Faḡl Ḥassan ‘Abbās, *Tafsīr al-Qur’ān al-Majīd*. ‘Ammān: Jam’iyyah al-Muḡafaḡah ‘alā al-Qur’ān al-Karīm, 2017.
- Fahd ibn ‘Abd al-Raḡmān ibn Sulaymān al-Rūmī, *Manhaj al-Madrasah al-‘Aqliyyah al-Ḥadīthah fī al-Tafsīr*. Beyrut: Mu’assasah al-Risālah, 1986.
- Fairuz Abadi, *Al-Qāmūs al-Muḡīḡ*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 2005.
- Gabriel Said Reynolds, *The Qur’an and Its Biblical Subtext*. United Kingdom: Routledge, 2010.
- Hashim Musa, *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysua: Menghadapi Globalisasi Barat*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004.
- Ḥikmah ‘Ābid al-Khafāji, *al-Tafsīr al-Mawḡū’ī li al-Qur’ān al-Karīm wa Mawḡū’ātihi*. ‘Ammān: Dār al-Riḡwan, 2012.
- Ibn ‘Ashur, *Tafsīr al-Taḡrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dār Suḡnun, 1997.
- Illustrated Oxford Dictionary*. Great Britain: Oxford University Press, 1998.

- Jalal al-Din al-Mahalli dan Jalal al-Din al-Suyuti, *Tafsir al-Jalalayn al-Muyassar*. Beirut: Maktabah Lubnan Nashirun, 2003.
- John L. Esposito, *Ancaman Islam: Mitos atau Realiti: The Islamic Threat: Myth or Reality*, terj. Nor Azita Omar. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2004.
- Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 1540, entri “sumbangan.”
- Khālid ‘Abd al-Raḥmān al-‘Akk, *Uṣūl al-Tafsīr wa Qawā'iduhu*. Beirut: Dār al-Nafā'is, 1986.
- Mazlan Ibrahim, et al, *Maqasid al-Quran: Peranan & Pembudayaan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016.
- Mazlan Ibrahim et al., “Metodologi Modenis dalam Memahami Nas al-Qur'an al-Karim” dalam *Modenis Melayu dan Tafsiran al-Quran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Muḥammad ‘Alī al-Ṣābūnī, *al-Tibyān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: ‘Ālim al-Kutub, 1985.
- Muḥammad Ḥusayn al-Dhahabi, *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2005.
- Muhammad Yasin, *Orientalis Menuduh Ulama Menjawab*, terj. Shofa‘u Qolbi. Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2009.
- Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori Dan Metod*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2005.
- Mannā‘ Khaliīl al-Qaṭṭān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah Nāshirūn, 2006/1973.
- Nizaita Omar, *al-Quran dan Pemikiran Manusia*. Terengganu: Penerbit UMT, 2011.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., “Menangani Fenomena Ekstremisme Agama Mengikut Perspektif Maqasid Syariah,” dalam *Maqasid al-Shari‘ah: Aplikasi dalam*

- Aspek Sosial dan Perundangan*, ed. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli dan Shahidra Abdul Khalil. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, 2016.
- Ramli Awang, *Pemikiran Islam: Aliran & Gagasan*. Johor: Penerbit UTM Press, 2012.
- Sabitha Marican, *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd, 2005.
- Şalāh ‘Abd al-Fattāh al-Khālidi, *al-Bayān fi I’jāz al-Qur’ān*. ‘Ammān: Dār ‘Ammār, 2014.
- Şalāh ‘Abd al-Fattāh al-Khālidi, *Madkhal ilā Zilāl al-Qur’ān*. ‘Ammān: Dār ‘Ammār, 2000.
- Şalāh ‘Abd al-Fattāh al-Khālidi, *Mafātīh Li al-Ta’āmul Ma’a al-Qur’ān*. Dimashq: Dār al Qalam, 2013.
- Şalāh ‘Abd al-Fattāh al-Khālidi, *Ta’rīf al-Dārisīn Bi Manāhij al-Mufasssiriin*. Dimashq: Dār al-Qalam, 2012.
- Sayyid Qutb, *Tafsir Fi Zilal al-Qur’an*. Kaherah: Dar al-Shuruq, 2003.
- Syed Arabi Idadi, *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1998.
- Thameem Ushama, *Methodologies of the Qur’anic Exegesis*. Kuala Lumpur: AS Noordeen, 1995.
- Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, “Dakwaan dan Kritikan Terhadap al-Quran dan Ilmu Tafsir” dalam *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017).
- Tengku Intan Zarina Tengku Puji dan Mazlan Ibrahim, “Sejarah Penyelewengan dalam Ilmu Tafsir” dalam *Penyelewengan dalam Tafsir al-Quran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017.

Ugi Suharto, *Pemikiran Islam Liberal: Pembahasan Isu-isu Sentral*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar, 2007.

‘Umar Sulaimān ‘Abd Allah al-Ashqar, “Hājah al-Bashariyyah ila al-Rusul wa al-Risālāt” dalam *al-Rusul wa al-Risālāt*. Kuwait: Dār al-Nafā’is, 1989.

Wahbah al-Zuhailī, *Al-Qur’ān al-Karīm: Bunyatuhu al-Tashrī’īyyah wa Khaṣā’isuhu al-Ḥadariyyah*. Dimashq: Dār al-Fikr, 1998.

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin dan Abdul Hanis Embong, *Pendekatan Tafsir al-Quran dalam Sejarah Tafsir al-Quran & Aliran-aliran Tafsir Kontemporari*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2017.

Yusuf al-Qaradawi, *Ghayr al-Muslimin fi Mujtama’ al-Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1992.

Yusuf al-Qaradawi, *Islam Agama Wasatiy: Menanggapi Wasatiyyah dan Ekstremisme Menurut Pandangan Syarak: Kalimatun Fi al-Wasatiyyah al-Islamiyyah dan al-Islam wa al-‘Unf*. Kuala Lumpur: Ilham Books, 2017.

Yūsuf al-Qaradāwī, *Kayf Nata’āmal Ma’a al-Qur’ān al-‘Azīm*. Kaherah: Dār al-Shurūq, 2000.

2. Tesis dan Disertasi

Abd al-Halim Salih Muhammad ‘Ali al-Bukai, “*Al-Ijāz al-Tashrī’ī Dirāsah Wasafiyyah Tahliyyah Istinbātiyyah Bi al-Tatbiq ‘alā Huqūq al-Insān.*” Tesis kedoktoran, Sudan University of Science and Technology, 2014.

Abdul Hafiz bin Abdullah, “Pengaruh Persekitaran dalam Pentafsiran al-Qur’an: Kajian Terhadap Tafsir al-Azhar.” Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.

- Abū Ḥayyān al-Andalusī, *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīṭ*, ed. Shaykh ‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd. Beyrut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1993.
- Aḥmad Muḥammad Aḥmad al-Karnaz, “al-I’jāz al-Tashrī’ī li Ayat al-Hajj fi al-Qur’ān al-Karīm.” Disertasi sarjana, Islamic University of Gaza, 2008.
- Anggid Awiyat, “Propaganda Barat Terhadap Islam dalam Film.” Disertasi sarjana, Universitas Sebelas Maret, 2009.
- Hanif Mudhofar, “Epistemologi Tafsir Abdel Haleem (Studi Kitab *Understanding The Qur’an: Themes and Style*.” Disertasi sarjana, UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2016.
- Mohd Zulfahmi bin Mohammad, “Tafsir al-Quran oleh Orientalis: Kajian Terhadap the *Koran Translated with A Critical Re-arrangement of the Surahs* Oleh Richard Bell.” Disertasi sarjana, Universiti Malaya, 2011.
- Muhammad Alihanafiah bin Norasid, “Konsep Modal Insan Rabbani Menurut al-Quran: Analisis Pemikiran Sa’id Hawwa dalam *al-Asās Fī Al-Tafsīr*.” Tesis kedoktoran, Jabatan al-Quran dan al-Hadith Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2016.
- Muhammad Rusydi bin Mohamed, “Tafsir bi Al-Ra’yi: Kajian Terhadap Pemikiran Syeikh Muhammad al-Ghazali dalam ‘Al-Mahawir al-Khamsah Li al-Quran al-Karim’.” Disertasi sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2013.
- Norasyigim binti Mohammad, “*Tafsīr Bi al-Ra’y*: Kajian Terhadap Pemikiran al-Bayḍāwī dalam *Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta’wīl*.” Disertasi sarjana, Universitri Malaya, 2007.
- Noureldin Mohamed Abdelaal, *Grammatical and Semantic Losses in Abdel Haleem’s English Translation of the Holy Quran*, tesis kedoktoran, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Univeristi Putra Malaysia, 2017.

Selamat bin Amir, "Elemen Saintifik Dalam Al-Qur'an: Analisis Terhadap Tafsir Al-Sha'rawi Karangan Muhammad Mutawalli Al-Sha'rawi." Tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2016.

Yassmine Muhammad Mahfouz Muhammad, "The Image of Women in the Interpreted Qur'an: Translations of Pickthall, Ali, Hilali and Haleem." Disertasi sarjana, American University in Cairo, Kaheerah, 2014.

3. Prosiding dan Makalah

Azniwati Abdul Aziz, "Mengkagumi Syari'at Islam Menerusi Ayat al-Qur'an: Satu Penilaian Dari Sudut Saintifik." Prosiding, The 2nd Annual International Qur'anic Conference, Centre of Quranic Research, Universiti Malaya, 2012.

Hanif Mudhofar Abdul Jalil, "Penggunaan Hadith Nabi dalam Pentafsiran al-Qur'an: Tinjauan Terhadap Manhaj Abdel Haleem dalam Karya *Understanding The Qur'an: Themes and Style*." Makalah, International Conference on Sunnah Nabawiah IV (MUSNAD), Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 10-11 Oktober 2017.

Wan Adli Wan Ramli, "Liberalisme di Malaysia: Kesesatan Doktrin Liberalisme dan Respons Ahli Sunnah wal Jama'ah," Makalah, Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-9, Putrajaya, 2017.

4. Jurnal

Ahmad Khoirul Fata dan Siti Mahmudah Noorhayati, "Sekularisme dan Tantangan Pemikiran Islam Kontemporer." *Jurnal Madania: Jurnal Kajian Keislaman* 20.2, 2016.

Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, "Gerakan Orientalisme di Malaysia." *Jurnal Peradaban* 2,

2009.

Lamya Sidky, "Book Review: Exploring the Qur'an: Context and Impact", *American Journal of Islamic Social Sciences* 35, no.2, 2018.

Māzin Ismā'īl Haniyyah, "*al-I'jāz al-Tashrī'ī fī al-Kaffārāt*," *Journal Islamic University of Gaza* 17, no. 2, 2009.

Mohammad Ghozali et al, "Jizyah Sebuah Jaminan dalam Peradaban Islam Sebagai Tinjauan Historis," *The Periodical of Advances in Humanities and Contemporary Studies* 3, no.2, 2022.

Mohamad Kamil Abd Majid dan Rahimin Affandi Abd Rahim, "Perubahan Sosial dan Impaknya Terhadap Pembentukan Modal Insan Menurut Ibn Khaldun," *Jurnal Hadhari*, bil.1, 2009.

Mohamed el-Tahir el-Mesawi, "Exploring the Quran: Context and Impact Muhammad Abdel Haleem", *Majallah Kulliyah al-Sharī'ah wa al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* 36, no.2, 2019.

Mohd Faizal Abdul Khir, "Mendepani Ekstremisme: Pengajaran daripada Sejarah Kemunculan Khawarij," *Jurnal al-Tamaddun* 12, no.2, 2017.

Muhammad Sultan Shah, "A Critical Study of Abdel Haleem's New Translation of the Holy Qur'an," *Journal al-Qalam University of The Punjab*, Disember 2010.

Sa'īd bin Rāshid al-Sawafi, "*al-I'jāz al-Tashrī'ī fī Ayāt al-Dayn*," *Jurnal al-Tajdid* 21, no.41, 2017.

Saifuddin dan Habib, "Kritik Epistemologi Tafsir Kontemporer: Studi Atas Kritik Jamal al-Banna Terhadap Beberapa Pemikir al-Qur'an Kontemporer," *Jurnal Analisis* 16, no.1, 2016.

Wahyu Nugroho, Syamsuri dan Syamsuddin Ariff, "Zakat dan Jizyah Sebagai Pengendali Sistem Moneter: Sebuah Kajian Konseptual." *Islamic Economics Journal* 5. 2, 2019.

Wan Adli Wan Ramli, “Menangani Cabaran Liberalisme dalam Kalangan Muslim Berdasarkan Konsep Ijmak.” *Jurnal Usuluddin* 40, Juli – Desember 2014.

5. Laman Sesawang

Andrea Bartoli dan Peter T. Coleman, “Dealing with Extremists,” laman sesawang *Beyond Intractability*, dicapai 22 Ogos 2019,

<https://www.beyondintractability.org/essay/dealing-extremists>

Andrew Rippin, “Two New Translations of the Quran laman sesawang *Humanities and Social Sciences Online: H-Net Reviews*, dikemaskini Disember 2004, dicapai 7

Oktober 2019, <https://www.h-net.org/reviews/showrev.php?id=10080>.

“How to Get an OBE,” laman sesawang Award Intelligence, dicapai 27 Oktober 2019,

<https://www.awardsintelligence.co.uk/find-out-how-to-get-a-queens-honour/how-to-get-an-obe/>.

Khaleel Mohammed, “Assesing English Translations of The Qur’an,”laman sesawang

Middle East Forum, dicapai pada 13 Mei 2018,

<https://www.meforum.org/articles/2005/assessing-english-translations-of-the-quran>.

Qistās Ibrāhīm al-Nu’aimī , “*al-Ijāz al-Tashrī’ī fī al-Qur’ān al-Karīm*,” laman sesawang

Jami’ah al-Iman, dicapai pada 1 Mei 2018,

http://www.jameataleman.org/main/articles.aspx?article_no=1754.

“Exploring The Qur’an: Context and Impact,” laman sesawang I.B Tauris, dicapai pada 11

Mei 2018, [https://www.ibtauris.com/Books/Humanities/Religion--](https://www.ibtauris.com/Books/Humanities/Religion--beliefs/Islam/The-Koran/Exploring-the-Quran-Context-and-Impact)

[beliefs/Islam/The-Koran/Exploring-the-Quran-Context-and-Impact](https://www.ibtauris.com/Books/Humanities/Religion--beliefs/Islam/The-Koran/Exploring-the-Quran-Context-and-Impact).

“Exploring the Qur'an: Context and Impact,” laman sesawang I.B Tauris Publishers, dicapai pada 1 Mei 2018 <http://www.ibtauris.com/Books/Humanities/Religion--beliefs/Islam/The-Koran/Exploring-the-Quran-Context-and-Impact>.

‘Professor Muhammad A S Abdel Haleem, OBE,’ laman sesawang *SOAS, University of London*, dicapai 8 Oktober 2019, <https://www.soas.ac.uk/staff/staff30518.php>.

‘Professor Mohammad Abdel Haleem,’ laman sesawang *The King Fahad Academy*, dicapai 21 Jun 2019. <http://www.thekfa.org.uk/wp/about/board-of-trustees/professor-mohammad-abdel-haleem/>.

“SOAS Academic Awarded an OBE in Queen’s Birthday Honours,” laman sesawang *SOAS University of London*, dikemaskini 19 Jun 2008, dicapai 7 Oktober 2019. <https://web.archive.org/web/20080621004211/http://www.soas.ac.uk/news/newsite/m44235>.

“Trustees”, laman sesawang Cambridge Muslim College, dicapai pada 26 April 2018. <http://www.cambridgemuslimcollege.org/about/trustees/>

“War View: UK Muslims Must Obey UK Law,” dicapai pada 10 Jun 2018. http://news.bbc.co.uk/2/hi/uk_news/1634517.stm